


Jilid II  
Bil. 7

Hari Rabu  
16hb Mac, 1988



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

*House of Representatives*

PARLIMEN KETUJUH

*Seventh Parliament*

PENGGAL KEDUA

*Second Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 1081]**

### USUL:

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong—Y.B. Dr Abdul Hadi bin Derani [Ruangan 1161]**

### RANG UNDANG-UNDANG:

**Rang Undang-undang (Pembahagian) Pesaka Kecil (Pindaan) [Ruangan 1213]**

**Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan)  
[Ruangan 1221]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO PADUKA DAIM ZAINUDDIN (Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

Yang Berhormat Menteri Buruh, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).

- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH BIN GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).

TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).

DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K., (Kota Setar).

DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu).

TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K., (Sungai Petani).

TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).

TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).

DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).

DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).

DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).

DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS** (Simunjan).
- „ **DR CHEN MAN HIN** (Seremban).
- „ **TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P.** (Padang Serai).
- „ **TUAN CHIAN HENG KAI** (Bukit Mertajam).
- „ **TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU** (Tawau).
- „ **TUAN CHUA JUI MENG** (Bakri).
- „ **DR V. DAVID** (Puchung).
- „ **TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S.** (Betong).
- „ **DR ENG SENG CHAI** (Petaling Jaya).
- „ **TUAN FUNG KET WING** (Sandakan).
- „ **TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K.** (Gaya).
- „ **TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K.** (Jerai).
- „ **DR GOH CHENG TEIK** (Nibong Tebal).
- „ **TUAN GOOI HOCK SENG** (Bukit Bendera).
- „ **TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N.** (Tanah Merah).
- „ **TUAN HSING YIN SHEAN** (Tanjong Aru).
- „ **TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K.** (Sabak Bernam).
- „ **TUAN HU SEPANG** (Rasah).
- „ **TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI** (Pasir Mas).
- „ **TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN** (Kuala Nerus).
- „ **TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N.** (Keremban).
- „ **TUAN JAWAH ANAK GERANG** (Lubok Antu).
- „ **TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S.** (Kapit).
- „ **TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT** (Ulu Rajang).
- „ **DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K.** (Padas).
- „ **DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P.** (Tanjung Karang).
- „ **TUAN R. KARPAL SINGH** (Jelutong).
- „ **TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK** (Serian).
- „ **TUAN LAU DAK KEE** (Pasir Pinji).
- „ **TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.E., J.M.N., A.M.N.** (Pontian).
- „ **TUAN LEE LAM THYE** (Bukit Bintang).
- „ **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M.** (Taiping).

Yang Berhormat TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

Yang Berhormat | TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).

- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,  
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,  
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,  
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,  
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,  
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir  
Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).

Yang Berhormat PUAN SITI **ZAINABON** BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

- .. DATO' **ZAINAL ABIDIN** BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N.,  
B.K.M., P.J.K., J.P. (**Sik**).
- .. DATO' **ZAINAL ABIDIN** BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. DATO' HAJI **ZAKARIA** BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N.,  
P.J.K. (Besut).
- .. TUAN **ZUBIR** BIN **EMBONG** (Kuala Terengganu).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: **Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz, D.P.M.P., J.M.N., S.M.P., P.P.T.**

Ketua Penolong Setiausaha: **Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.**

Penolong Setiausaha: **Ghazali bin Haji Abdul Hamid A.M.N.**

Penolong Setiausaha: **Abdullah bin Abdul Wahab**

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: **Haji Yahya Manap.**

Penyunting Kanan: **P. B. Menon.**

Penyunting Kanan: **Haji Osman bin Sidik.**

Penolong Penyunting: **N. Ramaswamy.**

Penolong Penyunting: **Amran bin Ahmad.**

*Pelapor Perbahasan Parlimen:*

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Rabu, 16hb Mac, 1988

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang.*

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan.

*(Soalan No. 1. Y.B. Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan tidak hadir).*

PESTA KELAPA ANTARA-  
BANGSA

2. Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Pertanian memberitahu apakah kesan ekonomi yang positif yang diperolehi daripada pertandingan memanjat pokok kelapa yang telah diadakan baru-baru ini di Pulau Langkawi dan minta Kementerian berkenaan memberitahu berapa ramai peminat-peminat pokok kelapa yang "expert" dilahirkan setelah pertandingan itu diadakan setakat hari ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Pesta Kelapa Antarabangsa yang telah diadakan

pada 26 dan 27hb Disember, 1987 adalah merupakan antara usaha yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian bagi menggalakkan penggunaan kelapa dan seterusnya memberi kesan kepada harga kelapa. Di samping itu matlamat pesta ini juga ialah untuk bertukar-tukar pendapat atau pandangan di kalangan negara-negara utama pengeluar kelapa mengenai penggunaan kelapa muda khasnya dan kelapa amnya. Ianya juga bertujuan memperkenalkan Malaysia sebagai pembekal kelapa muda ke pasaran luar negeri serta memajukan potensi industri yang berkaitan dengan kelapa, memandangkan kelapa ialah tanaman serbaguna.

Memandangkan pesta tersebut diadakan lebih kurang dua setengah bulan yang lalu, maka pada masa kini, adalah sukar untuk mengukur serta menilai kekesanannya dari segi ekonomi. Namun begitu pesta ini telah berjaya memperkenalkan Malaysia khususnya Pulau Langkawi di kaca mata antarabangsa dan juga peserta yang mengambil bahagian, di samping dapat memberi promosi kepada barang-barang hasil daripada kelapa seperti kuih-muih, kraftangan dan sebagainya yang sebelum ini kurang diketahui umum.

Berhubung dengan soalan kedua, suka dinyatakan bahawa bukanlah menjadi hasrat pesta untuk melahirkan pakar memanjat kelapa. Pertandingan memanjat kelapa, sebenarnya adalah salah satu acara pesta bagi menunjukkan bahawa teknologi

penuaian kelapa muda adalah masih bergantung kepada cara tradisi iaitu dengan memanjat pokok itu sendiri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa semasa saya menonton Pesta Memanjat Pokok Kelapa di Langkawi baru-baru ini, dia ada dua jenis. Yang pertama, dia panjat menggunakan tali iaitu diikat tali di kaki; yang keduanya, dia memanjat secara memeluk pokok kelapa dan dia memanjat bertingkat-tingkat.

Saya ingin bertanya apakah kesan bagi pemanjat-pemanjat pokok kelapa lelaki itu oleh kerana saya rasa pihak Kementerian harus membuat kajian kesan sampingan sebelum kita memberi galakan. Kalau sekiranya terdapat kesan sampingan daripada memanjat pokok kelapa bagi orang lelaki tersebut, saya fikir eloklah kita buat cara-cara lain yang boleh, iaitu dengan menggalakkan beruk dan sebagainya. Saya harap Yang Berhormat faham apa maksud saya kesan sampingan, sebab orang lelaki kalau dia panjat pokok kelapa, dia terpaksa dalam bentuk itu, maka ada bahagian-bahagian yang rosak. *(Ketawa)*

Saya hendak bertanya apakah kesan sampingan yang telah dibuat kerana saya sendiri telah melihat banyak kawan-kawan yang memanjat pokok kelapa memaklumkan bahawa apabila dia memanjat pokok kelapa itu ada kesan sampingan. Jadi kalau kita menganiayai manusia, saya fikir perlulah dibuat kajian mengenai perkara tersebut. *(Ketawa)*

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, pertama saya sendiri pun belum pernah memanjat pokok kelapa. Kedua, setakat ini tidak ada lagi laporan mengatakan kesan-kesan sampingan itu wujud, mungkin

Yang Berhormat lebih mengetahui dalam soal ini dan mengikut kajian kita pun belum ada kesan sampingan sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada pihak Kementerian telah membuat kajian ataupun tidak sama ada negara kita cukup dengan pemanjat-pemanjat kelapa ataupun tidak. Jika tidak, adakah pihak Kementerian hendak mengadakan satu program untuk melatih petani-petani kita memanjat pokok kelapa?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya kita tidak mempunyai pemanjat yang mencukupi. Walau bagaimana sekalipun, kita berharap rakyat kita di Malaysia ini, kalau boleh, cubalah mempelajari sedikit sebanyak sebagaimana hendak memanjat pokok kelapa itu, sebab dari segi untuk memanjat pokok kelapa ini adalah satu cara yang susah hendak kita kendali apabila kita menggunakan teknologi baru. Kita terpaksa bergantung kepada cara tradisi. Di samping itu, kita juga ada beruk yang boleh diguna untuk memanjat pokok kelapa bagi memetik buah-buah kelapa.

**Tuan Mohammed Yusoff bin Abdul Latiff:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bahawa sambutan di atas perayaan atau Pesta Panjat Kelapa yang diadakan di Langkawi itu mendapat sambutan yang baik, saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian bercadang hendak mengadakan lagi pesta seperti itu di beberapa buah negeri yang lain?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang di-Pertua, kita berharap bahawa pesta yang semacam ini akan berjalan dari masa ke semasa, tetapi barangkali akan kita kendalikan mengikut negara ke negara.

Oleh sebab di negara kita terutamanya, kesannya begitu besar, umpamanya, pada hari ini, gerai kelapa muda telah bertambah daripada 754 kepada 1,187 dan penjualan kelapa muda sebulan meningkat daripada 440,000 kepada 700,000 dan harga kelapa tua, pada hari ini juga telah meningkat daripada 9 sen kepada 15-17 sen sebiji. Ini bermakna bahawa langkah semacam ini tidaklah merugikan negara, malahan menguntungkan negara. Kita berharap negara-negara yang mengambil bahagian baru-baru ini, akan bergilir-gilir mengadakan pesta semacam ini.

### HOSPITAL DAERAH PASIR PUTEH—PEMBINAAN

3. Tuan Haji Wan Omar bin Wan Majid minta Menteri Kesihatan menyatakan berhubung dengan Hospital Daerah Pasir Puteh:

- (a) bilakah tanah tapak telah diambil;
- (b) berapakah luasnya;
- (c) berapakah kos kerana pengambilan tanah tersebut; dan
- (d) adakah Kementerian bercadang hendak meneruskan pembinaan. Jika ya, bila.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya seperti berikut:

- (a) Urusan pengambilan tapak tanah Hospital Daerah Pasir Puteh telah selesai pada akhir tahun 1978.
- (b) Luas kawasan yang berkenaan ialah 12.1 hektar.
- (c) Kos bagi pengambilan balik tanah itu ialah \$480,273.00.
- (d) Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, Kementerian Kesihatan telah meneliti semula perancangan dan pelaksanaan

hospital-hospital di daerah-daerah dan negeri-negeri yang masih belum ada hospital. Adalah didapati bahawa dengan peruntukan keseluruhan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima untuk projek-projek pembangunan Kementerian Kesihatan Malaysia—peruntukan itu adalah terhadap—perlaksanaan Hospital Daerah Pasir Puteh perlulah ditangguhkan. Walau bagaimanapun, penduduk-penduduk Pasir Puteh, buat masa kini masih boleh mendapat perkhidmatan kesihatan dari Pusat-pusat Kesihatan, Klinik-klinik Desa dan Rumah Bidan di Pasir Puteh dan dari hospital-hospital berhampiran seperti Hospital Daerah Jerneh, Terengganu, Hospital Besar/Hospital Universiti Kubang Kerian, Hospital Besar Kota Bharu dan Hospital Daerah Machang.

### PELABURAN TABUNG HAJI DAN GALAKAN PENYIMPAN

4. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) jenis pelaburan yang disertai oleh LUTH dan turunkan senarai penuhnya;
- (b) bersetujukan Menteri berkenaan mengadakan biasiswa khas untuk anak penyimpan LUTH atas sebab-sebab tertentu sebagai galakan supaya orang ramai menyimpan di LUTH;
- (c) apakah galakan yang dibuat untuk menambah bilangan penyimpan dalam LUTH: dan
- (d) adakah LUTH bercadang untuk mengadakan perkhidmatan haji dengan menggunakan kapal laut

supaya orang-orang yang kurang simpanannya boleh menunaikan fardu haji.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan (a), jenis-jenis pelaburan yang disertai oleh Tabung Haji ialah:

- (i) pegangan ekuiti (pelaburan saham) untuk jangka panjang di dalam syarikat-syarikat;
- (ii) pelaburan jangka pendek melalui Pengurus-pengurus Tabungan dan Tabung Haji sendiri; dan
- (iii) Pelaburan dalam hartanah untuk mendapatkan hasil dari sewaan.

Pecahan serta jumlah pelaburan Tabung Haji dalam jenis-jenis pelaburan tersebut adalah seperti berikut:

<i>Jenis Pelaburan</i>	<i>Kos/ Pelaburan</i>
(i) Pegangan ekuiti jangka panjang:	
(a) Saham tercatat            48 syarikat	\$329.1 juta
(b) Saham tidak tercatat    22 syarikat	
(c) Anak-anak Syarikat      5 syarikat	
Jumlah:	75 syarikat
(ii) Pelaburan jangka pendek:	
Pengurus Tabungan dan Tabung Haji	\$23.4 juta
(iii) Pelaburan dalam hartanah	\$200.0 juta
Jumlah	\$552.5 juta

Bagi menjawab soalan (b), Tabung Haji tidak mempunyai peruntukan dalam Aktanya yang membolehkannya memberi biasiswa kepada anak-anak pendeposit. Dalam hubungan ini Kerajaan telah pun mempunyai Jabatan Perkhidmatan Awam, MARA dan Kementerian Pendidikan dan lain-lainnya yang menyediakan biasiswa-biasiswa untuk orang ramai.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, salah satu matlamat Tabung Haji adalah untuk memberi pulangan yang maksimum kepada

pendeposit-pendeposit Tabung Haji atas simpanan mereka. Ini merupakan salah satu bentuk galakan kepada orang ramai untuk menyimpan di Tabung Haji di samping menyimpan untuk masa hadapan dan pelajaran anak-anak mereka.

Bagi menjawab (c), galakan-galakan yang dibuat oleh Tabung Haji untuk mendapat bilangan penyimpan yang lebih ramai ialah:

- (i) memberi pulangan atau bonus yang tinggi kepada penyimpan-penyimpan pada setiap tahun. Dalam tahun 1986 kadar bonus ialah 7% dalam tahun 1987 kadar bonus ialah 7½%;
- (ii) membayar zakat perniagaan bagi pihak penyimpan pada kadar 2½%;
- (iii) skim bayaran bonus secara ansuran bulanan di mana penyimpan-penyimpan yang mempunyai simpanan yang tinggi jumlahnya boleh memilih supaya bonus yang dikredit ke dalam akaunnya pada akhir tahun dibayar kepadanya pada tiap-tiap bulan dalam tahun berikutnya;
- (iv) skim hadiah galakan sekolah-sekolah yang dilancarkan dalam tahun 1980 di mana Tabung Haji akan memberi hadiah kepada sekolah-sekolah yang membuat simpanan paling banyak dalam satu-satu tahun;
- (v) hadiah galakan kepada penyimpan yang mempunyai simpanan yang tinggi.

Bagi menjawab soalan (d), pada setiap tahun di dalam Borang Pendaftaran Naik Haji, jemaah haji diberi pilihan sama ada hendak pergi dengan kapal terbang ataupun kapal laut. Sekiranya terdapat sekurang-kurangnya 3,000 orang yang memilih

untuk pergi dengan kapal laut, Tabung Haji akan berusaha untuk mendapatkan perkhidmatan ini. Tetapi dukacita dimaklumkan bahawa pada setiap tahun, tidak lebih daripada 25 orang sahaja yang memilih untuk pergi dengan kapal laut. Dengan itu, perkhidmatan kapal laut tidak diadakan.

Selain daripada itu, perlu dimaklumkan di sini bahawa dalam keadaan harga minyak yang lebih tinggi sekarang dari kadar harga dalam tahun tujuh-puluhan, tidak semestinya tambang kapal laut akan lebih murah dari tambang kapal terbang.

**Tuan Ghazali bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setakat ini berapa ramai mereka yang menyimpan dalam Tabung Haji dan khususnya bagi pelajar-pelajar dalam sekolah-sekolah yang menyimpan dalam Tabung Haji itu?

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya tidak mempunyai angka penyimpan di peringkat sekolah sekarang ini. Saya boleh memberikan jawapan ini secara bertulis kepada Ahli Yang Berhormat dari Jerai.

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu galakan-galakan untuk orang Islam yang menyimpan wang dalam Tabung Haji. Sebagai yang diketahui umum Tabung Haji adalah tempat orang Islam menyimpan duit untuk pergi ke Mekah sejak 25 tahun yang lalu atas cadangan daripada Profesor DiRaja Ungku Aziz dan telah mencapai kejayaan yang cemerlang. Sebagai mengenang jasa penyimpan-penyimpan, adakah Yang Berhormat itu bersetuju supaya Tabung Haji menawarkan tiap-tiap tahun 50 kelamin umat Islam yang miskin dibawa ke Mekah menunaikan rukun

haji dengan percuma sehingga mendapat haji mabrur, moga dengan kerja kebajikan itu Tabung Haji akan mendorong lebih ramai lagi umat Islam menyimpan di Tabung Haji.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu daripada syarat haji ialah kemampuan bagi seseorang itu untuk mengerjakan haji. Jika sekiranya mereka tidak mampu, maka kewajipan ini tidaklah terletak pada diri mereka. Dengan itu, setiap orang yang hendak menunaikan fardhu haji mestilah mempunyai simpanan/tabungan yang mencukupi untuk diri dan untuk keluarga dan juga selepas pulang itu dia boleh hidup dalam keadaan yang amat sempurna. Jadi, dalam soal ini, Tabung Haji tidaklah bercadang untuk membawa keluarga-keluarga yang tidak berupaya ini selagi mereka tidak mempunyai tabungan yang mencukupi dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

#### BUKU AGAMA KRISTIAN— KEMASUKAN DI SABAH

5. **Tuan Maidom bin Pansai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan telah menahan beberapa risalah buku-buku yang berunsur agama Kristian yang dipesan dari luar negeri seperti Indonesia, Singapura atau sebagainya terutama sekali yang berbahasa Malaysia atau Indonesia daripada memasuki ke negeri Sabah atau manamana juga dalam negara Malaysia. Beberapa orang tertentu telah menyatakan bahawa buku-buku yang berunsur agama Kristian yang mereka telah pesan daripada Indonesia dan Singapura telah ditahan oleh pihak berkuasa Pejabat Pos. Kalau benar, apakah sebab-musababnya; dan tidakkah Kerajaan boleh bertolak ansur agar mempertimbangkan semula tindakan sedemikian untuk membolehkan risalah-risalah atau

buku seperti itu dibawa masuk di negeri Sabah atau di mana-mana juga di negara Malaysia memandangkan ianya sudah menjadi amalan mereka sejak sekian lama di negeri itu.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob):** Tuan Yang di-Pertua, kemasukan penerbitan-penerbitan luar negeri ke dalam Malaysia adalah tertakluk kepada sekatan pemeriksaan di pintu-pintu masuk bagi memastikan ianya tidak bercanggah dengan mana-mana peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987.

Penahanan sebarang penerbitan di pintu-pintu masuk berdasarkan kepada lunas-lunas undang-undang dengan mengambil-kira ketenteraman awam dan keselamatan negara. Penahanan tidak dikhususkan kepada penerbitan sesuatu agama atau bahasa sahaja.

**Tuan Maidom bin Pansai:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dalam perkara ini. Saya telah mendapat tahu bahawa penyekatan dan penahanan buku-buku itu oleh pihak Pejabat Pos adalah disebabkan hanya terdapat beberapa perkataan seperti "Allah", "Rasul" dan sebagainya. Saya bersetuju dengan jawapan tadi, namun perkara seperti ini tidak pernah terjadi, sekatan-sekatan tidak pernah dilakukan sejak beberapa tahun yang lalu dan hanya baru-baru ini sekatan ini telah dijalankan dan oleh sebab kejadian demikian, maka masyarakat-masyarakat berkenaan telah mula menyatakan bahawa kononnya Kerajaan tidak lagi menjunjung tinggi Perlembagaan yang memberi kebebasan beragama. Jadi, kalau sedar apakah tindakan Kerajaan dalam soal ini untuk menghapuskan prasangka ataupun tuduhan-tuduhan yang sedemikian akibat penyekatan yang secara tiba-tiba ini?

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, adalah sungguh sukar bagi saya untuk memberi jawapan bagi sesebuah Kementerian yang bukan dalam bidang kuasa Kementerian saya kerana kita tahu bahawa Pejabat Pos adalah di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos. Dengan itu, saya tidak mahu memberi komen tentang hal ini. Bagaimanapun Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengikut lunas-lunas yang telah pun dipersetujui atas mana-mana buku yang perlu ditahan atau diperiksa, tidak terkeluar daripada lunas-lunas itu dan tidak ada sekali niat untuk hendak menahan perkembangan mana-mana agama sekalipun.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat soalan tambahan. Adakah tidak biasanya Kementerian Dalam Negeri membenarkan buku-buku agama selain daripada buku-buku Agama Islam dibenar disebar dan dimasukkan ke dalam negara ini. Yang kedua, dapatkah Kementerian Dalam Negeri membenarkan sekiranya terdapat buku-buku agama lain dalam bentuk menyebarkan pengetahuan agamanya mengaitkan dengan akidah dan kemurnian Agama Islam sendiri.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang membenarkan buku-buku yang berunsur agama lain masuk ke dalam negara kita ini jika sekiranya ia tidak bercanggah dengan mana-mana fahaman atau anutan agama-agama lain yang ada di negara ini.

Perkara yang kedua, jika sekiranya ada buku-buku agama yang mengelirukan umat bagi sesuatu agama terutama agama negara ini, Agama Islam maka buku-buku itu akan diperiksa dengan seteliti-telitinya dan kalau diperlu kita akan menahan buku-buku tersebut.

## TAHUN MEMBACA

6. **Tuan Liew Ah Kim** minta Menteri Pendidikan menyatakan secara detail apakah rancangan yang telah disediakan oleh Kerajaan untuk menggalak rakyat lebih berminat membaca buku-buku yang akan memberi pengetahuan yang berguna demi menjayakan tahun 1988 sebagai Tahun Membaca.

**Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan pengisytiharan tahun 1988 sebagai Tahun Membaca, maka Jawatankuasa Rancangan Gerakan Membaca Peringkat Kebangsaan dan Negeri telah ditubuhkan. Tujuan utama penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa tersebut ialah untuk menggalakkan masyarakat Malaysia membaca dengan lebih luas bagi menambahkan ilmu pengetahuan. Dengan penglibatan dan kerjasama pelbagai pihak yang berkenaan, beberapa aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan sepanjang tahun 1988 ini. Antara aktiviti-aktiviti tersebut ialah.

- (1) Mengadakan siaran melalui media-massa.
- (2) Mengadakan Pesta Buku Akademik.
- (3) Pelancaran buku-buku terpilih.
- (4) Mengadakan promosi "Buku Terlaris Bulan Ini".
- (5) Mengadakan Pameran Buku Kanak-kanak Antarabangsa.
- (6) Melancarkan Bulan Perpustakaan.
- (7) Menggalakkan Penubuhan Perpustakaan Mini di rumah.
- (8) Melancarkan Bulan Penulis dan Pembacaan Tanah Air.
- (9) Mengadakan Pameran Serumpun Buku-buku Ilmu Berbahasa Melayu.

Di peringkat sekolah, beberapa aktiviti-aktiviti dijalankan sepanjang tahun ini iaitu:

- (1) Ulasan/Ceramah buku.
- (2) Minggu Bacaan.
- (3) Memberi hadiah berbentuk buku.
- (4) Kuiz Pengetahuan.
- (5) Khemah Membaca.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam usaha bagi kita kempen untuk tujuan galakan membaca buku-buku, kita sedar bahawa tempat yang utama ialah di sekolah-sekolah rendah dan Sekolah Menengah Kebangsaan. Tetapi kita tahu bahawa ada sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah tidak mempunyai perpustakaan langsung, manakala yang ada perpustakaan pun tidak begitu lengkap. Jadi, apakah rancangan Kementerian bagi memastikan semua sekolah-sekolah ini mempunyai buku-buku yang lengkap, up dated, dengan izin, di samping program-program lain sebab galakan menubuh mini perpustakaan di rumah-rumah itu merupakan sikap sukarela rakyat kita tetapi menanam semangat membaca di kalangan pelajar-pelajar adalah merupakan suatu approach yang paling berkesan kalau memandangkan kemajuan-kemajuan negara-negara luar yang kita tahu bahawa proses membaca buku ini bermula daripada institusi-institusi pendidikan.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan sentiasa memberi peruntukan kepada sekolah menengah untuk menambah buku-buku di dalam perpustakaan mereka tetapi peruntukan itu kita rasa pun tidak mencukupi dan sebab itu kita ada mendapat bantuan dari pinjaman Bank Dunia, di mana ada program untuk memberi buku kepada sekolah-sekolah sama ada di sekolah rendah

ataupun di sekolah menengah. Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan menggalakkan PIBG (Persatuan Ibu Bapa dan Guru-guru) untuk memberi sumbangan kewangan kepada perpustakaan sekolah itu dan yang sangat penting ialah kita hendak menggalakkan murid-murid dan penuntut-penuntut di sekolah berminat untuk membaca buku-buku di perpustakaan.

Dalam satu siasatan yang dibuat, kita dapati ramai murid tidak lagi berminat untuk membaca buku atau meminjam buku dari perpustakaan sekolah-sekolah masing-masing dan ini satu perkara kita harap semua ibu bapa dan semua guru akan dapat memberi nasihat menggalakkan kepada murid-murid untuk meminjam buku dan membaca buku dari perpustakaan.

**Tuan Teoh Teik Huat:** Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa buku-buku yang diimport di dalam negara kita adalah terlalu mahal. Jika ada, adakah Timbalan Menteri atau Kerajaan bercadang untuk memansuhkan cukai-cukai termasuk sales tax sebagai satu langkah untuk menggalakkan lebih banyak rakyat membaca buku.

**Tuan Woon See Chin:** Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini akan diambil perhatian dan Kementerian akan berhubung dengan Kementerian yang terlibat dengan perkara ini untuk menimbang cadangan ini.

### **KWSP—SKIM BARU PENGELUARAN WANG**

7. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Pasukan Petugas yang ditubuhkan oleh KWSP telah mengkaji pelbagai cadangan yang mendatangkan lebih banyak faedah kepada pencarum-pencarum KWSP, salah satu

daripadanya ialah membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan dengan bantuan kewangan, jika ada, bagaimana kemajuan yang telah dibuat. Adakah KWSP mempunyai apa-apa rancangan tertentu untuk membantu pencarum-pencarum KWSP yang menganggur terutamanya mereka yang berumur 50 tahun dan ke atas untuk mengeluarkan sebahagian caruman mereka setiap bulan atau faedah tahunan caruman mereka sehingga mereka mencapai umur 55 tahun apabila mereka boleh mengeluarkan keseluruhan amaun caruman.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, Pasukan Petugas yang ditubuhkan oleh KWSP telah pun membuat kajian ke atas cadangan-cadangan memperkenalkan beberapa skim baru pengeluaran wang. Pasukan Petugas telah pun memperakukan untuk pertimbangan Kerajaan dua skim baru iaitu skim pengeluaran bagi membolehkan ahli-ahli menunaikan fardhu haji dan pengeluaran sebahagian caruman KWSP untuk tujuan pelajaran tinggi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perakuan-perakuan Pasukan Petugas tersebut adalah dalam pertimbangan Kerajaan.

Cadangan-cadangan mengadakan skim pengeluaran untuk membantu pekerja-pekerja yang telah diberhentikan kerja tidak termasuk dalam perakuan Pasukan Petugas oleh kerana faedah berhenti kerja telah pun diperuntukkan dalam Undang-undang Buruh dan Perjanjian-perjanjian yang ditandatangani bersama di antara Kesatuan Pekerja dan Majikan. Di samping itu, cadangan skim pengeluaran berkenaan adalah tidak selaras dengan objektif utama penubuhan KWSP, iaitu menjamin bekalan kewangan di hari tua kelak.

KWSP tidak mempunyai apa-apa rancangan yang tertentu untuk

membolehkan pencarum-pencarum KWSP yang berumur 50 tahun ke atas yang menganggur untuk mengeluarkan faedah caruman ataupun sebahagian daripada caruman tiap-tiap bulan. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pencarum-pencarum KWSP boleh mengeluarkan 1/3 daripada caruman mereka apabila mereka mencapai umur 50 tahun, dan dalam tahun 1987 sahaja sebanyak 38,023 orang telah pun mengeluarkan 1/3 daripada caruman mereka yang berjumlah lebih kurang \$180 juta.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada di dalam cadangan-cadangan yang dipertimbangkan oleh Pasukan Petugas adalah yang berkaitan dengan satu syor yang dibuat kepada KWSP agar KWSP dapat menimbang untuk membayar pencen kepada para pencarum yang telah mencapai umur 55 tahun. Adakah juga satu syor yang dipertimbangkan oleh pasukan yang berkenaan, dengan satu skim insurans dan kesihatan untuk pencarum KWSP?

Yang kedua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa pihak Kementerian yang berkenaan tidak bercadang untuk merumuskan satu skim membantu pencarum yang menganggur, terutama mereka yang berumur 50 tahun. Akan tetapi di sini saya suka bertanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sungguhpun di bawah Undang-undang Buruh untuk kumpulan yang telah diberhentikan kerja mereka ada dibayar wang pampasan, akan tetapi memandangkan bahawa oleh kerana mereka belum sampai umur 55 tahun dan oleh hal yang demikian, mereka ada mengalami kesukaran harian, sama ada Kementerian yang berkenaan bercadang untuk mengkaji semula perkara ini?

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama mungkin terkeluar sedikit daripada soalan pokok, tetapi walau bagaimanapun, Kementerian telah pun menerima cadangan-cadangan yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang, iaitu berkenaan dengan skim perkhidmatan kesihatan dan insurans.

Pada masa ini pihak Kementerian belum lagi membuat apa-apa keputusan berkenaan cadangan tersebut, walau bagaimanapun, seperti yang telah saya tegaskan awal lagi bahawa skim KWSP adalah untuk menentukan bahawa pencarum-pencarum akan mendapat sedikit daripada faedah selepas mereka berumur 55 tahun. Kita telah pun mempunyai beberapa skim-skim yang tertentu seperti yang telah pun saya katakan tadi yang mungkin akan dimasukkan dalam skim-skim yang telah pun ada seketika ini.

Jika sekiranya seperti saranan Yang Berhormat tadi supaya adakan skim pencen pula, saya kurang yakin adakah ini boleh dimasukkan di bawah KWSP. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya ingin menegaskan di sini bahawa kita sedang dan telah pun mengkaji berkenaan cadangan memberi bantuan kepada pekerja-pekerja yang telah diberhentikan. Tetapi kita berpuas hati bahawa undang-undang sekarang ini cukup ataupun peraturan-peraturan yang ada ini cukup untuk memperbekalkan sebarang yang berkaitan dengan masalah-masalah yang timbul selepas daripada mereka diberhentikan kerja.

#### **KEAHLIAN MAJLIS KESELAMATAN BANGSA- BANGSA BERSATU**

**8. Tuan Haji Ibrahim bin Ali** minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapakah jumlah negara-negara yang

telah memberi kesanggupan tegas untuk menyokong Malaysia menjadi Ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu setakat ini. Apakah Malaysia mendapat sokongan semua negara-negara ASEAN.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri sedang meningkatkan kegiatan melobi untuk mendapatkan sokongan terhadap usaha Malaysia mendapatkan tempat di dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu bagi penggal 1988-89. Pemilihan akan dibuat semasa Persidangan Agung (General Assembly) yang ke 43 yang akan diadakan mulai bulan September yang akan datang ini. Pengundian memilih ahli-ahli Majlis Keselamatan akan diadakan secara sulit (secret voting). Oleh sebab sokongan yang telah diberikan oleh beberapa negara adalah berdasarkan "confidentiality", saya tidak dapat mengumumkan jumlah ataupun menamakan satu persatu negara-negara yang telah pun memberi sokongan mereka kepada Malaysia. Dalam pada itu, usaha melobi akan berterusan sehingga peringkat pemilihan dalam bulan September kerana banyak negara-negara yang hanya membuat keputusan mereka pada saat-saat yang terakhir. Penyiaran maklumat yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat, akan mendedahkan hasil yang telah pun dicapai dan ini akan menjejaskan strategi melobi kita.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia dijangka menghadapi tentangan daripada negara Bangladesh dan juga Cyprus bagi kerusi kawasan Asia yang akan dikosongkan oleh Jepun pada hujung tahun ini. Sungguhpun demikian, saya ingin menyatakan harapan Malaysia untuk menduduki kerusi tersebut di Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu amatlah baik, berasaskan

kepada sokongan-sokongan yang telah diterima dan ramalan sokongan yang dijangka akan diterima semasa pengundian kelak.

**Dato Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan bahawa untuk menduduki kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu mewakili kawasan Asia kita akan ditentang oleh pihak negara Bangladesh dan Cyprus dan saya rasa tentangan ini akan menimbulkan satu persaingan yang tidak sihat di antara negara-negara yang bersahabat dengan Malaysia. Saya ingin tahu daripada Yang berhormat Timbalan Menteri adakah usaha-usaha daripada negara kita untuk mengadakan perundingan dengan negara-negara Bangladesh dan Cyprus supaya kita mendapat satu persefahaman negara manakah perlu disokong dan tidak ada persaingan dan tentangan bagi negara Malaysia dicalonkan menjadi Ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan juga negara kita Malaysia telah menjadi ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu pada satu masa dahulu dan kenapakah pula sekarang Malaysia berlobi bersungguh-sungguh untuk sekali lagi menjadi ahli Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu, dan adakah ini oleh sebab faedah-faedah yang dapat diperolehi sebagai ahli Majlis Keselamatan dan juga mungkin apakah sumbangan-sumbangan yang boleh kita beri sebagai ahli Majlis tersebut?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang kalau boleh ingin mendapatkan satu "consensus", dengan izin, tentang untuk mendapatkan kerusi yang bakal dikosongkan pada penghujung tahun

ini dan pihak Kerajaan juga sedang berusaha untuk berbincang dan berpakat, kalau boleh, dengan negara-negara yang berkenaan yang ingin sama turut serta bertanding dengan cara berpakat kalau boleh diterima, kalau tidak pun kita terpaksa mengadakan pengundian.

Yang keduanya ialah berkenaan dengan mengapa Malaysia ingin pada kali ini bersungguh-sungguh untuk menduduki kerusi yang tersebut. Ini adalah dasar Kerajaan yang mana pada akhir-akhir ini kita mahu menunjuk kepada dunia yang kita pun telah berkeupayaan dan mampu untuk memberi pandangan dan pendirian yang tertentu dalam masalah hal ehwal antarabangsa, lebih-lebih lagi dalam isu keselamatan.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia telahpun dilantik sebagai salah sebuah negara dalam Jawatankuasa Pendamaian Perang Iran-Iraq yang hanya mempunyai 3 buah negara sahaja sebagai ahli-ahli anggotanya. Malaysia juga telahpun memainkan peranan yang banyak dalam berbagai masalah antarabangsa seperti masalah Antartika, tentang juga pencalonan dan pemilihan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Pengerusi Konfransi Dadah tahun sudah dan isu-isu seperti Kampuchea dan sebagainya di mana Malaysia membuat pendirian yang tegas dan nyata. Ini semua mencerminkan bahawasanya Malaysia telahpun dianggap dan diterima di kalangan dunia luar sebagai negara yang boleh memainkan peranan yang baik, yang penting dan berguna kepada Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Sebab itulah mengapa Malaysia beranggapan bahawasanya masanya sudah tiba dan kita jangkakan bahawasanya kita akan dapat sokongan yang agak menyeluruh daripada kawasan-kawasan Asia mahupun lain-lain kawasan untuk kita merebut dan

mengisi kerusi yang bakal dikosongkan oleh negara Jepun.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Umum menyedari bahawa negara-negara Timur Tengah mempunyai hubungan yang baik dengan kita. Namun dalam soal ini kita belum lagi melihat sebarang reaksi bahawa negara-negara Timur Tengah ini menyokong untuk kita menjadi ahli Majlis Keselamatan di Bangsa-bangsa Bersatu. Apakah ini benar, dan kalau benar, bagaimanakah rancangan serta usaha oleh pihak Kementerian bagi mendapatkan sokongan dari negara-negara Timur Tengah?

Soalan kedua, tadi disebutkan tentang usaha-usaha melobi. Bolehkah dinyatakan apakah bentuk usaha-usaha melobi yang telah dijalankan bagi memastikan bahawa kita diterima menjadi ahli Majlis Keselamatan, selain daripada kita bergantung rapat, beramah mesra dengan negara-negara yang mempunyai hubungan baik yang sedia ada seperti dengan Kerajaan Austria dan Australia?

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, anggapan Yang Berhormat tadi tentang tidak ada sokongan yang jelas daripada negara-negara anggota O.I.C adalah tidak benar oleh kerana ada negara-negara yang tertentu di Timur Tengah yang telahpun menyatakan sokongan mereka kepada Malaysia bagi merebut kerusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Tetapi malangnya saya tidak boleh menyebutkan satu persatu nama mereka oleh kerana ini strategi kita. Kalau perlu kita bolehlah berbincang secara satu persatu dan bolehlah saya nyatakan negara-negara yang telahpun menyuarakan sokongan mereka terhadap kita. Malah kita jangkakan lebih ramai ahli daripada anggota

O.I.C yang akan turut serta memberi sokongan mereka kepada kita.

Untuk jawapan bagi soalan ke-11, cara-cara kita melobi itu ada beberapa cara, pertamanya diusahakan oleh wakil-wakil kita di luar negeri untuk berbincang dan memujuk agar negara di mana mereka bertugas itu memberi sokongan kepada kita dan selain daripada itu kita gunakan juga wakil kita di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, kerana itulah tempat melobi yang paling hebat sekali, yang mana kita tentunya mendapat bantuan yang agak kuat daripada wakil kita di Bangsa-bangsa Bersatu di New York.

Selain daripada itu, terdapat juga selain daripada Perdana Menteri, Menteri Luar kita juga mengajak, mengharap dan menyuruh ahli-ahli Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang lain yang melawati secara rasmi negara-negara yang tertentu untuk juga melobi untuk mendapat sokongan agar dapat Malaysia memenangi kerusi yang diidam-idamkan itu.

**Dr Chen Man Hin:** Terima kasih, Tuan Speaker. Malaysia adalah satu daripada tiga calon yang hendak menjadi anggota dalam Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu. Kalau kita hendak menang, saya ingat rekod kita mesti 100% bersih jika dibandingkan dengan lain-lain negara seperti Cyprus dan Bangladesh. Dari segi politik, ekonomi dan lain-lain kita lebih baik, tetapi satu rekod kita tidak baik ialah hak asasi. Hak asasi . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat jangan buat ucapan. Terus soal.

**Dr Chen Man Hin:** Kalau rekod hak asasi kita tidak sihat—ini betul, jangan main-main—hak asasi tidak sihat, tidak clean, saya rasa sedikit susah mendapat kerusi itu.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Tuan Yang di-Pertua, saya kurang setuju tentang pendapat Yang Berhormat tadi tentang masalah kita untuk mendapat sokongan. Sebab apa, saya boleh memberi keterangan-keterangan kalau perlu tentang negara-negara yang mungkin dianggap tidak menyokong kita dari segi masalah hak asasi, tetapi dari segi kerusi Majlis Keselamatan mereka tetap menyokong kita.

#### AKTA HAK CIPTA— PELAKSANAAN

**9. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada beliau sedar semenjak Akta Hak Cipta dilaksanakan, kehidupan ramai rakyat kita terjejas dan mereka terpaksa menggulung tikar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementeriannya untuk membantu mereka-mereka ini menjalankan perniagaan alternatif.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, objektif Akta Hakcipta bukanlah untuk menyusahkan ramai rakyat. Akta ini adalah satu amalan antarabangsa yang digubal dan dikuatkuasakan oleh kebanyakan negara di dunia dan Malaysia tidaklah terkecuali daripada amalan ini.

Akta Hakcipta adalah amat mustahak untuk memberi perlindungan kepada pencipta-pencipta karya-karya tertentu seperti karya sastera, karya seni, karya muzik, filem, rakaman bunyi dan penyiaran. Tanpa Akta ini hasil-hasil ciptaan pencipta-pencipta karya seperti penggubah-penggubah lagu, pengarang-pengarang buku, artis-artis dan karyawan-karyawan lain akan dicetak rompak oleh orang-orang yang

tidak bertanggungjawab dan ini akan melemahkan karyawan-karyawan ini daripada mencipta karya-karya baru yang bermutu tinggi dan akhirnya negara akan ketandusan bahan-bahan intelek. Semenjak Akta Hakcipta ini dikuatkuasakan kesan yang positif mula dirasakan oleh karyawan-karyawan ini yang mana mereka mendapati bahawa Akta Hakcipta 1987 telah memberi nafas baru kepada mereka untuk mencipta karya-karya kerana ciptaan mereka akan dilindungi dan hasil yang diterima akan terjamin.

Bagi mereka-mereka yang menjalankan perniagaan karya-karya larangan (cetak rompak) adalah tidak wajar bagi Kementerian untuk membantu mereka-mereka mencari perniagaan alternatif. Terpulanglah kepada mereka untuk mencari perniagaan yang sah dan halal dari segi undang-undang dan moral.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Setiausaha Parlimen sedar bahawa terdapat banyak pihak yang belum memahami dengan lebih teliti tentang Akta Hakcipta ini oleh kerana kekurangan penerangan yang disampaikan kepada pihak yang terlibat dan saya ingin mendapat tahu apakah rancangan yang telah disediakan oleh Kementerian berkenaan untuk menerangkan Akta Hakcipta agar lebih banyak pihak dapat memahami khusus tentang pelaksanaannya?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya mengadakan beberapa wawancara di TV dan suratkhbar-suratkhbar supaya orang ramai boleh faham mengenai Akta Hak Cipta ini dan cadangan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat itu saya berterima kasih kepadanya supaya Kementerian saya akan berusaha lebih banyak untuk menerangkan atas Akta itu kepada rakyat Malaysia.

**Tuan Haji Ibrahim bin Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di dalam soal asal disebut di sini bahawa "semenjak Akta Hak Cipta dilaksanakan, kehidupan ramai rakyat kita terjejas". Bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah yang dimaksudkan "kehidupan ramai rakyat kita terjejas", sebab saya tidak faham soalan asal ini kerana yang saya faham apabila Akta Hak Cipta ini dijalankan, ianya telah melindungi pihak-pihak penerbit, pencetak-pencetak dalam menjalankan perniagaan masing-masing.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju atas pandangan Ahli Yang Berhormat. Untuk jawapannya bolehlah diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Rasah kerana beliau yang meminta soalan ini. (*Ketawa*).

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Arau.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya beri Yang Berhormat dari Arau.

**Tuan Hu Sepang:** Saya minta sedikit penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Nanti dahulu, Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Bilakah saya akan ganti tempatnya (*Ketawa*) jadi Setiausaha Parlimen?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Yang Berhormat dari Arau pula.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Hasil daripada pelaksanaan **Akta Hak Cipta** ini saya berpendapat **bahawa** banyak menolong karyawan-karyawan kita, artis-artis kita, penyanyi-penyanyi kita untuk menambahkan pendapatan. Ini merupakan satu cadangan yang baik, rakyat gembira sebab rakyat dapat mendengar lagu yang asli. Tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, sekarang ini pengeluar-pengeluar masih lagi mengeluarkan barangan yang sama dengan kualiti seperti yang dikeluarkan oleh pengusaha-pengusaha lanun dahulu. Sekarang ini cuma harganya lain—dahulu harganya \$3, sekarang ini jadi \$6-\$8—tetapi kualitinya masih sama. Jadi, apakah usaha ini dapat melindungi rakyat jelata yang mendengar ataupun menikmati hasil-hasil karyawan tadi?

Yang keduanya, adakah Malaysia menjadi ahli kepada mana-mana konvensyen dunia, seperti Berne Convention atau Universal Copyright Convention? Kalau ada, apakah keuntungannya?

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Malaysia belum lagi menyertai mana-mana konvensyen tetapi kita sedang mengkaji situasi dengan terperinci sebelum menjadi ahli dalam apa-apa badan dunia. Walau bagaimanapun, cadangan mengadakan perjanjian dua-hala hak cipta di antara Malaysia dan Amerika Syarikat dan juga United Kingdom, Malaysia sedang meneliti atas perkara itu dan di satu masa kita akan mengadakan satu perjanjian dengan Amerika Syarikat dan juga United Kingdom.

Untuk jawapan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, supaya rakyat kita dapat menikmati muzik ataupun karyawan-karyawan yang asli, sebab itulah kita memperkenalkan Akta Hak Cipta ini.

## PENTADBIRAN YANG BERSIH— MEMPERBAIKI

**10. Tuan Ting Chek Ming** minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki dan menjamin pentadbiran yang bersih, tidak rasuah dan “service orientated administration”.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul):** Tuan Yang di-Pertua, banyak usaha telah dijalankan oleh Kerajaan bagi memperbaiki dan menjamin pentadbiran yang bersih, tidak rasuah dan “service orientated administration”. Antaranya ialah:

- (1) Melaksanakan ketetapan yang dibuat menerusi peraturan dan mewujudkan satu sistem kawalan serta menanam semangat berkhidmat dengan mengamalkan etika kerja yang positif, memberi latihan kerja yang lebih tersusun, memperbaiki perkhidmatan kaunter, membuat peraturan-peraturan yang boleh meringkaskan kerja dan menyenangkan rakyat menerima perkhidmatan.
- (2) Mempergiatkan tindakan mengawal dan mencegah perbuatan-perbuatan rasuah, penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.
- (3) Melaksanakan penerapan nilai-nilai Islam di dalam pentadbiran negara untuk membentuk peribadi yang mulia, akhlak yang tinggi dan sifat amanah di kalangan pegawai-pegawai awam.
- (4) Menyarankan Etika Perkhidmatan Cemerlang untuk memupuk nilai-nilai positif di kalangan pegawai-pegawai awam supaya mereka terus memberi perkhidmatan yang

jujur, cekap dan berkesan. Ini termasuklah Penganugerahan Tokoh Khidmat Cemerlang kepada pegawai-pegawai yang didapati layak menerima anugerah ini sebagai dorongan dan perangsang serta menjadi contoh kepada pegawai-pegawai lain di dalam perkhidmatan awam.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada penerangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, nampaknya telah banyak perubahan yang telah dilakukan oleh Kerajaan. Saya ingin mendapat tahu apakah pihak Kerajaan telahpun mengadakan kajian dengan mengedarkan Questionnaire kepada orang ramai untuk melihat pandangan mereka mengenai prestasi yang telah dicapai oleh Kerajaan dengan langkah-langkah dan tindakan untuk menjamin pentadbiran yang bersih, tidak rasuah dan sebagainya? Kalau sudah dibuat, setakat mana pencapaian itu dan kalau belum, bila hendak dibuat?

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Kerajaan belum lagi menjalankan soal-selidik di kalangan masyarakat bagi menilai tingkat kerja yang dijalankan oleh kakitangan awam di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan mengambil pandangan ini sebagai satu nasihat yang baik untuk dijalankan. Walau bagaimanapun, keadaan sekarang telahpun banyak berubah sebagaimana pandangan Yang Berhormat tadi bahawa sekarang ini urusan-urusan Kerajaan telahpun dapat dijalankan dengan baik dan kita dapati telah banyak kekurangan komplek-komplek yang ditujukan kepada kakitangan awam. Ini menunjukkan bahawa perkhidmatan telahpun diperbaiki oleh kakitangan Kerajaan dari semasa ke semasa.

**Tuan Mohamed bin Haji Isa:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana yang dijelaskan oleh Setiausaha Parlimen sekejap tadi, Kerajaan memberi perhatian yang berat berhubung dengan prestasi Jabatan-jabatan Kerajaan dan agensi-agensinya. Saya ingin tahu selain daripada tugas-tugas yang telah diletakkan di bawah BPR hari ini yang telah menunjukkan prestasi yang baik untuk melicinkan dan mengawasi lagi agensi dan juga badan-badan swasta dan lain-lain, adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Jawatankuasa Pemandu ataupun satu jawatankuasa khusus di peringkat negeri dan jajahan untuk mengawasi dan memberi nasihat kepada agensi-agensi Kerajaan dan lain-lain badan untuk meningkatkan prestasi jabatan masing-masing?

**Tuan Othman bin Abdul:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan tidaklah bercadang untuk menubuhkan suatu Jawatankuasa Pemandu ataupun jawatankuasa khusus bagi menilai atau memberi nasihat kepada agensi-agensi Kerajaan di semua peringkat kerana memandangkan sekarang ini semua urusan Kerajaan ataupun usaha-usaha Kerajaan untuk memberi perkhidmatan Kerajaan ini telahpun dapat dijalankan dengan sempurna dan sememangnya pihak BPR telahpun dapat menjalankan tugas mereka dengan baik bagi mengawasi sebahagian kecil, atau boleh saya sebutkan sebahagian kecil pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan yang didapati akan menyalahgunakan kuasa ataupun menerima rasuah daripada orang ramai.

Yang kita harapkan sekarang ini ialah tanggungjawab orang ramai bagi memberikan maklumat-maklumat dan butir-butir lengkap, kalau boleh, kepada pihak BPR untuk siasatan lanjut dijalankan terhadap sebarang orang atau agensi yang didapati

menyalahgunakan kuasa ataupun menjalankan kegiatan-kegiatan yang berunsur rasuah ini.

## PELABURAN ASING

**11. Dr Abdul Hadi bin Derani** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pelaburan asing yang diterima di negara ini sepanjang tahun 1987 dan adakah jumlah tersebut melebihi daripada jumlah tahun 1986.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tahun 1987, jumlah ekuiti asing di dalam permohonan projek yang diterima ialah \$754.0 juta dan pada tahun 1986 ialah \$427.9 juta. Ini menunjukkan bahawa jumlah ekuiti asing dalam permohonan projek-projek yang diterima pada tahun 1987 melebihi ekuiti asing dalam permohonan projek-projek yang diterima pada tahun 1986 sebanyak \$326.1 juta atau 76.2%.

**Tuan Haji Mohamad bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sepertimana diterangkan tadi jumlah pelabur asing bagi tahun 1987 ialah sebanyak \$754 juta.

Saya ingin tahu dalam bidang manakah pelaburan yang banyak sekali dibuat, dan negara manakah yang banyak sekali melabur di Malaysia dalam tahun 1987.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, pelabur-pelabur asing menunjukkan minat dalam sektor elektrik dan elektronik, kayu-kayan dan pemerosesan makanan. Dan negara-negara asing yang menunjukkan minat untuk melabur di sini ialah Jepun, Amerika Syarikat, Netherlands dan sebagainya.

**Tuan Zubir bin Embong:** Tuan Yang di Pertua, apakah target yang dibuat atau yang disediakan oleh

pihak Kerajaan berkenaan dengan jumlah pelaburan asing di negara kita. Apakah kita mempunyai had ataupun tidak mempunyai had oleh kerana untuk jangka masa yang panjang, dibimbangkan kalau negara kita ini bergantung secara total kepada pelaburan asing, dan ini tentulah tidak akan memberi satu kebaikan untuk jangka masa yang panjang bagi negara kita.

**Tuan M. G. Pandithan:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang mengadakan beberapa lawatan ataupun rombongan di negara-negara asing untuk menarik lebih ramai pelabur-pelabur asing supaya kita dapat mengadakan modal yang besar, kita tidak hadkan, tetapi kita mahu lebih banyak modal.

## HOSPITAL/KLINIK KERAJAAN— BEKALAN UBAT

**12. Tuan Haji Mohamed bin Yaacob** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah ubat-ubat yang dibekalkan di klinik-klinik dan hospital Kerajaan tidak begitu memuaskan oleh pesakit-pesakit kerana sekarang ramai pesakit suka datang ke klinik swasta walaupun dengan bayaran yang mahal ataupun layanan yang kurang memuaskan.

**Dato' K. Pathamanaban:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua ubat-ubat yang dibekalkan di klinik-klinik dan hospital Kerajaan telahpun lulus ujian dari segi mujarabnya, mutunya dan keselamatannya. Ujian ini adalah dijalankan di Makmal Kawalan Kimia Ubat Kebangsaan, satu kemudahan Kementerian sendiri. Selain daripada itu, ubat-ubat yang dibeli adalah berdasarkan kepada nasihat dan syor pakar-pakar perunding yang kanan di Kementerian.

Kementerian Kesihatan telah menyediakan satu senarai ubat-ubatan

Kementerian Kesihatan yang mengandungi semua jenis ubat yang perlu dan akan disimpan di Hospital-hospital kita. Senarai ini mempunyai sebanyak 998 jenis ubat berdasarkan kepada jenis penyediaannya. Senarai ini sentiasa dikaji dan ubat-ubat yang perlu ditambah kepadanya, mengikut nasihat pakar-pakar perubatan kita dari masa ke semasa. Pada tahun lalu sebanyak 16 jenis ubat telah di tambah kepada senarai ini.

Tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa ramai pesakit telah beredar dari klinik-klinik Kerajaan kepada klinik swasta. Angka-angka yang diperolehi menunjukkan bahawa jumlah kedatangan pesakit ke klinik-klinik Kerajaan telah meningkat naik dari tahun ke tahun.

Pada tahun 1985, kedatangan pesakit luar ke kemudahan-kemudahan Kerajaan telah berjumlah lebih kurang 20,500,000. Tetapi pada tahun 1986 iaitu setahun kemudian angka ini telah meningkat ke 21,148,000 pesakit dalam di hospital iaitu in patient, dengan izin, juga menunjukkan peningkatan dari 1,068,788 kepada 1,169,284. Segala ini menunjukkan bahawa tidak ada asas untuk mengatakan bahawa ubat-ubat yang dibekalkan di klinik-klinik dan Hospital Kerajaan tidak memuaskan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1 dan 13 hingga 50 adalah diberi di bawah ini).*

#### **KENDERAAN BARU— PENGUBAHSUAIAN**

**1. Tuan Mohamed Sam bin Haji Sailan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sejak pengumuman

memeriksa “Kereta Ubahsuai” berapa banyak kereta yang telah diubahsuai yang ditahan dan diambil tindakan undang-undang. Apakah kriteria yang digunakan untuk menentukan kereta yang telah diubahsuai itu menepati syarat-syarat Kementerian dan kepakaran-kepakaran mana pula yang digunakan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail):** Semenjak laporan akhbar (bukannya pengumuman) disiarkan mengenai pengubahsuaian kepada kenderaan baru-baru ini, Jabatan Pengangkutan Jalan belum mengambil apa-apa tindakan undang-undang terhadap pemilik kenderaan-kenderaan yang telah diubahsuai. Sebaliknya, Jabatan Pengangkutan Jalan cuma menasihati pemilik-pemilik kenderaan yang didapati telah mengubahsuaikan kenderaan mereka supaya tidak melanggar peruntukan dalam undang-undang.

Kenderaan-kenderaan yang telah diubahsuai adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan seksyen-seksyen 12 dan 59 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Seksyen 12 antara lain, memerlukan pemilik-pemilik kenderaan memberitahu Ketua Pengarah atau Pengarah JPJ Negeri berkenaan secara bertulis apa-apa perubahan ke atas berat, dimensi, ciri-ciri pembinaan, butir-butir pengenalan dan tempat duduk selepas kenderaan tersebut didaftarkan. Keperluan pemberitahuan ini adalah untuk menentukan bahawa kenderaan itu berada dalam keadaan yang boleh digunakan (roadworthy) iaitu perubahan-perubahan yang dibuat tidak menjejaskan pembinaan, kelengkapan dan kegunaan kenderaan yang boleh membahayakan pemandu dan pengguna-pengguna jalanraya. Kenderaan-kenderaan yang telah membuat pengubahsuaian dan pemasangan perlu diperiksa untuk menentukan pengubahsuaian dan

pemasangan tidak menyalahi undang-undang. Seksyen 59 Akta Pengangkutan Jalan 1987 pula memberi kuasa kepada Jabatan Pengangkutan Jalan memeriksa dan mengenakan larangan kepada pemilik kenderaan supaya mematuhi kehendak pembinaan dan kelengkapan untuk memastikan kenderaan sesuai digunakan di atas jalan raya.

### **SISWAZAH MENGANGGUR— LATIHAN MARA**

**13. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (i) sepanjang tahun 1987, berapa banyakkah program khas yang telah dijalankan oleh MARA bagi latihan kepada siswazah yang menganggur dan berapa ramaikah siswazah yang terlibat.
- (ii) berpandukan kepada kejayaan pada tahun 1987, adakah MARA puashati. Nyatakan rancangan lain pada tahun 1988 bagi membantu mengatasi siswazah menganggur.

**Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali):**

- (i) Bagi makluman Yang Berhormat MARA memang sentiasa membuka peluang kepada siswazah menganggur yang berminat untuk mendapatkan kemudahan yang disediakan oleh MARA bagi menjayakan projek yang diusahakan oleh mereka. Khidmat yang disediakan oleh MARA adalah meliputi kursus-kursus perniagaan, kemudahan pinjaman, ruangniaga dan khidmat rundingcara.

Perkhidmatan yang disediakan adalah terbuka dan tidak ada program dan peruntukan khas untuk siswazah menganggur.

Sepanjang tahun 1987, dengan kerjasama dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), satu program iaitu Kursus Pembangunan Usahawan untuk siswazah telah diadakan. Seramai lebih kurang 53 orang siswazah telah dipilih dalam dua kumpulan.

Kumpulan yang pertama telahpun mengikuti kursus ini pada Februari, 1987 seramai 28 orang. Sementara kumpulan seramai 25 orang telah mengikut kursus yang sama pada bulan September, 1987.

Kursus ini bertujuan untuk mendedahkan konsep keusahawanan dan perniagaan kepada siswazah tersebut, dengan harapan mereka akan lebih bersedia untuk berdikari dengan menceburi bidang perniagaan. Dari maklumbalas yang diterima seramai 10 orang dari siswazah ini telahpun menceburi bidang perniagaan iaitu:

1. 2 orang dalam bidang memproses makanan.
2. 3 orang dalam bidang borongan.
3. 2 orang dalam bidang pengiklanan.
4. 2 orang dalam bidang sekolah perdagangan.
5. 1 orang dalam bidang perdagangan.

- (ii) Sebagaimana yang dinyatakan pada awalnya, program yang dijalankan itu adalah dengan kerjasama dari UKM. Usaha dan kemudahan yang disediakan oleh MARA adalah

merupakan perkhidmatan sokongan kepada siswazah yang memerlukannya. Siswazah-siswazah ini bolehlah menentukan sendiri apakah bidang dan kemudahan yang diperlukan di bawah program yang disediakan pada MARA ketika ini.

#### BANDUAN MELARIKAN DIRI

**14. Dato' Haji Kamaruzzaman bin Haji Ahmad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan banduan-banduan yang dapat melepaskan diri dari penjara dalam tahun-tahun 1980 hingga tahun 1987, dari jumlah ini berapakah yang telah dapat ditangkap semula dan apakah terlepasnya mereka ini dari tahanan disebabkan oleh kelalaian atau kurang pengawasan pihak penjara sendiri.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Sejak tahun 1980 hingga akhir tahun 1987, seramai 193 orang banduan telah melarikan diri dari penjara dan dari jumlah tersebut 137 orang telah ditangkap semula. Kecuaian dan kelalaian kakitangan penjara ketika menjalankan tugas adalah merupakan salah satu sebab kelarian berlaku.

#### PERJANJIAN SEMPADAN MALAYSIA—THAILAND

**15. Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan butiran perjanjian sempadan di antara Malaysia dan Thailand. Nyatakan kedudukan jaminan keselamatan dan jaminan kesetiakawanan hasil daripada perjanjian tersebut. Apakah masih ada pertikaian antara Malaysia dan Thailand mengenai sempadan.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):**

1. Untuk makluman Yang

Berhormat, butiran-butiran yang terkandung dalam perjanjian sempadan antara Malaysia dengan Thailand merangkumi:

- (a) tugas penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa dan
- (b) perbincangan, penyelarasan dan penyelesaian perkara-perkara yang bersangkutan dengan projek penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa.

Tanggungjawab di atas diperuntukkan kepada Jawatankuasa Sempadan Malaysia-Thailand di bawah Kementerian ini yang terkandung dalam Memorandum Persefahaman yang telah ditandatangani pada 8hb September, 1972, antara Malaysia dengan Thailand bersesuaian dengan Triti 1909 yang telah ditandatangani antara Great Britain dengan Siam pada 10hb Mac, 1909.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, perkara-perkara berkaitan dengan hubungan dua hala di-kelolakan oleh Jawatankuasa Am Sempadan (GBC) di bawah Majlis Keselamatan Negara dan Suruhanjaya Bersama Sempadan Malaysia-Thailand di bawah Wisma Putra. Bidang tugas Jawatankuasa/Suruhanjaya tersebut antara lain adalah seperti berikut:

- (a) GBC adalah bertanggungjawab untuk mengekal dan mempertingkatkan kerjasama bagi menjamin keselamatan bagi kawasan-kawasan di sepanjang sempadan antarabangsa.
- (b) Manakala Suruhanjaya Bersama Sempadan pula bertanggungjawab untuk mempertingkatkan hubungan dua hala dari aspek ekonomi, perdagangan, pelancongan, sosial dan kebudayaan.

3. (a) Kerja penandaan dan pengukuran sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand dimulakan pada 6hb Julai, 1973 dan berakhir pada 26hb September, 1985. Dalam tempoh tersebut, keseluruhan jarak sempadan darat sejauh 551.5 km telah siap ditanda dan diukur. Di samping itu, kedua-dua belah pihak telah menandatangani sejumlah 11 Memorandum Persefahaman serta 11 peta bagi kawasan-kawasan yang telah selesai diukur dan dipersetujui.
- (b) Dalam pada itu, di peringkat Jawatankuasa Sempadan Malaysia-Thailand, kedua-dua belah pihak belum mencapai kata sepakat untuk menetapkan jajaran sempadan di persekitaran Bukit Jeli kerana wujudnya perbezaan pendapat mengenai penetapan garisan sempadan di persekitaran kawasan Bukit Jeli.
- (c) Dalam usaha untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi, perkara ini telah dikemukakan kepada suruhanjaya Bersama Malaysia-Thailand untuk meneruskan usaha-usaha penyelesaian.

4. Mengenai jaminan keselamatan dan jaminan kesetiakawanan, Malaysia berpuashati atas kejujuran dan persahabatan Negeri Thailand dengan Malaysia, dan sekiranya pertikaian masih wujud, ini merupakan pertikaian kecil-kecilan yang biasanya wujud di antara dua negeri bersempadan. Namun demikian, pertikaian atau perselisihan yang kecil seperti itu dapat diselesaikan dalam semangat ASEAN.

5. Selain daripada masalah penetapan garis sempadan di persekitaran Kawasan Bukit Jeli, tiada pertikaian

yang serius yang wujud di antara Thailand dan Malaysia.

### GANGSTERISM DI SEKOLAH MENENGAH

16. Tuan Chua Jui Meng minta Menteri Pendidikan menyatakan tindakan dan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan dan seterusnya mengatasi masalah "gangsterism" dan "gang fighting" di Sekolah Menengah. Apakah punca-punca yang menyebabkan masalah disiplin ini.

**Menteri Pendidikan (Tuan Anwar bin Ibrahim):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berasaskan kepada maklumat yang diperolehi, masalah "gangsterism" dan "gang fighting" di Sekolah Menengah adalah sangat kecil. Namun demikian untuk mengelakkan pelajar-pelajar dari terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat itu, pihak sekolah ada menyediakan berbagai kegiatan ko-kurikulum yang dapat mengisi masa lapang pelajar secara berfaedah.

Selain dari itu tindakan keras, seperti buang sekolah, akan dikenakan ke atas pelajar yang didapati bersalah dan sah menganggotai satu-satu kumpulan haram.

Kementerian Pendidikan sentiasa berusaha untuk mengenalpasti punca masalah disiplin di sekolah-sekolah termasuklah masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, bagi tujuan mengatasinya.

### PELANCONG KE GUA NIAH

17. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan sudahkah membuat kajian untuk menarik

banyak pelancongan ke Gua Niah di Sarawak, gua semulajadi yang indah dan unik yang penuh dengan lagenda itu, jika sekiranya sudah sejauh manakah kejayaannya.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Setakat ini kajian yang menyeluruh belum lagi diadakan sama ada oleh Kementerian ini ataupun oleh Kerajaan Negeri Sarawak mengenai usaha menarik lebih ramai pelancong melawat ke Gua Niah di Sarawak. Walau bagaimanapun usaha sedang dibuat oleh Kementerian ini untuk meningkatkan lagi kemudahan infrastruktur dan jalan masuk ke Gua Niah untuk kemudahan yang lebih baik kepada para pelancong yang melawati gua ini. Usaha ini adalah sebagai tambahan kepada kemudahan-kemudahan lain yang telah sedia ada pada masa ini iaitu sebuah hostel yang boleh memuatkan 30 orang pelawat, 5 buah chalet, pejabat dan rumah kediaman untuk 4 orang kakitangan serta jalan masuk yang merupakan jalan kayu daripada Ibu Pejabat Taman Negara Gua Niah di Pekan Batu Niah untuk kemudahan berjalan kaki sahaja.

Daripada data-data yang dipungut didapati jumlah kedatangan para pelancong datang ke Gua Niah sentiasa meningkat. Pada tahun 1986 seramai 14,000 orang pelancong telah mengunjungi Gua ini, dan angka ini telah meningkat menjadi 16,600 orang pada tahun 1987.

Kerajaan Negeri Sarawak telah membuat perancangan untuk memperbaiki lagi kemudahan jalan masuk ke Gua ini, serta juga jalan-jalan di dalam kawasan Gua berkenaan. Lampu-lampu dan kemudahan tandas untuk para pelancong juga akan diperbaiki dan dipertingkatkan lagi.

## **PKEN DAN PERNAS—PENG-LIBATAN BUMIPUTERA**

**18. Dato' Dr Affiuddin bin Haji Omar** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah pihak Kementerian sedar bahawa banyak usaha-usaha industri pembuatan dan perkhidmatan serta perdagangan yang telah wujud dan sedang dirancang oleh badan-badan Amanah Bumiputera seperti PKEN dan PERNAS sedang dan akan bersaing hebat dengan usaha-usaha yang sama oleh usahawan-usahawan Bumiputera setempat. Kalau sedar berapa banyakkah syarikat-syarikat yang dipunyai oleh PKEN dan PERNAS yang diswastakan kepada usahawan Bumiputera.

**Menteri Perusahaan Awam (Dato' Napsiah binti Omar):** Penglibatan PKEN-PKEN dan PERNAS di dalam sektor korporate adalah bertujuan untuk menyusun semula masyarakat menerusi peningkatan hak milik Bumiputera di dalam sektor berkenaan. Ini adalah memandangkan bahawa pada awal penubuhan PERNAS dan kebanyakan PKEN-PKEN di awal tahun 1970an, hak milik kaum Bumiputera di dalam sektor korporate adalah amat kecil. Dengan adanya penglibatan PKEN-PKEN dan PERNAS di dalam sektor berkenaan di samping agensi-agensi Kerajaan yang lain, hak milik Bumiputera telah pun dapat ditingkatkan iaitu kurang dari 2.0% di awal tahun 1970an kepada 18.1% pada tahun 1985.

Penglibatan PKEN-PKEN dan PERNAS di dalam sektor pembuatan/pengilangan merangkumi pelbagai aktiviti; dari memproses makanan sehinggalah di dalam industri berat seperti pengeluaran besi waja, simen, perkapalan dan seumpamanya. Bidang-bidang ini masih kurang diceburi oleh kaum Bumiputera. Kebanyakan dari bidang-bidang ini memerlukan pelaburan yang besar dan

juga merupakan pelaburan jangka panjang. Bagi peningkatan hak milik Bumiputera di dalam sektor berkenaan, penglibatan PKEN di dalam aktiviti-aktiviti tertentu di dalam sektor berkenaan berperanan sebagai "catalyst" dan penggalak kepada penglibatan sektor swasta.

Oleh yang demikian, adalah tidak wajar sekiranya penglibatan PKEN-PKEN dan PERNAS, baik di dalam sektor pembuatan/pengilangan, perkhidmatan mahupun di dalam sektor perdagangan dilihat sebagai persaingan kepada usahawan-usahawan Bumiputera yang menceburi bidang-bidang berkenaan. Sebaliknya usaha usahawan Bumiputera perlulah melibat penglibatan PKEN-PKEN dan PERNAS di dalam sektor-sektor tersebut sebagai sesuatu yang positif ke arah meningkatkan hak milik Bumiputera di dalam sektor korporat. Sebagai agensi-agensi amanah, penyertaan PKEN-PKEN dan PERNAS di dalam semua bidang bukanlah bertujuan untuk mengekalkannya kepada agensi-agensi berkenaan, sebaliknya ia akan dipindahkan kepada kaum Bumiputera. Di sektor korporat umpamanya, syarikat-syarikat yang didapati berdaya maju akan dipindahkan kepada PNB apabila kriteria-kriteria yang telah ditetapkan telah dipenuhi. Sehingga kini sejumlah 5 buah syarikat di sektor pembuatan/pengilangan yang dimiliki oleh PKEN telah pun dipindahkan kepada PNB. Sementara itu PERNAS telah juga memindahmilik 11 syarikat yang untung kepada PNB.

Selain daripada pemindahan syarikat-syarikat di atas, tindakan menjual syarikat-syarikat tertentu turut diambil. Ini termasuklah penjualan kepada rakan kongsi syarikat mahupun pihak-pihak luar. Sehingga akhir Disember 1987, 26 buah syarikat PKEN-PKEN yang terlibat di dalam sektor-sektor tersebut

telah pun dijual; 12 daripadanya kepada usahawan Bumiputera dan bakinya kepada rakan kongsi yang bukan Bumiputera. PERNAS telah juga menyenaraikan anak syarikatnya Tradewinds di Bursa Saham Kuala Lumpur baru-baru ini dan langkah ini akan diteruskan di masa hadapan ke atas anak-anak syarikat yang lain.

## PERKHIDMATAN BANDARAN

**19. Tuan Mohamed Subky bin Haji Abdul Raof** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah serta usaha bagi memperbaiki kampung-kampung yang berada di dalam bandar-bandar seperti Kampung Gajah di Butterworth, Kampung Dodol dan Kampung Makam di Daerah Timur Laut agar kehidupan mereka terjamin sebagai penduduk bandar.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Penguasa-penguasa Tempatan sentiasa berusaha dan mengambil apa jua langkah yang sesuai dari masa ke semasa untuk memberikan perkhidmatan bandaran yang sewajarnya kepada semua kawasan yang berada dalam pentadbiran mereka. Oleh itu sekiranya sesebuah kampung itu, misalnya Kampung Gajah di Butterworth dan Kampung Dodol serta Kampung Makam di Pulau Pinang terletak dalam kawasan operasi sesebuah Penguasa Tempatan, maka ia pastinya menerima perkhidmatan-perkhidmatan bandaran berkenaan. Dengan cara demikian, kawasan-kawasan yang terlibat dapat diperbaiki dan taraf hidup penduduknya dapat dipertingkatkan.

Biasanya langkah-langkah dan perkhidmatan yang diberikan oleh Penguasa-penguasa Tempatan antara lainnya adalah dalam aspek-aspek berikut:

1. Pungutan sampah-sarap.

2. Pembinaan, penyelenggaraan dan pembaikan jalan-jalan raya, parit dan longkang yang berada dalam bidang kuasa Penguasa Tempatan.
3. Pembinaan, atau penyelenggaraan projek-projek pembangunan seperti jambatan, pasar, gerai, rumah sembelih, perhentian bas atau teksi, tandas dan lain-lain.
4. Pembinaan, dan pengawalan tempat-tempat awam.
5. Pelaksanaan projek-projek pengindahan misalnya penanaman pokok-pokok bunga dan penebuah.
6. Aktiviti-aktiviti lain yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan dengan Kerajaan Tempatan.

#### **PENERBITAN AKHBAR BAHASA MALAYSIA**

**20. Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah permit penerbitan akhbar berbahasa Malaysia yang telah dikeluarkan antara tahun 1965-1987;
- (b) jumlah permit penerbitan majalah berbahasa Malaysia yang telah dikeluarkan antara tahun 1965-1987; dan
- (c) sama ada pihak Kerajaan menggalakkan kaum bukan Melayu menerbitkan akhbar dan majalah berbahasa Malaysia untuk meningkatkan lagi penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan kaum bukan Melayu.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (a) Jumlah permit penerbitan akhbar berbahasa Malaysia yang dikeluarkan sehingga tahun 1987 ialah sebanyak 15 buah.

(b) Jumlah permit penerbitan majalah berbahasa Malaysia yang dikeluarkan dalam masa yang sama ialah sebanyak 262 buah.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa pihak Kerajaan tidak menyekat mana-mana kaum di negara ini untuk menerbitkan akhbar dan majalah berbahasa Malaysia. Walau bagaimanapun, sebagai peraturan biasa pihak Kerajaan akan menimbang dengan terperinci setiap permohonan untuk menerbitkan akhbar dan majalah sebelum ianya diluluskan bagi memastikan pengeluarannya tidak bercanggah dengan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 (Pindaan) 1987 dan undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa.

#### **KOMPUTER DI SEKOLAH-SEKOLAH**

**21. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Pendidikan menyatakan sejauh manakah perediaan atau langkah awal Kerajaan bagi menyambut rancangan mengujudkan sistem pengajaran melalui komputer di sekolah-sekolah pada masa hadapan. Berapa banyak komputer (kelab-kelab komputer) telah ada setakat ini dan nyatakan bagaimanakah caranya alat komputer ini dibekalkan ke sekolah-sekolah.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini 20 buah sekolah menengah terlibat dalam projek perintis "pilot project"—penggunaan komputer di sekolah-sekolah. Untuk menentukan penggunaan komputer secara teratur dan sistematik dalam pendidikan, Kementerian Pendidikan kini sedang membentuk satu dasar mengenai komputer dalam pendidikan.

Kini terdapat lebih kurang lima ratus kelab komputer di sekolah-sekolah. Kelab-kelab komputer ini memperolehi komputer masing-masing melalui:

- (a) hadiah daripada syarikat-syarikat swasta;
- (b) usaha Persatuan Ibubapa dan Guru; dan
- (c) wang yuran yang dikutip daripada ahli-ahli kelab.

### **KHEMAH KERJA KEJIRANAN**

**22. Tuan Gerard Math Lee Min** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (i) sejauh manakah kejayaan khemah kerja kejrangan dan apakah dayausaha yang akan dijalankan menjadikannya lebih berkesan; dan
- (ii) berapakah bilangan khemah kerja seumpama ini yang telah ditubuhkan setakat ini dan berikan angka-angka bagi tiap-tiap negeri.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman):**

- (i) Sehingga kini mengikut penilaian Jabatan Perpaduan Negara Khemah kerja kejrangan yang dianjurkan oleh Jabatan Perpaduan Negara secara serentak di seluruh negara dalam bulan Disember 1987 didapati telah berjaya di dalam mencapai objektif Jabatan iaitu memupuk semangat muhibah dan perpaduan di kalangan peserta-peserta yang terdiri daripada belia-belia berbilang keturunan dari kawasan sektor-sektor Rukun Tetangga yang dilibatkan. Untuk menjadikannya lebih berkesan Jabatan Perpaduan Negara

juga telah mengambil beberapa langkah khusus. Di antara langkah-langkah ini ialah dengan melatih pegawai-pegawai Jabatan Perpaduan Negara untuk menjalani latihan intensif sebagai fasilitator-fasilitator khemah yang dianjurkan. Di samping itu pengambilan peserta bagi khemah kerja kejrangan adalah dihadkan kepada 40 orang sahaja supaya setiap khemah kerja ini akan memberi kesan yang lebih kepada peserta-peserta mengenai konsep kejrangan.

- (ii) Usaha sedang dibuat oleh Jabatan Perpaduan Negara untuk mendapat sumbangan peralatan dan khemah daripada swasta supaya setiap Daerah mempunyai satu set peralatan untuk meningkatkan lagi kekesan projek ini.

### **PEMASARAN HASIL PERTANIAN**

**23. Tuan Lainus anak Andrew Luwak** minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerannya sedar kesulitan petani-petani kita sekarang ialah menjual tanaman atau buah-buahan atau hasil mereka. Adakah Kementerian Pertanian membuat kajian supaya hasil-hasil pertanian itu dapat disimpan (preserved) supaya ia tahan lama berminggu dan dapat dijual ke tempat-tempat ataupun negeri-negeri lain.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Kementerian Pertanian sedar akan kesulitan pemasaran hasil-hasil pertanian yang dihadapi oleh petani-petani di beberapa kawasan tertentu. Maka Kementerian menerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk mengatasi

masalah ini. Di antara langkah-langkah ini ialah:

- (a) Meluaskan saiz pasaran di dalam dan di luar negeri melalui kempen-kempen galakan untuk meningkatkan penggunaan hasil pertanian tempatan, dan melalui rombongan perdagangan di luar negeri.
- (b) Menggalakkan penyertaan petani-petani di dalam pemasaran hasil pertanian keluaran mereka secara terus melalui penubuhan pasar tani. Sehingga akhir tahun 1987 sebanyak 54 buah pasar tani telah di tubuhkan yang melibatkan seramai 2,049 orang petani.
- (c) Mempertingkatkan maklumat pasaran di dalam bidang pengesanan permintaan, pengesanan bekalan dan menyelidiki pasaran bertujuan merancang pemasaran dan pengeluaran, hasil pertanian yang lebih berkesan.
- (d) Memperbaiki amalan pemasaran di peringkat ladang dan pasaran melalui aktiviti pendidikan dan kawalan pemasaran.

#### **KWSP—CARUMAN TIDAK DITUNTUT**

**24. Tuan Jawah anak Gerang** minta Menteri Kewangan menyatakan berapakah jumlah Wang Simpanan Pekerja (EPF) yang tidak dituntut pada tahun 1985, 1986 dan 1987 dan apakah sebab-sebab wang tersebut tidak dituntut.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Jumlah caruman Kumpulanwang Simpanan Pekerja (KWSP) yang tidak

dituntut pada akhir tahun 1985 dan 1986 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah \$
1985 .. .. .	3.165 juta
1986 .. .. .	3.674 juta

Bagi tahun 1987, angka-angka yang masih belum diaudit menunjukkan bahawa jumlah caruman yang tidak dituntut ialah \$3.864 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah caruman yang tidak dituntut berlaku apabila waran-waran pembayaran dikembalikan kepada KWSP dan pencarum berkenaan tidak dapat dihubungi oleh kerana alamat yang diberi adalah salah atau pencarum telah berpindah tanpa memberitahu KWSP tentang pertukaran alamat tersebut. Ada juga kes-kes tertentu berlaku di mana walaupun waran-waran pembayaran telah diterima oleh pendeposit, tetapi waran-waran tersebut tidak ditunaikan.

#### **PUSAT PENYELARASAN PENGUATKUASAAN MARITIM**

**25. Dr Eng Seng Chai** minta Menteri Pertanian menyatakan sama adakah benar Pusat Kebangsaan Kordinasi Penguatkuasaan Perairan (National Maritime Enforcement Coordination Centre) di Lumut hanya akan bertindak atas semua kes-kes rompakan dan perampasan nelayan Malaysia oleh Lanun dari negara jiran apabila mendapatkan laporan rasmi di Pusat sahaja. Bukankah laporan di Balai-balai Polis mencukupi menggerakkan Pusat tersebut ambil tindakan. Adakah perondaan kawasan perairan dan perikanan ditingkatkan sekarang mencegah kes-kes rompakan lanun.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Adalah tidak benar yang Pusat

Penyelarasan Penguatkuasaan Maritim, hanya akan bertindak ke atas kes-kes rompakan di luar dan gangguan lanun terhadap nelayan tempatan, jika laporan rasmi dibuat di Pusat tersebut sahaja.

Laporan mengenai kejadian-kejadian tersebut boleh dibuat di mana-mana Balai Polis ataupun Pejabat Perikanan yang berhampiran sekali dan tindakan akan diambil sebaik sahaja laporan itu diterima.

Apa yang menjadi masalah ialah nelayan sering tidak mahu membuat laporan ataupun lewat membuat laporan. Oleh yang demikian, jika kejadian-kejadian sebegini terjadi, maka nelayan adalah diminta agar membuat laporan serta merta bagi membolehkan tindakan segera diambil oleh pihak berkuasa.

Selain daripada itu rondaan-rondaan di laut serta pengawasan udara telah pun dan akan terus dipertingkatkan di kawasan Perairan Perikanan Malaysia bagi mencegah kes-kes rompakan lanun.

Para nelayan tidaklah perlu bimbang tentang keselamatan mereka dan pihak berkuasa suka memberi jaminan bahawa keadaan adalah terkawal dan keselamatan nelayan di laut sentiasa diawasi serta diberikan perhatian berat oleh pihak berkuasa.

### **POLARISASI KAUM**

**26. Tuan Teoh Teik Huat** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan akan polarisasi kaum yang semakin buruk di negara ini, adakah beliau akan menyahut seruan yang dibuat oleh Ketua Pembangkang, Ahli dari Tanjong, Sdr. Lim Kit Siang dalam ucapannya semasa belanjawan pada tahun lalu yang menyeru supaya ditubuhkan satu Majlis Perundingan Kebangsaan Semua Parti-parti Utama

dianggotai oleh pemimpin-pemimpin parti-parti utama dalam sessi tertutup bagi memadamkan ketegangan kaum di negara ini.

**Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman:** Terlebih dulu ingin saya nyatakan di sini bahawa di masakini keadaan polarisasi kaum ada terkawal, usaha sedang diteruskan oleh Kerajaan untuk memperkukuhkan lagi perpaduan di antara kaum dalam negara.

Majlis Perundingan Kebangsaan tidak perlu ditubuhkan pada masa ini. Majlis ini dibentuk semasa Negara diperintah secara MAGERAN untuk memberi ruang perundingan kepada rakyat.

Untuk maklumat Dewan ini Kerajaan telah menubuhkan Panel Penasihat Perpaduan Negara yang mempunyai perwakilan dari berbagai keturunan dari seluruh negara. Panel ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dapat memainkan peranan dengan kekesan yang memuaskan.

### **PERHIMPUNAN MENYOKONG PERDANA MENTERI DI BALING**

**27. Tuan Chian Heng Kai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada pihak polis sedar bahawa satu perhimpunan untuk menyokong Perdana Menteri diadakan di Baling, Kedah pada 7hb Februari, 1988 pada 3 pm. hingga 5 pm.; jika ya, sama ada perhimpunan tersebut memperoleh kebenaran polis, jika ya, bilakah permohonannya dikemukakan, jika tidak, apakah tindakan sudah, sedang dan akan diambil terhadap mereka yang bertanggungjawab.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang

Berhormat, majlis yang diadakan di Dewan Tun Abdul Razak Baling, Kedah pada 7hb Februari, 1988 di antara jam 3.00 hingga 5.00 petang adalah merupakan Majlis Kursus Sivik di mana kehadirannya terdiri daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) seluruh daerah Baling. Majlis tersebut diadakan juga bertujuan memberi penerangan tentang hal ehwal semasa kepada Ahli-ahli JKKK dan dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Memandangkan majlis ini adalah anjuran pihak Kerajaan Negeri dan diadakan di tempat tertutup maka permit polis tidak diperlukan.

#### CUKAI PENDAPATAN ATAS BANGUNAN

28. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mengecualikan cukai pendapatan atas bangunan untuk kegunaan persatuan sendiri sahaja dan bukan untuk berniaga seperti apa yang sedang dinikmati oleh individu sekarang, jika tidak, mengapa.

**Tuan Mohamad Farid bin Ariffin:** Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sesebuah Persatuan yang mempunyai bangunan yang digunakan sendiri dan bukan untuk perniagaan adalah dikenakan cukai pendapatan menurut peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 di mana cukai dikenakan ke atas "net rateable value". Kerajaan tidaklah bercadang untuk mengecualikan cukai atas bangunan tersebut sebagaimana yang diberi kepada seseorang individu ke atas sebuah rumah kediaman yang dimiliki dan didudukinya. Ini adalah kerana bangunan-bangunan yang dimiliki oleh Persatuan berkenaan tidaklah boleh disifatkan sebagai rumah kediaman untuk menikmati pengecualian tersebut.

#### LAWATAN KE CHINA— KEBENARAN

29. Tuan Tan Kok Wai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah pasport warganegara Malaysia akan sah digunakan untuk melawat Republik Rakyat China. Rakyat Malaysia patut dibenarkan melawat negara China secara bebas memandangkan kita telah lama mengadakan perhubungan diplomatik dengan Republik Rakyat China.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Kerajaan tidak bercadang untuk "memperlakukan" pasport warganegara Malaysia untuk melawat Republik Rakyat China secara bebas. Sekatan perjalanan ke Republik Rakyat China perlu diteruskan atas sebab-sebab politik dan keselamatan. Alasan-alasan ini masih lagi terpakai walaupun Kerajaan telah lama mengadakan perhubungan diplomatik dengan Rakyat China.

#### SKIM PERUMAHAN KEPADA PEMINJAM

30. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar pihak Institusi Kewangan di negara kita telah menaikkan beberapa syarat sebelum memberi pinjaman wang untuk skim perumahan kepada peminjam-peminjam. Dengan kenaikan syarat-syarat tersebut bilangan peminjam telah berkurangan dan beberapa pihak pemaju sedang menghadapi masalah penjualan rumah. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menyelesaikan masalah dengan institusi-institusi kewangan tersebut dan membantu lebih ramai rakyat jelata membeli rumah masing-masing.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Untuk makluman Yang Berhormat, Bank Negara telah mengarahkan

institusi-institusi kewangan supaya melonggarkan syarat-syarat bagi pinjaman untuk membiayai pembelian rumah kos rendah. Kelonggaran syarat-syarat ini termasuk kelayakan peminjam, syarat-syarat balik dan pendahuluan pinjaman yang lebih tinggi bagi peminjam-peminjam yang layak. Bagi pinjaman untuk membeli lain-lain jenis rumah, kadar maksimum faedah ialah 1.75% di atas "Base Lending Rate" atau 9% yang mana lebih rendah. Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan bersedia menyasat perkara ini, jika Yang Berhormat dapat mengemukakan kes-kes yang lengkap kepada Kementerian Kewangan.

### SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AGAMA— PENUBUHAN

**31. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah matlamat akhir penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan sejauh mana pencapaiannya hingga sekarang ini.

**Tuan Anwar bin Ibrahim:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tujuan dan matlamat penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama ialah:

- (a) Mendidik pelajar-pelajar dengan keperibadian Islam supaya menjadi orang-orang yang beriman, bertaqwa dengan ajaran Islam dalam segala cara kehidupan yang bertamadun.
- (b) Menyediakan pelajar-pelajar dengan pendidikan yang boleh membantu mereka untuk mencapai tujuan hidup manusia iaitu ke arah kebahagiaan di dunia dan di akhirat.
- (c) Menyediakan pelajar-pelajar dengan pendidikan Islam untuk

mbolehkan mereka memainkan peranan dalam bidang yang berkaitan dengan Agama Islam.

- (d) Menyediakan pelajar-pelajar bagi membolehkan mereka melanjutkan pelajaran dalam berbagai bidang ilmu pengetahuan di institusi pelajaran tinggi, sama ada di dalam atau diluar negeri, supaya mereka dapat memberikan sumbangan yang lebih besar dan berkesan untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Pencapaian pelajar-pelajar dari segi pelajaran pada amnya adalah baik. Sebilangan besar dari sekolah-sekolah ini memperolehi pencapaian 98% ke atas dalam Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia. Walau begitu usaha-usaha untuk mempertingkatkan mutu pencapaian bagi tiap-tiap mata pelajaran yang diambil sedang dan akan terus dijalankan. Ramai di antara murid-murid telah dapat melanjutkan pelajaran mereka di institusi pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri.

Semasa di sekolah pelajar-pelajar dibimbing dan dilatih mengamalkan ajaran Islam, dan pada amnya amalan ini berjalan dengan baik. Kesan daripada pendidikan ini, pelajar-pelajar lepasan dari sekolah-sekolah berkenaan pada amnya dapat menjalani kehidupan mereka mengikut ajaran Islam.

### PETRONAS—KEUNTUNGAN TERKUMPUL

**32. Tuan Fung Ket Wing** minta Perdana Menteri menyatakan keuntungan terkumpul PETRONAS setakat ini, bagaimanakah wang tersebut dilaburkan serta nyatakan jenis pelaburan dan bagaimanakah ini menguntungkan rakyat kita.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam):** Keuntungan terkumpul PETRONAS hingga 31 Mac 1987 ialah berjumlah \$14,512 juta. Sebahagian besar (kira-kira 90%) daripada keuntungan tersebut dilaburkan dalam bentuk sekuriti Kerajaan dan simpanan di bank-bank, syarikat-syarikat kewangan dan institusi-institusi kewangan tempatan yang berlesen, sementara sebahagian lagi dilaburkan di dalam projek-projek petroleum melalui anak-anak syarikat milik PETRONAS atau secara usahasama.

Pelaburan yang dibuat oleh PETRONAS dalam bentuk simpanan di bank-bank dan institusi kewangan tempatan menjadi sumbangan utama pinjaman kepada projek-projek perindustrian dan perniagaan. Pelaburan dalam bentuk sekuriti Kerajaan juga telah dapat membantu meringankan beban Kerajaan bagi melaksanakan projek-projek pembangunan negara, sementara projek-projek petroleum yang dilaksanakan telah dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan perniagaan kepada rakyat negara ini.

Pulangan yang diperolehi daripada pelaburan tersebut itu juga merupakan sumber pendapatan kepada Kerajaan yang dibayar oleh PETRONAS dalam bentuk cukai pendapatan dan dividen. Pihak Kerajaan telah membelanjakan hasil pendapatan ini bagi melaksanakan projek-projek pembangunan negara yang mana telah memberi manfaat kepada rakyat negara ini keseluruhannya.

Di samping itu daripada pendapatan operasi minyak dan gas bagi tahun kewangan 1986/87 PETRONAS telah membayar duti eksport sebanyak \$741 juta kepada Kerajaan Persekutuan dan royalti sebanyak \$780 juta kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri Sabah, Sarawak dan Terengganu yang digunakan untuk

membayai berbagai projek pembangunan Persekutuan dan Negeri.

### LAWATAN MENTERI LUAR NEGERI KE FIJI

**33. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Luar Negeri berikan satu laporan tentang lawatan khas beliau ke negara Pulau Fiji dengan menerangkan tujuan dan sebab-sebab lawatan khas itu.

**Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Lawatan saya ke Fiji dari 28 hingga 30 November 1987 adalah atas arahan Jemaah Menteri. Lawatan ini adalah satu lawatan muhibbah berasaskan persahabatan yang lama dan erat antara Malaysia dan Fiji. Tujuan lawatan ini untuk mengambil maklum secara lebih dekat lagi mengenai perkembangan politik serta langkah-langkah yang diambil oleh Fiji supaya Kerajaan Malaysia dapat menggubal dasar yang sesuai terhadap Fiji. Lawatan itu juga bertujuan untuk bertemu dengan pemimpin-pemimpin Fiji yang berkenaan. Selain dari itu, ia juga adalah untuk meninjau kemungkinan meluaskan lagi kerjasama dua hala serta mengenalpasti peluang-peluang mengembangkan perdagangan dan penglibatan sektor swasta Malaysia dalam pembangunan ekonomi Fiji.

Pada keseluruhannya, lawatan saya ke Fiji berhasil mencapai matlamatnya di mana lawatan ini telah berjaya mewujudkan persefahaman yang lebih mengenai perkembangan di Fiji dan juga menjalinkan hubungan yang lebih erat. Di samping itu, kerjasama ekonomi dan teknik serta hubungan perdagangan antara kedua-dua negara boleh dipertingkatkan. Malaysia bersedia membantu Fiji setakat kemampuannya di dalam usaha-usaha negara tersebut memulihkan semula keadaan negara itu.

Dengan wujudnya keinginan Fiji untuk meningkatkan lagi perhubungan dengan negara-negara Asia Tenggara, Malaysia mempunyai peluang yang baik untuk menambahkan penglibatannya di dalam bidang ekonomi dan perdagangan negara Fiji. Kerajaan akan berusaha bersama Kerajaan Fiji untuk meningkatkan perdagangan dua hala termasuk mencari pasaran baru di Fiji untuk barangan-barangan Malaysia dan pelaburan bersama dalam beberapa projek pembangunan negara itu.

### HOSPITAL BESAR TAWAU— PEMBAIKAN

34. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) bilakah kali terakhir Hospital Besar Tawau diperbaiki dan dibersihkan keseluruhannya; dan
- (b) mengenai kenaikan yuran perubatan di Hospital Besar Tawau sedangkan kemudahan yang diadakan jauh kurang memuaskan.

Dato' K. Pathmanaban:

- (a) Penyelenggaraan/pembaikan hospital-hospital sentiasa dijalankan mengikut keperluan. Bagi Hospital Daerah Tawau dalam tahun 1987 sejumlah \$10,000 telah dibelanjakan bagi saluran "sewerage" dan \$75,000 bagi kerja-kerja membaiki kawasan hospital. Bagi tahun 1988 sebanyak \$40,000 telah diperuntukkan bagi penyelenggaraan Am dan \$25,000 untuk membaiki setor.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa alat-radas dan kelengkapan seperti Mesin X-ray, Gastroskop dan lain-lain telah dibekalkan ke Hospital ini

pada tahun 1987. Bagi tahun 1988 pula beberapa alat perubatan juga akan dibeli untuk meningkatkan perkhidmatan rawatan perubatan.

- (b) Untuk makluman Yang Berhormat, fee perubatan di Hospital Daerah Tawau adalah seperti di Hospital-hospital Kerajaan yang lain dan ianya tidak dinaikkan sejak 1983. Kerja-kerja pembaikan dan kemajuan taraf kemudahan dan rawatan di Hospital-hospital dijalankan bila-bila perlu dan tidak ada berkaitan dengan kutipan fee di Hospital tersebut. Seumpamanya, di Hospital Daerah Tawau, kutipan fee hanya berjumlah \$378.096 pada tahun 1986 berbanding dengan perbelanjaan untuk menjalankan Hospital itu yang berjumlah lebih dari \$4.5 juta, iaitu kutipan merupakan hanya 8.35% dari perbelanjaan.

### PENDAPATAN RENDAH PEKERJA

35. Tuan Hsing Yin Shean minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pendapatan kakitangan awam telah jatuh hampir 28% dalam tempoh lapan tahun kebelakangan ini disebabkan oleh inflasi dan sama ada Kerajaan akan memberi sedikit sebanyak kompensasi atau menimbangkan penyelarasan gaji untuk kakitangan Kerajaan yang mengalami kerugian ini. Jika tidak, mengapa.

Tuan Othman bin Abdul: Kerajaan memang sedar akan keadaan inflasi yang berlaku dalam negeri yang boleh menyebabkan pekerja-pekerja kumpulan berpendapatan rendah mengalami sedikit kesulitan hidup akibat daripadanya. Oleh kerana itulah maka Kerajaan telah membuat

pelarasan gaji kepada pekerja-pekerja kumpulan berpendapatan rendah pada tahun 1985 dan 1986. Walaupun keadaan ekonomi dan kewangan negara semasa telah bertambah baik sekarang, keadaan ini masih belum mengizinkan Kerajaan untuk menimbangakan lagi apa-apa bentuk pelarasan gaji atau kompensasi untuk pekerja-pekerja sektor awam.

### BELIA PELADANG/BELIA NIAGA

**36. Dr Ting Chew Peh** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) kemajuan yang dicapai dalam Projek Belia Peladang dan Rancangan Belia Niaga; dan
- (b) langkah-langkah, jika ada, yang diambil untuk menggalakkan penyertaan dari belia pelbagai kaum dalam projek-projek tersebut.

**Menteri Belia dan Sukan (Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Razak):**

- (a) Skim Projek Belia Peladang yang telah diwujudkan oleh Kementerian ini pada asalnya adalah bertujuan untuk menggalakkan belia-belia menyertai persatuan dan membantu mereka mengusahakan projek-projek pertanian sebagai suatu aktiviti sosial. Oleh kerana ianya sebagai mendorong kepada kegiatan sosial setempat maka skim ini tidak mendapat kejayaan sebagaimana yang diharapkan menyebabkan pada tahun 1983 ianya telah dibekukan untuk dibuat kajian. Walau bagaimanapun, mulai tahun ini ianya telah dilancarkan semula tetapi mempunyai objektif ke arah pengwujudan projek-projek pertanian yang berbentuk komersial melalui pemberian pinjaman di bawah

Tabung Amanah Ekonomi Belia. Kumpulanwang Pembangunan Ekonomi Belia.

Mengenai Rancangan Belia Berniaga, semenjak ianya dilancarkan pada tahun 1976 sehingga kini telah mewujudkan sebanyak 1,212 projek dan yang masih berjalan ialah sebanyak 998 projek iaitu kira-kira 82.3%. Berdasarkan kepada statistik itu maka Rancangan Belia Berniaga ini boleh dikatakan telah mencapai kejayaan memandangkan kumpulan sasaran yang begitu rendah sama ada tahap pencapaian akademik ataupun sosio-ekonominya.

- (b) Langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian ini untuk menggalakkan penyertaan pelbagai kaum di dalam projek-projek tersebut ialah melalui beberapa cara seperti:
  - (i) Memaklumkan kepada seluruh pertubuhan-pertubuhan belia mengenai projek-projek tersebut dan menggalakkan penyertaan ahli-ahlinya.
  - (ii) Mengadakan berbagai-bagai kursus dan bengkel yang mana dalam kursus berkenaan diterangkan mengenai projek-projek tersebut. Penglibatan peserta dalam kursus-kursus tersebut adalah dari pelbagai kaum.
  - (iii) Peranan Pegawai-pega-wai di peringkat Negeri dan Daerah juga tidak kurang pentingnya di dalam menyampaikan maklumat mengenai projek tersebut kepada ahli-ahli atau pertubuhan-pertubuhan belia di negeri atau di daerah berkenaan.

## KEDUDUKAN EKONOMI NEGARA

37. Tuan Ting Chek Ming minta Perdana Menteri menyatakan apakah langkah-langkah dan tindakan yang diambil untuk:

- (i) mengukuhkan ekonomi negara kita;
- (ii) menahan pertumbuhan pengangguran khususnya
- (iii) mengawal kenaikan kos kehidupan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman):**

- (i) Pelbagai langkah dan tindakan Kerajaan untuk mengukuhkan kedudukan ekonomi negara telah beberapa kali ditanya dan dijawab di Dewan yang mulia ini. Ingin saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat bahawa langkah-langkah tersebut telah juga dinyatakan dalam Laporan Ekonomi 1987/1988 yang dibahaskan oleh Dewan ini di persidangan yang lepas. Hasil dari tindakan Kerajaan ini dapat dilihat dari pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan bagi tahun 1987.
- (ii) Untuk makluman Yang Berhormat, langkah-langkah tersebut telah pun diterangkan di Dewan ini pada 8 Mac 1988 dan 14 Mac 1988.

Untuk menerangkan sekali lagi, Kerajaan telah dan terus mengambil langkah-langkah yang positif untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi supaya lebih banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan. Dalam hal ini Kerajaan telah pun membuat beberapa kelonggaran dan

pengubahsuaian kepada dasar-dasar pelaburan untuk menarik pelaburan baru. Kerajaan juga bercadang mengawal kadar kenaikan upah sebagai satu langkah mengurangkan kos buruh kepada majikan supaya dapat meningkatkan penggunaan tenaga kerja. Menyedari bahawa keadaan pengangguran di kalangan siswazah yang semakin serius, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan masalah tersebut. Antara usaha-usaha yang lain termasuk:

- (1) Skim Latihan Khas (SLK) yang bertujuan melatih dan membimbing siswazah memulakan perniagaan;
  - (2) Penempatan siswazah di Syarikat-syarikat Kerajaan dan Swasta;
  - (3) Program untuk membolehkan siswazah melibatkan diri di sektor pertanian;
  - (4) Usaha memudahkan pelajar-pelajar Malaysia di luar negeri mendapatkan pengalaman bekerja di negeri-negeri mereka belajar; dan
  - (5) Skim Khidmat Sambilan (SKS) di mana siswazah ditempatkan di Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan Kerajaan.
- (iii) Menjawab soalan Ahli Yang Berhormat mengenai kos kehidupan, suka saya memaklumkan bahawa bagi beberapa tahun kebelakangan

ini angka tunjuk harga pengguna tidaklah banyak berubah iaitu pada kadar 0.6 peratus bagi tahun 1986 dan sebanyak 0.8 peratus bagi tahun 1987. Ini bererti yang negara tidak mengalami tekanan inflasi yang menaikkan kos kehidupan. Walau bagaimanapun untuk memastikan bahawa kos kehidupan tidak meningkat, Kerajaan akan terus mengawal harga barang-barang keperluan utama. Melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian harga barang keperluan ini akan dikawal supaya tidak membebaskan rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah. Di antara tindakan yang diambil ialah pindaan Akta Perdagangan yang boleh mengawal peniaga daripada mengeksploitasi pihak pengguna.

### KERJASAMA EKONOMI RANTAU ASEAN

**38. Tuan Gerath Math Lee Min** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Malaysia dalam menghapuskan sebarang halangan yang timbul dalam bidang kerjasama ekonomi sejajar dengan kempen Yang Amat Berhormat menjadikan ASEAN sebuah kuasa ekonomi serantau dan "Social Advancement".

**Tuan M. G. Pandithan:** Kesungguhan Malaysia untuk menghapuskan halangan-halangan ke arah kerjasama ekonomi dan sosial yang lebih maju dan kukuh di rantau ASEAN telah dibuktikan dengan persediaan Malaysia yang rapi ketika

menghadiri Sidang Kemuncak Ketiga ASEAN di Manila pada akhir tahun lepas dan dengan sumbangan kita ke arah pencapaian keputusan-keputusan yang dibuat di Sidang Kemuncak itu. Antara keputusan-keputusan penting yang telah tercapai di bidang perdagangan dan pelaburan termasuklah:

- (i) memperbaiki keberkesanan Skim Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (PTA) dengan meluaskan senarai bilangan barangan yang diberi keistimewaan tarif, memperbaiki lagi kadar tarif istimewa dan melonggarkan sekatan-sekatan bukan tarif;
- (ii) mewujudkan berbagai insentif di bawah Skim Usahasama Perindustrian ASEAN (AIJV) dan memetrikan Perjanjian Galakan dan Perlindungan Pelaburan bertujuan menjadikan rantau ASEAN lebih menarik kepada pelabur-pelabur dari ASEAN dan dari negara-negara ketiga;
- (iii) menggubal langkah-langkah untuk memajukan sektor pelancongan, perkapalan dan perkhidmatan bank dan insurans. Malaysia akan terus mengambil langkah untuk melaksanakan keputusan-keputusan di bidang ekonomi dan perdagangan. Malaysia juga akan memberi tumpuan kepada pelaksanaan keputusan-keputusan yang akan memperkukuhkan lagi kerjasama di bidang politik, kebudayaan, pembangunan tenaga manusia, sains dan teknologi, dan pembasmian penyalahgunaan dadah untuk menjamin pembangunan dan keutuhan ASEAN di masa depan. Di samping itu Kerajaan akan terus bertindak untuk menyedar dan

meningkatkan penglibatan dan sumbangan rakyat Malaysia sendiri dalam pembangunan ekonomi dan sosial rantau ini.

### **KWSP—MENGELUARKAN WANG MEMBUAT RUMAH**

**39. Tuan Lainus anak Andrew Luwak** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pelanggan-pelanggan EPF di negeri Sarawak mendapat kesulitan apabila mereka hendak mengeluarkan wang mereka itu untuk membuat rumah, oleh kerana mereka dikehendaki memberi surat tanah di mana rumah itu akan didirikan dan bil barang yang mereka akan digunakan oleh kerana tanah hak bumiputera (NCR Land) di negeri Sarawak tidak bersurat tanah dan bil-bil belum ada kerana barang-barang belum dibeli lagi. Apakah tindakan yang harus dibuat untuk mengatasi perkara ini.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pencarum-pencarum KWSP tidak perlu mengemukakan surat tanah sekiranya mereka hendak mendirikan rumah-rumah mereka di atas tanah hak bumiputera (Native Customary Land). Mereka hanya perlu mengemukakan bukti hak milik atau kelayakan mereka untuk menduduki tanah tersebut. Surat pengesahan dari Penghulu Tempatan dan kebenaran dari Pegawai Daerah adalah diterima sebagai dokumen bukti kelayakan mereka menduduki tanah tersebut.

Walau bagaimanapun, seseorang pencarum KWSP perlu mengemukakan bersama-sama dengan borang permohonannya bil-bil dan resit pembelian bahan-bahan pembinaan dan bayaran buruh yang terlibat dengan pembinaan rumah. Ini diperlukan kerana jumlah pengeluaran caruman oleh seseorang ahli KWSP

adalah bergantung kepada harga pembinaan atau kos pembelian rumah. Sekiranya peraturan ini menimbulkan masalah kepada pencarum-pencarum KWSP, Kerajaan bersedia mengkaji semula peraturan tersebut.

### **GRADUAN MENGANGGUR**

**40. Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Perdana Menteri menyatakan apakah kejayaan yang telah dicapai oleh graduan-graduan yang menjalankan pekerjaan secara berdikari terutama sekali di bidang:

- (a) Pertanian;
- (b) Perniagaan; dan
- (c) Perkilangan;

dan berapa ramaikah sehingga kini graduan-graduan yang masih belum mendapat pekerjaan dan apakah usaha-usaha dibuat oleh Kementerian untuk mereka.

**Tuan Othman bin Abdul:** Salah satu daripada langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pengangguran di kalangan siswazah ialah dengan menggalakkan dan memberi latihan kepada siswazah-siswazah berkenaan untuk membolehkan mereka berdikari dengan menceburi bidang pertanian, perniagaan dan keusahawanan. Adalah terlalu awal untuk ditentukan kejayaan yang telah dicapai oleh graduan-graduan bagi berdikari dalam bidang-bidang berkenaan, kerana ianya masih lagi di peringkat perlaksanaan dan program yang dilaksanakan ini adalah program jangka panjang.

Bagaimanapun hingga kini usaha-usaha yang dijalankan itu telah pun menampakkan kesan dan kejayaan iaitu:

- (a) *Pertanian*

Melalui program Skim Siswazah Tani siswazah-siswazah diberi

peluang menceburi bidang pertanian secara komersial dan dengan harapan mereka akan dapat memodenkan sektor pertanian di samping memberi pekerjaan kepada mereka. Skim ini dikendalikan oleh Kementerian Pertanian. Sehingga sekarang seramai 380 orang siswazah telah pun mendaftar di Kementerian tersebut untuk menyertainya dan seramai 118 orang darinya telah pun memulakan projek-projek pertanian mereka serta mencapai kejayaan.

(b) *Perniagaan*

Melalui Skim Latihan Khas yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pula siswazah-siswazah dilatih dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Bagi kumpulan pertama seramai 309 orang siswazah telah menjalani kursus motivasi dan dari bilangan itu seramai 74 orang daripadanya telah pun menamatkan kursus perniagaan yang diadakan di institusi pengajian tinggi dalam negeri dan pusat-pusat latihan tempatan. Mereka kini telah pun memulakan perniagaan masing-masing dan pihak Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) adalah ditugaskan untuk mengikuti perkembangan perniagaan mereka.

Bagi kumpulan kedua pula seramai 200 orang siswazah telah terpilih dan sekarang ini sedang mengikuti latihan di Universiti Pertanian Malaysia yang dikendalikan oleh Institut Teknologi Mara dan Jabatan Hasil Dalam Negeri. Latihan kali ini ialah mengenai bidang percukaian dan selepas tamat kursus mereka dikehendaki menjadi agen-agen cukai persendirian. Jumlah keseluruhan siswazah yang akan

dilatih bagi tujuan ini ialah seramai 1,000 orang dan ianya dijalankan secara berperingkat-peringkat.

(c) *Perkilangan*

Kursus latihan khas juga turut melatih siswazah-siswazah untuk menceburi bidang perkilangan. Bagaimanapun setakat ini belum ada siswazah-siswazah berkenaan yang betul-betul telah menceburinya kerana ianya melibatkan modal yang agak besar dan memerlukan pengalaman.

Sehingga 29-2-88 bilangan siswazah yang belum mendapat pekerjaan yang telah berdaftar di Jabatan Perkhidmatan Awam ialah seramai 19,633 orang.

Mengenai usaha-usaha yang telah dijalankan untuk mereka pula ianya telah pun dimaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini pada 8-3-88 dan 9-3-88. Pendekatan yang diambil ialah bagi membuka peluang kepada mereka mengikuti latihan pekerjaan di sektor swasta atau awam bagi membolehkan mereka kemudiannya mendapat pekerjaan di sektor swasta, awam atau untuk berdikari.

## PENDAFTARAN UMNO

**41. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan atas peraturan apa keputusan Mahkamah Tinggi mengenai "UMNO" adalah pertubuhan tidak sah, maka pendaftaran parti itu tidak terbatal secara automatik. Adakah Pendaftaran Pertubuhan tidak mempunyai kuasa untuk melaksanakan keputusan mahkamah itu tanpa meminta sebab-sebab dari UMNO mengapa ia tidak boleh dibatalkan pendaftaran.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendaftaran UMNO dibatalkan kerana melanggar peruntukan seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966 dengan mewujudkan 30 cawangan tanpa mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pendaftaran Pertubuhan. Dalam surat bertarikh 8 Februari 1988 kepada Setiausaha Agung UMNO, Pendaftaran Pertubuhan telah meminta pihak pertubuhan itu memberikan sebab mengapa pertubuhannya tidak patut dibatalkan.

### MAJLIS KEBAJIKAN MASYARAKAT KEBANGSAAN

**42. Tuan Hu Sepang** minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan bagaimanakah Majlis Kebajikan Kebangsaan menggunakan wang yang diperolehi daripada cabutan loteri kebajikan masyarakat, dan nyatakan jumlah pertikaian-pertikaian dan tuntutan-tuntutan kaunter yang telah berlaku mengenai tiket-tiket yang dimenangi dalam cabutan-cabutan tersebut sejak cabutan-cabutan tersebut dimulakan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohamad):** Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Kementerian Kebajikan Masyarakat tidak ada organisasi pertubuhan sukarela yang bernama Majlis Kebajikan Kebangsaan. Walau bagaimanapun, jika sekiranya Yang Berhormat maksudkan Majlis Kebajikan Masyarakat Kebangsaan, maka sukacitalah saya nyatakan bahawa Majlis ini hanya merupakan satu badan penyelarasan di kalangan badan-badan sukarela di negara ini. Ianya tidak mengendalikan apa-apa perkhidmatan secara langsung kepada kumpulan-kumpulan sasaran yang kurang bernasib baik. Kesimpulannya, Majlis ini tidak menerima apa-apa wang dari hasil cabutan loteri.

Mengenai pertikaian-pertikaian dan tuntutan-tuntutan kaunter ingin saya menyatakan bahawa berkenaan perkara pertama iaitu pertikaian-pertikaian di kaunter jarang sekali berlaku. Amalan Lembaga ialah supaya sebarang masalah dibincang dan diselesaikan dalam bilik pegawai. Pada kebiasaannya salah faham didapati hanya berpunca dari tiket yang dikemukakan untuk tuntutan hadiah merupakan tiket yang terdahulunya dipalsukan.

Mengenai tuntutan-tuntutan hadiah di kaunter, bilangannya adalah berjumlah lebih kurang 6,000 tuntutan bagi setiap cabutan. Jumlah cabutan bulanan secara purata dari bulan Januari hingga Mac ialah dua cabutan sebulan.

### KEJADIAN JENAYAH

**43. Tuan Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

(i) aliran dan perkembangan jenayah

(a) Rogol

(b) Rompak/Samun

(c) Pembunuhan

(d) Dadah

dalam tiga tahun kebelakangan ini; dan

(ii) apakah langkah-langkah dan tindakan baru Kementerian bagi mengatasi serta mengurangkan kes-kes tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenayah rogol, samun dan bunuh telah meningkat dalam tahun 1986 berbanding dengan tahun 1985. Ekoran peningkatan tersebut, dalam tahun 1987 Kerajaan telah mengambil langkah-langkah dan pendekatan baru

bagi mencegah dan membanteras kejadian-kejadian jenayah. Usaha yang dijalankan telah berjaya menghasilkan penurunan kadar jenayah dalam tahun 1987. Perbandingan dan gambaran yang lebih jelas tentang aliran dan perkembangan jenayah-jenayah rogol, samun dan bunuh dari tahun 1985 hingga tahun 1987 boleh diukur dari perangkaan berikut:

JENIS- JENIS JENAYAH	TAHUN		
	1985	1986	1987
Rogol .. .. .	530	688	688
Rompak/Samun .. .. .	7,881	9,065	7,607
Bunuh .. .. .	327	386	362

Bagi kesalahan najis dadah, seramai 10,483 telah ditangkap dalam tahun 1985, 9,340 orang dalam tahun 1986 dan 11,609 orang bagi tahun 1987. Jumlah tangkapan yang semakin meningkat ini membuktikan usaha-usaha Kerajaan bagi membasmi najis dadah semakin menunjukkan keberkesanannya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan juga, Kerajaan telah mengambil berbagai langkah, tindakan dan pendekatan baru bagi membanteras jenayah dan membasmi najis dadah. Antaranya ialah:

- (i) Tindakan yang lebih tegas ke atas mereka yang terlibat dalam pengedaran dan penagihan najis dadah;
- (ii) Mengadakan sistem risikan jenayah yang lebih sistematik dan efektif melalui penubuhan Unit Risikan Jenayah;
- (iii) Meningkatkan profesionalisme semua pegawai Jabatan Siasatan Jenayah melalui berbagai bidang latihan;
- (iv) Berusaha meningkatkan kadar penyelesaian kes-kes jenayah sebagai satu strategi pencegahan;

(v) Penyeliaan dan perancangan pencegahan jenayah yang lebih teratur dan berkesan melalui penubuhan Unit Pencegahan Jenayah;

(vi) Penubuhan Majlis Pencegahan Jenayah Kebangsaan bagi mempertingkatkan lagi peranan dan penglibatan orang ramai, swasta dan agensi kerajaan yang lain dalam usaha mencegah dan membanteras jenayah;

(vii) Memperketatkan lagi kawalan, rondaan dan pemeriksaan di kawasan-kawasan yang selalu berlakunya jenayah termasuk sepanjang kawasan sempadan dan pintu masuk sempadan negara kita; dan

(viii) Menguatkuasakan undang-undang pencegahan dan pemulihan dengan lebih luas dan berkesan ke atas mereka yang melakukan kesalahan jenayah termasuk mereka yang terlibat dengan kegiatan najis dadah.

#### BANJIR DI KAMPUNG TRADISIONAL

44. Tuan Mohd. Zihin bin Mohd Hassan minta Menteri Pertanian menyatakan adakah Kementerian Pertanian sedar bahawa kebanyakan kampung-kampung tradisional telah dilanda banjir kerana sungai-sungai tidak dikorek dan dijaga dengan mempunyai pekerja-pekerja yang cukup yang menyebabkan kesusahan kepada penduduk kampung-kampung, tanaman dan ternakan dan apakah arahan Kementerian yang telah, sedang akan diberikan kepada Jabatan Parit dan Taliair di seluruh negara khasnya di Kawasan Larut.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Kementerian Pertanian memang sedar tentang masalah banjir yang sering berlaku di kawasan luar bandar yang melibatkan kampung-kampung tanaman dan ternakan di seluruh negara. Sebab-sebab utama kejadian banjir meningkat ialah kerana adanya pembangunan yang pesat di kawasan tadahan sungai seperti aktiviti penerokaan, pembalakan dan perumahan, maka aliran air hujan yang mengalir ke dalam sungai bertambah berkali ganda dan melebihi keupayaan sungai membawanya ke laut. Tambahan pula, aktiviti itu mengakibatkan saluran sungai menjadi cetek disebabkan mendapan dan ini menjejaskan kedudukan.

Bagi mengatasi masalah ini, kerja-kerja pengeluaran/pengorekan sungai adalah dijalankan oleh Jabatan Parit dan Taliair melalui program pemeliharaan sungai dari peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Memandangkan banyak sungai yang terlibat, maka program penyelenggaraan terpaksa mengikut jadual giliran yang tertentu bergantung kepada kemampuan dari segi kewangan.

Bagi kawasan Parlimen Larut, terdapat 57 batang sungai sepanjang 330 km. Dalam tahun 1988, sepanjang 22.5 km meliputi 7 batang sungai dijadualkan untuk didalamkan/dibersihkan. Bakinya akan dibuat mengikut giliran pada tahun-tahun hadapan.

Di bawah projek pembangunan Pengaluran Sungai Kurau pula, tiga batang anak sungai yang terletak di Larut, iaitu Sungai Air Kuning, Sungai Akar dan Sungai Pulau, akan diperbaiki pada tahun 1988. Peruntukan yang tersedia ialah \$200,000.

## PENYELUDUPAN GANJA

**45. Tuan Ahmad bin Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) pada tahun 1985, 1986, 1987 berapakah jumlah tangkapan penyeludupan ganja dari negara-negara jiran khususnya Thailand dan jumlah banyak ganja yang telah diseludup;
- (ii) sejauh manakah usaha bersama Malaysia-Thai yang telah diwujudkan bagi membanteras masalah kegiatan penyeludupan ganja dan bagaimana kesannya; dan
- (iii) sejauh ini berapakah jumlah penyeludupan yang telah ditangkap dan dikenakan hukuman.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:**

- (i) Jumlah negara-negara jiran terutama Thailand bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 ialah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1985 .. ..	673.01 kg
1986 .. ..	950.0 kg
1987 .. ..	1393.09 kg

Sementara jumlah tangkapan pula adalah seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Jumlah</i>
1985 .. ..	323
1986 .. ..	283
1987 .. ..	253

- (ii) Terdapat hubungan dua hala yang rapat antara negara Malaysia dan Thailand dalam usaha membanteras kegiatan mengedar dadah. Setakat ini pihak "office of the Narcotics Control Board" (ONCB) dengan izin, telah memberi kerjasama yang memuaskan kepada Cawangan Anti Dadah Polis Diraja Malaysia di segi pertukaran maklumat

berhubung dengan pengedar-pengedar dadah terutama pengedar-pengedar Malaysia yang mendapat bekalan secara langsung dari pembekal di Thailand. Hasil dari kerjasama ini sejak tahun 1985 seramai 36 orang yang terdiri dari ketua-ketua sindiket, ahli-ahli sindiket dan pembiaya-pembiaya yang terlibat dalam pengedaran dadah telah ditangkap dan ditahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 dan Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969. Tangkapan-tangkapan seperti ini telah berjaya menghancurkan rangkaian-rangkaian kegiatan sindiket mengedar dadah.

- (iii) Sejak tahun 1985 sehingga sekarang seramai 179 orang pengedar/penyeludup dadah telah dikenakan hukuman gantung manakala seramai 290 orang telah dikenakan penjara seumur hidup.

#### PENAGIH DADAH BARU

**46. Tuan S. S. Subramaniam** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah bilangan penagih dadah pada tahun 1985, 1986 dan 1987. Jika bilangan tersebut telah bertambah, apakah sebab-sebab dan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk memulihkan penagih-penagih tersebut.

**Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:** Bilangan penagih dadah baru yang dikesan di seluruh Malaysia bagi tahun 1985, 1986 dan 1987 adalah seperti berikut:

1985	9,591
1986	7,329
1987	7,596

Bilangan penagih yang dikesan tiap-tiap tahun bagi tiga tahun kebelakangan ini adalah berkurangan jika dibanding dengan bilangan penagih yang dikesan pada tiga tahun sebelum itu.

Sebanyak 7 buah Pusat Pemulihan Dadah dengan muatan 2050 orang penagih sedang beroperasi, 10 buah lagi Pusat Pemulihan Dadah dalam pembinaan dan 7 daripadanya akan mula mengambil penagih untuk rawatan dan pemulihan sebelum pada pertengahan tahun ini.

Penagih-penagih yang tidak dapat ditempatkan di Pusat-pusat Pemulihan Dadah diletakkan di bawah pengawasan Pegawai-pegawai Pemulihan Dadah mengikut peruntukan undang-undang.

#### HOTEL DI MALAYSIA

**47. Tuan Hsing Yin Shean** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada benar bahawa sekurang-kurangnya 63 lesen diperlukan untuk mengelolakan sebuah hotel di Malaysia. Jika ya, mengapa. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk mengurangkan jumlah lesen-lesen yang diperlukan tersebut oleh hotel-hotel. Dan apakah kesudahannya setakat ini.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Soalan ini telah pun saya jawab di dalam Dewan ini pada 9-3-1988 semasa menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya kerana ianya menyentuh perkara yang sama.

#### RANCANGAN NIDA-UL-ISLAM DI RTM

**48. Tuan Haji Hussain bin Haji Taib** minta Menteri Penerangan menyatakan adakah Kementerian

bercadang mengkaji semula Rancangan "Nida-UI-Islam" dari "Makkah Al-Mukarramah" yang disiarkan tiap-tiap malam melalui Radio Malaysia dan apakah kesan daripada rancangan ini serta siapakah penajanya dan berapa kos perbelanjaannya.

**Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):** Kementerian Penerangan sentiasa mengkaji rancangan-rancangan yang disiarkan melalui Radio dan TV Malaysia dan ini termasuklah Rancangan "Nida-UI-Islam" yang disiarkan dari "Makkah Al-Mukarramah". Rancangan "Nida-UI-Islam" dikaji dari masa ke semasa untuk benar-benar memberi manfaat kepada pendengar-pendengar khususnya yang beragama Islam.

Rancangan "Nida-UI-Islam" ini adalah projek usaha sama di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Arab Saudi dalam usaha meninggikan syiar Islam. Perbelanjaannya dibiayai oleh Kerajaan Arab Saudi dengan sumbangan satu juta Saudi Rial pada tiap-tiap tahun untuk penyusunan dan penerbitan rancangan dan satu juta lagi untuk perkhidmatan dan teknikal.

Pada masa ini syarat-syarat kontrak kerjasama sedang dikaji semula supaya Malaysia mempunyai suara dalam penyusunan rancangan supaya dapat disesuaikan dengan keperluan rakyat Malaysia dan rancangan-rancangan itu tidak dipetik secara bulat-bulat dari siaran dari "Makkah-Al-Mukarramah".

Adalah dijangka bahawa satu persetujuan baru dapat ditandatangani tidak berapa lama lagi supaya mutu siaran-siaran itu dapat dipertingkatkan.

#### BAHASA MALAYSIA DI MAHKAMAH

**49. Tuan Zubir bin Embong** minta Menteri Kehakiman menyatakan

langkah-langkah konkrit yang sedang dan akan diambil bagi memastikan penggunaan Bahasa Malaysia sepenuhnya di Mahkamah-mahkamah. Apakah langkah segera untuk memperbaiki keadaan mundur kebelakang dalam hal penggunaan Bahasa Malaysia bila timbulnya peruntukan peraturan kemestian penggunaan Bahasa Inggeris seperti yang diperuntukkan dalam Rules of the High Court 1980.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun):** Soalan berhubung dengan penggunaan Bahasa Malaysia di mahkamah telah saya jawab semasa menggulung perbahasan atas Titah Di Raja di Dewan yang mulia ini semalam, 15-3-88. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

#### KWSP—CARUMAN MEMBELI RUMAH

**50. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa** minta Menteri Kewangan menyatakan had umur seorang pencarum KWSP mengeluarkan wang simpanan mereka ialah bila sampai umur 55 tahun. Tetapi sekarang ini terdapat ramai pencarum yang sudah tidak bekerja lagi (dibuang ataupun berhenti) dan sudah tentu dengan umur mereka sudah lanjut (45 tahun ke atas) tidak akan diterima bekerja dengan mana-mana pihak lagi seterusnya tidak lagi menyimpan dengan KWSP. Oleh yang demikian adakah pihak Kementerian bercadang untuk melonggarkan syarat itu supaya mereka-mereka yang tidak lagi menyimpan dengan KWSP boleh mengeluarkan caruman mereka bagi tujuan berniaga ataupun membeli rumah.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Adalah disahkan bahawa had umur seorang pencarum KWSP mengeluarkan wang simpanannya ialah apabila mencapai umur 55 tahun.

Pencarum-pencarum boleh juga mengeluarkan 1/3 daripada caruman mereka apabila mencapai umur 50 tahun.

Semua pencarum KWSP, termasuk mereka yang tidak mencarum lagi dan yang dibuang kerja boleh mengeluarkan wang simpanan mereka bagi tujuan membeli rumah, sama ada rumah kos rendah atau bukan kos rendah, sekiranya memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Kerajaan tidak bercadang untuk melonggarkan syarat pengeluaran supaya mereka yang tidak lagi mencarum dibenar mengeluarkan wang simpanan mereka dengan KWSP bagi tujuan berniaga. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum objektif utama penubuhan KWSP ialah untuk menjamin simpanan atau bekalan kewangan di hari tua. Oleh itu apa-apa skim pengeluaran wang yang hendak dilaksanakan hendaklah sejajar dengan objektif tersebut.

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalim daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan

berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh”. (15hb Mac, 1988)

*Perbincangan disambung semula.*

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Timbalan Menteri Kesihatan menyambung.

3.37 ptg.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung ucapan saya semalam.

Sungguhpun begitu terdapat juga rumah yang terletak di kawasan Jabatan Bekalan Air, yang tidak sanggup membiayai kos sambungan ke rumah dan oleh yang demikian masih menggunakan air yang tidak selamat dari perigi-perigi dan sungai-sungai. Menyedari tentang hakikat ini, Kementerian Kesihatan sedang dan terus berusaha untuk bekerjasama dengan Jabatan Bekalan Air dan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini. Dengan adanya projek-projek Antah Biwater seumpamanya, adalah juga diharapkan lebih luas kawasan-kawasan luar bandar akan dapat menerima kemudahan air selamat ini.

Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang telah juga membangkitkan soal kesihatan di kawasan-kawasan luar bandar dan meminta Kementerian Kesihatan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk meninggikan lagi taraf kesihatan di kawasan-kawasan itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat taraf kesihatan penduduk luar bandar di Malaysia adalah tinggi jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain di Benua Asia. Ini

dapat dibuktikan dengan jelas melalui kadar kematian bayi seumpamanya, yang sebanyak 15.5 sahaja kematian setiap 1,000 kelahiran hidup dan kadar kematian ibu sebanyak 0.3 setiap 1,000 kelahiran bagi tahun 1986.

Kadar-kadar kematian ini adalah salah satu yang terendah sekali di Asia, kadar kematian bayi bagi negara Thailand adalah 44 kematian kelahiran hidup. Di Pakistan 115 kematian setiap 1,000 kelahiran hidup dan di Indonesia pula 79 kematian dalam setiap 1,000 kelahiran hidup. Namun demikian, Kementerian Kesihatan telah mengenalpasti beberapa kawasan di luar bandar di mana taraf kesihatan akan dipertingkatkan lagi dengan memperkukuhkan program-program kesihatan seperti program kesihatan ibu dan kanak-kanak, pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit berjangkit, kebersihan alam sekeliling, bekalan air masyarakat luar bandar dan pendidikan kesihatan.

Akhir sekali, bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari kawasan Marudu, Kementerian Kesihatan memang sedar dan sentiasa berwaspada terhadap masalah kesihatan yang disebabkan oleh pendatang haram. Tindakan segera diambil untuk memastikan bahawa kesihatan warganegara Malaysia tidak terjejas oleh masalah kesihatan yang disebabkan oleh mereka ini. Kementerian Kesihatan telah juga memperluaskan perkhidmatan pencegahan dan perawatan kepada pendatang-pendatang haram tersebut.

Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada hujah-hujah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan sekali lagi saya ucapkan terima kasih di atas pandangan mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Saya jemput Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri menjawab.

3.42 ptg.

**Timbalan Perdana Menteri (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjawab ucapan daripada tiga orang Wakil Rakyat; Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang, Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa dan juga Ahli Yang Berhormat dari Gopeng.

Mula-mula suka saya menyentuh ucapan Wakil Rakyat dari Pengkalan Chepa. Beliau telah membuat satu fitnah yang sangat besar dalam Dewan ini. Dalam ucapannya beliau menyebutkan, pertama sekali bahawa UMNO telah menganjurkan satu perjumpaan orang Melayu pada 1hb November tahun yang lalu. UMNO tidak pernah berbuat seperti itu. Perjumpaan itu ialah perjumpaan UMNO sahaja dengan bertujuan untuk merayakan hari ulang tahun lahirnya UMNO. Tetapi di sini disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, saya suka membaca ucapannya, "Manakala penganjur perhimpunan orang Melayu itu ialah Timbalan Perdana Menteri, tetapi orang yang menjadi Timbalan Presiden MCA dan Timbalan Presiden UMNO yang dimaksudkan itu tidak pula ditahan".

Suka saya beritahu Ahli Yang Berhormat bahawa perjumpaan yang dicadangkan oleh UMNO itu ialah dengan persetujuan dan keputusan Ahli Majlis Tertinggi UMNO dan bukannya satu perjumpaan di mana saya menjadi penganjurnya. Dan apakah sebabnya beliau mencadangkan supaya saya ditahan. Tidaklah saya ketahui. Kalau begitu, ianya lebih jahat lagi kerana menahan orang tidak membuat kesalahan. Fitnah ini menjadi lebih besar lagi apabila beliau menyebutkan orang tahu bahawa antara yang ditemui menjelang perhimpunan 1hb November itu ialah sepanduk "Anti Dr Mahathir" yang disediakan oleh orang-orang UMNO. Sehingga hari ini pihak

penganjur iaitu Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tidak membuat penjelasan atas adanya sepanduk Anti Mahathir itu. Dan fitnah ini menjadi lebih besar lagi apabila beliau mengatakan apakah ini bukan rancangan beliau sendiri yang ingin melihat Perdana Menteri jatuh dan digantikan oleh beliau sendiri.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Boleh.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya minta penjelasan sedikit sahaja iaitu saya ingin tahu adakah saya membuat fitnah ataupun rahsia terbuka?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya membaca ucapan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat ini yang ada dalam Penyata Rasmi Parlimen. Bagi saya, ini adalah fitnah yang sangat besar.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, betul-betul Yang Amat Berhormat baca ucapan saya. Tetapi yang menyebabkan saya berucap begitu itu adakah kerana saya memfitnah pada Yang Amat Berhormat ataupun kerana rahsia terbuka.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa maksud Ahli Yang Berhormat ini, sebab saya menjawab ucapan yang dicatat dengan rasmi dalam Dewan ini.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*).

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya beri jalan lagi.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya akui ucapan saya memang betul, sebab itu saya tanya balik.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Jadi, tuan akui juga. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Jadi, Yang Amat Berhormat tuduh saya mengatakan saya buat fitnah. Jadi, saya hendak tahu balik, adakah saya buat fitnah ataupun rahsia terbuka?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Yang sebenarnya beliaulah yang membuat fitnah. Mengikut apa yang disebutkannya bahawa saya menjadi penganjur perjumpaan 1st Nov. 87 itu. Saya tidak menjadi penganjur perjumpaan itu. Ini adalah perjumpaan yang ditaja oleh Ahli Majlis Tertinggi UMNO. Dan yang kedua, soal sepanduk. Saya tidak nampak sepanduk "Anti Dr Mahathir" sebab perjumpaan 1hb November itu telah dibatalkan dan tidak ada satu sepanduk pun telah ditunjukkan dalam Stadium Merdeka. Jadi mana saya tahu ada sepanduk Anti-Mahathir. Saya sekarang menuntut supaya Ahli Yang Berhormat menunjukkan bukti bahawa ada sepanduk itu dalam Stadium Merdeka (*Tepuk*). Dan saya minta bukti bahawa saya ada melihat sepanduk itu kerana pada hari itu saya sudah berada di London untuk pembedahan. Apa jawapan Yang Berhormat atas perkara ini. Tidakkah Yang Berhormat membuat fitnah yang besar?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, bagi saya, saya tidak buat fitnah. Itu terpulang pada Yang Amat Berhormat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sama ada dia mengakui atau tidak, tetapi dia telah memberi ucapan sedemikian itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya sudah berucap. Apa lagi mengaku saya sudah berucap. Ucapan saya ada di tangan Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Beliau telah mengaku membuat ucapan ini. Ucapan yang tidak ada, diadakan, itulah namanya fitnah (*Tepuk*). Sayang sekali, seorang pemimpin yang mengaku menjadi pemimpin sebuah parti Islam membuat fitnah yang begini besar yang tidak bertanggungjawab. Tujuannya hendak melaga-lagakan saya dengan Perdana Menteri, cuba hendak menanggung di air keruh. Baru-baru ini orang PAS buat usul tidak percaya kepada Menteri Besar Kelantan. Mereka tahu bahawa mereka tidak akan menang, tetapi mereka bawa juga dengan tujuan hendak melaga-lagakan ahli-ahli Barisan Nasional dalam Dewan itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya beri jalan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya rasa tidak berbangkit, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tetapi usaha mereka itu telah gagal. Dan sekarang ini cuba hendak pecahkan saya dengan Perdana Menteri. Suka saya nyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, tuduhan yang dibuat oleh Wakil dari Pengkalan Chepa itu adalah satu perkara yang berat dipandang dari segi Islam. Ini ialah kerana mentaati pemimpin, yakni pemerintah yang adil bukanlah perkara main-main. Ia adalah satu kewajipan agama yang penting. Di dalam Al-Quran kewajipan ini disebutkan selepas perintah mentaati Allah dan RasulNya seperti disebut dalam surah An-Nisaa, ayat 59 bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman taatlah kepada Allah dan

taatlah kepada Rasul serta pemerintah yang di kalangan kamu yang adil".

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya beri peluang.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Bangun boleh, tetapi untuk tuan sahaja. Adakah Yang Amat Berhormat itu faham maksud ayat itu? (*Disampuk*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Al-Quran bukan sahaja ditulis di dalam bahasa Arab, tetapi ditulis dalam banyak bahasa termasuk Bahasa Melayu dan saya orang Melayu memahami isi Al-Quran dalam Bahasa Melayu itu. Dan yang saya baca tadi dalam Bahasa Melayu. Apakah Yang Berhormat itu faham Bahasa Melayu yang saya baca itu atau tidak. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat itu faham dalam Bahasa Melayu, saya mahu tahu maksud "minkum" itu siapa dia?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya tidak faham apa maksud itu, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minkum.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Maksud apa?

**Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohamed Amin bin Haji Daud):** Minkum.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** "Vickum"? Itu bukan Bahasa Malaysia.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yang Berhormat itu terjemah. Dia terjemah ayat:

“Athi’ullaha waathi’ur rasul waulil amri minkum”. Jadi “minkum” dia minta taat itu dari kalangan kamu itu siapa?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, jangan putarbelit dalam soal ini. Soal yang pentingnya, beliau telah membuat tuduhan, membuat fitnah yang besar, yang kononnya saya mengizinkan sepanduk anti Mahathir dibawa ke dalam perjumpaan itu. Ini perkara besarnya dan dia seterusnya menuduh kononnya saya tahu sepanduk itu. Mana dia tahu? Saya sendiripun tidak tahu. (*Tepuk*)

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, oleh kerana wakil dari Pengkalan Chepa ini telah melemparkan fitnah yang besar, oleh kerana dalam Islam hukum fitnah ini lebih berat daripada membunuh—itu semua orang tahu. Apakah kita boleh membawa Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa ini ke Jawatankuasa Hak-hak Istimewa Dewan untuk dibincangkan?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya belum lagi bercadang hendak berbuat seperti itu tetapi kalau sekali lagi fitnah dibuat, mungkinlah juga. Tuduhan terhadap diri saya ini telah melanggar beberapa tatasusila yang digariskan oleh Islam. Islam bukan dipunyai oleh Parti PAS sahaja tetapi kepunyaan seluruh manusia dalam dunia yang menganutinya. Beberapa tatasusila yang digariskan oleh Islam dalam hubungan sesama manusia:—

- (1) melanggar ajaran Al—Quran yang melarang seseorang membuat sangkaan buruk terhadap orang lain seperti yang diterangkan dalam ayat 12

dalam surah Al—Hudjurat yang bermaksud “Wahai orang-orang yang beriman jauhilah daripada membuat sangkaan buruk terhadap sesama manusia, kerana sebahagian sangkaan buruk itu adalah dosa besar”.

- (2) melanggar ajaran Al—Quran supaya setiap Muslim menyelidiki sebarang berita sebelum mengenakan sebarang hukuman seperti yang dijelaskan dalam ayat 6 surah Al—Hudjurat juga—“Wahai orang-orang yang beriman, jika datang orang yang tidak diketahui keadilannya membawa berita, maka hendaklah kamu selidiki”.

Sudah tuan selidik? Sudah?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya puashati dan saya tidak terlibat.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Hendaklah kamu selidiki supaya kamu tidak mengenakan hukuman kepada orang lain dengan kejahilan”. Ini Quran, bukan cakap saya. “. . . . yang menyebabkan kamu menyesal di atas perbuatan kamu itu”. Melakukan pembohongan, ini melanggar ajaran Al—Quran. “Supaya setiap Muslim bercakap benar dan jangan berbohong”. Dalam surah Al—Ahزاب, Allah berfirman yang maksudnya, Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah dan berkatalah dengan perkataan yang benar” dan ayat 30 dari surah Al—Haj Allah melarang dusta dengan firmanNya yang bermaksud, “dan hendaklah kamu menjauhi perkataan yang dusta”.

Tuduhan-tuduhan ini telah dilemparkan kepada saya tanpa membawa sebarang bukti. Ini membuktikan bahawa pihak yang membuat tuduhan sedikitpun tidak

mempedulikan ajaran-ajaran Allah seperti yang tersebut di atas dalam usaha untuk mencapai tujuan politik mereka. Nabi Muhammad memperjuangkan Islam bukan sahaja dengan kata-kata tetapi juga dengan amalan dan menunjukkan contoh teladan yang baik. Tetapi nampaknya pihak PAS memperjuangkan Islam dengan dakwaan dan cakap-cakap yang penuh dengan fitnah sahaja. Atas dasar kewajiban memperingatkan sesama Islam, saya menyeru kepada Ahli Yang Berhormat berkenaan supaya menarik balik tuduhannya dan bertaubat. Walau bagaimanapun, menurut hukum Islam, saya minta beliau mendengarnya, Allah tidak akan mengampunkan sebarang dosa yang bersangkutan dengan orang lain sehingga orang berkenaan sendiri memaafkannya. Apa pendirian Yang Berhormat dalam soal ini? Terpulang kepada Ahli Yang Berhormat itu sendiri untuk menentukannya. Ada lagi? Saya beri jalan.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Yang Berhormat itu baik, dia boleh maafkan, kalau saya salah. *(Ketawa)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kalau ini minta maaf terbuka, saya maafkan, kerana saya seorang Islam. Saya maafkan dia. *(Tepuk)* Beliau juga mengejek-ejek Barisan Nasional kerana mendapat kemenangan yang sangat sedikit di Tanjung Puteri. Kita tidak mengharap kemenangan yang besar. Kalau menang satu undipun, menang juga namanya. Tetapi sekurang-kurangnya Barisan Nasional sebuah parti yang berani, sanggup masuk bertanding. Saya tidak nampak langsung simbol Bulan dalam pilihanraya Tanjung Puteri. Ke mana perginya PAS tidak masuk bertanding?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** PAS tidak bertanding, buat apa sebuk? *(Ketawa)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sebab PAS tidak masuk bertanding, kerana dia takut kalah, kalah hilang deposit, lebih teruk lagi. *(Tepuk)*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Bukan PAS takut, PAS cerdik, sebab itu dia tidak bertanding. *(Ketawa)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Itu jawapan budak yang belum masuk sekolah lagi. *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, beliau juga menyebutkan perpecahan dalam UMNO. Memang kita akui, satu dunia pun tahu ada perselisihan berlaku. Tetapi belumlah sampai ada sebuah Kerajaan yang jatuh disebabkan oleh perselisihan itu. Parlimen masih memberi kepercayaan kepada Perdana Menteri kalau tidak 100% pun hampir 2/3 dan tidak ada sebuah Kerajaan Negeri yang telah jatuh. Tetapi sebaliknya kekacauan yang berlaku dalam parti PAS telah membawa kejatuhan kepada dua buah negeri yang diperintah oleh PAS iaitu Terengganu dan Kelantan. *(Tepuk)* Pada tahun 1959, Terengganu di bawah pemerintahan PAS mereka berebut bukan hendak jadi Menteri Besar, semata-mata kerana berebut hendak menjadi Timbalan Menteri Besar menyebabkan negeri itu telah jatuh. Tetapi saya tidak kesalkan Ahli Berhormat, boleh jadi beliau belum lahir pada waktu itu iaitu pada tahun 1959. Mungkin beliau tidak tahu cerita ini.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yang Berhormat ini hendak menjawab ucapan sayakah atau hendak membaca sejarah? *(Ketawa)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Sejarah juga adalah merupakan perkara yang boleh dibincangkan dalam Dewan ini. Kalau dia tidak sentuh saya, saya tidak mahu sentuh dia, dia bantai saya. Bila saya gasak dia,

dia kata jangan sebut perkara itu. (Ketawa) Apa jenis orang macam ini? Kalau kita berani pukul orang, berani tepis tumbukan orang. Kalau takut ditiup badai, jangan berumah di tepi pantai. (Tepuk).

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah bersedia, sebab itu saya jawab.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya tidak tahu apa yang dia bersedia. (Ketawa) Sedia apa? Sedia hendak menjawab, saya beri peluang. Saya fikir tidak pernah seorang pun memberi jalan begitu banyak. Sampai malam ini pun saya beri peluang beliau menjawab. Janganlah dengan senang menuduh orang lain sedangkan rumah tangga kita sendiripun kucar-kacir.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang panjang lebar dan satu daripada cadangan yang dibuatnya ialah supaya menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk mengkaji soal perkauman. Saya tidak menafikan bahawa setiap orang rakyat negeri ini sama ada yang ada dalam Dewan ataupun di luar Dewan mesti bertanggungjawab untuk bersama-sama mencari jalan bagaimanakah hendak menghapuskan soal perkauman di tanahair kita.

Apa yang suka hendak saya sebutkan di sini dalam pilihanraya, rakyat mengundi calon-calon mereka mengikut kehendak masing-masing dengan harapan Wakil-wakil Rakyat yang dipilih itu akan dapat menyelesaikan semua masalah negara—masalah kemiskinan, masalah pelajaran, keselamatan dan termasuklah soal menyelesaikan soal perkauman.

Saya percaya pengundi-pengundi mengundi parti DAP juga mempunyai niat yang seperti itu. Tetapi malangnya apabila telah terpilih, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP tidak dapat

hendak menjalankan tugas ini dan sebaliknya hendak menyerahkan pula perkara ini kepada orang lain untuk menolong menyelesaikannya. Kalau mereka tidak mampu menyelesaikannya dalam Dewan ini, apakah sebab meminta undi daripada orang ramai, lebih baik tinggalkan sahaja Dewan ini dan kita cari orang lain untuk menolong menyelesaikan seperti kaedah yang dikehendaki oleh Bukit Bintang itu. Beliau lantas. . . .

**Tuan Lee Lam Thye: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat. Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sedar bahawa sejak Ahli-ahli Parlimen daripada parti DAP dipilih dalam pilihanraya yang lalu, yang sebenarnya Ahli-ahli Parlimen DAP ini telah datang ke Dewan untuk membincang masalah kebangsaan, masalah nasional dan di samping itu telah pernah memberitahu banyak idea-idea, syor-syor yang membina untuk dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan. Akan tetapi itu setiap kali apabila Wakil Rakyat dari DAP menyampaikan satu syor, sungguhpun syor itu syor membina akan tetapi pihak Kerajaan Barisan Nasional menolaknya oleh kerana syor itu datang dari parti DAP. Dan oleh sebab ini bagaimanakah pihak DAP boleh membantu mengatasi masalah misalannya mengenai masalah perpaduan kaum? Yang sebenarnya Ketua Pembangkang pernah membincangkan masalah ini di dalam Dewan yang mulia ini dan pernah mengesyorkan supaya ditubuhkan satu Suruhanjaya Khas ditujukan untuk membincang masalah polarisasi kaum di mana parti DAP sanggup untuk menjadi salah seorang anggotanya supaya kita dapat memberikan

pandangan yang bernas dan jujur bagi tujuan untuk mengatasi masalah ini.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu kita serahkan kuasa yang diberi oleh rakyat kepada kita kepada orang lain pula untuk menyelesaikannya. Barisan Nasional yakin bahawa melalui Parlimen kita boleh menyelesaikan masalah perkauman dengan sokongan orang ramai dan saya tidak tahu apakah Usul-usul yang baik yang telah dikeluarkan oleh DAP dalam Dewan ini dan jika DAP minta fikiran saya bagaimana DAP patut buat untuk menyelesaikan masalah perkauman, jawabnya senang sekali. DAP tutup mulut ataupun jangan mengungkit-ungkit soal perkauman. Jika DAP boleh mengikut nasihat ini, saya percaya proses menghapuskan semangat perkauman akan dapat diselesaikan lebih awal lagi. Untuk pengetahuan . . . . .

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa memberi penjelasan. Yang sebenarnya bukanlah parti DAP yang mengungkit-ungkit perkara kaum ataupun masalah kaum. Apa yang DAP telah buat ialah untuk mempertahankan setiap masalah yang dibangkitkan oleh parti Barisan Nasional dan sekiranya apabila parti DAP mempertahankan kedudukan dan sekiranya ini disifatkan sebagai satu percubaan oleh parti DAP mengungkit perkara kaum, saya rasa ini adalah tidak adil.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli yang bukan Melayu dalam Barisan Nasional seperti MCA, MIC adalah mempertahankan nasib bangsa mereka itu masing-masing. Tetapi sambil mempertahankan nasib bangsa mereka masing-masing, mereka sanggup memahami masalah orang lain iaitu masalah orang Melayu dan Bumiputera yang lain.

Begitu juga Ahli-ahli UMNO membela nasib orang Melayu. Dalam

pada itu kami menghormati masalah bangsa-bangsa asing kerana bukan semua bangsa asing itu kaya, sebahagian daripadanya terdiri daripada orang miskin dan berkehendakkan pembelaan juga. Maka dengan cara yang demikian, soal menghapuskan perkauman itu dapat dijalankan secara berdikit-dikit. Tetapi apakah forum yang ada kepada DAP untuk menyelesaikan masalah ini? di mana ada orang Melayu dalam DAP yang boleh berbincang mengenai masalah orang Melayu? Tidak ada Cuma bangsa Cina sahaja, Satu Benggali, satu India. Itu sahaja. Jadi macam mana dia boleh dapat mencerminkan kehendak orang Melayu? Tidak ada. Tetapi dalam Barisan Nasional kita ada Melayu, ada Cina, ada India, ada Dayak, ada Iban, semua bangsa, Benggali pun ada. Bukan di sebelah DAP sahaja ada Benggali, sebelah sini pun ada juga. *(Ketawa)*

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya meminta Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri bersabar dan tunggu pilihanraya yang akan datang dan parti DAP akan diberikan satu peluang untuk membuktikan bahawa parti DAP boleh mendapat sokongan daripada kaum Melayu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, sebab apa mahu tunggu pilihanraya akan datang? Pilihanraya telah diadakan 8 kali yang telah lalu dan tidak ada undang-undang yang menyekat parti DAP bertanding di Ulu Kelantan, Ulu Terengganu, di kawasan Melayu, kawasan Dayak dan Iban. Mengapa tidak buat? Mengapa mahu tunggu yang akan datang. Soal perkauman bukan soal ringan. Soal yang mesti diselesaikan dengan cepat, dengan seberapa segera. *(Tepuk)*

Tuan Yang di-Pertua, melalui Barisan Nasional, melalui Dewan kita mempunyai keyakinan soal ini dapat

dijalankan dengan cara beransur-ansur. Ini adalah nasihat saya yang ikhlas kepada parti DAP. Kita sama-sama menjadi rakyat Malaysia. Kami semua bertanggungjawab kepada semua bangsa. Walaupun Dr Mahathir dan saya orang Melayu tetapi saya bertanggungjawab juga bersama-sama dengan beliau terhadap orang Cina, orang India dan semua bangsa yang ada di tanahair kita ini. Kita mahu melihat negara kita aman, kita mahu melihat pembahagian rezeki yang adil supaya kita dapat meninggalkan pusaka negara yang aman kepada cucu, cicit kita yang akan datang.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, pada tahun 1951 dahulu UMNO telah mengambil langkah mengajak rakan-rakan kita orang Cina melalui MCA dan India melalui MIC menubuhkan satu badan dinamakan Perikatan yang mempunyai tujuan kita hendak bekerjasama dalam politik dan semua bidang yang lain. Dalam tempoh 35 tahun sejak parti Perikatan ditubuhkan ianya telah berkembang menjadi parti Barisan Nasional.

Pada mulanya dahulu orang menyatakan bahawa Perikatan itu hanya untuk sementara. Ianya akan jatuh pecah semula. Tetapi ramalan itu tidak betul, meleset dan sehingga pada hari ini usaha parti Perikatan disambung oleh Barisan Nasional telah menampakkan kejayaannya.

Saya tidak mahu menempelak sahabat saya Wakil daripada Bukit Bintang kerana beliau belum lahir lagi pada waktu itu agak saya dan kalau sudah lahir pun masih dalam buaian lagi. Mungkin beliau tidak tahu sejarah apa yang kita telah buat selama 35 tahun yang lalu memupuk semangat perpaduan di antara kita sama sendiri. Apa yang dikatakan perpaduan? Apakah dia ukuran yang mengatakan kita telah berjaya mencapai perpaduan itu? Bagi saya perpaduan dapat dicapai dengan sepenuh-penuhnya apabila

orang Cina melupakan dirinya keturunan Cina, orang Melayu melupakan dirinya keturunan orang Melayu, begitu juga dengan orang India. Tetapi apakah hari ini dapat orang DAP melupakan diri mereka bukan orang Cina? Siang malam bercakap masalah orang Cina. Apakah dia telah dapat menghapuskan keCinaannya? Jawabnya belum.

Maka begitu juga orang Melayu belum lagi dapat kita hendak hapuskan semangat keMelayuannya. Begitu juga dengan orang India. Bahkan orang Nasrani pun tidak dapat dilupakan dirinya keturunan orang Portugis. Orang Benggali yang sedikit bilangannya pun masih lagi menganggap dia keturunan Benggali.

Jadi bagaimana kita dapat mencapai perpaduan dengan sepenuh-penuhnya. Saya berharap hal ini akan sampai juga satu hari kelak dan inilah yang kita perjuangkan. Tetapi sebelum kita dapat mencapai perpaduan yang sepenuhnya itu, kita hendaklah meletakkan satu batu asas yang kukuh supaya ianya disambung daripada satu generasi kepada generasi yang lain.

Maka dengan sebab itu kita mulakan dengan perpaduan politik. UMNO telah dapat bergabung dengan MCA dan MIC, Cina dan India dan sekarang dikembangkan kepada suku-suku kaum di Sabah dan di Sarawak. Itu satu asas yang kukuh.

Kemudian kami telah dapat menggubal Dasar Pelajaran Kebangsaan di mana melalui persekolahan semua bangsa yang akan datang dapat melupakan keturunan mereka itu masing-masing. Kami mengajak semua orang bercakap dalam Bahasa Kebangsaan. Kita telah mengeluarkan Dasar Ekonomi Baru supaya ketidakseimbangan ekonomi di antara kaum dapat diperbaiki. Dalam soal kebudayaan masih dalam perbahasan, kita mencari jalan keluar

yang sebaik-baiknya walaupun kita telah mengakui Kebudayaan Melayu menjadi teras Kebudayaan Kebangsaan tetapi kita menghormati, kita tidak menahan perkembangan kebudayaan bangsa asing. Dengan cara berdikit-dikit, cara perlahan-lahan berusaha dalam semua aspek pembangunan kita berharap 40-50 tahun akan datang lahirkan satu bangsa Malaysia yang tidak mengenal Cina, Melayu dan India lagi.

Saya fikir oleh kerana Kerajaan tidak bercadang hendak menubuhkan Suruhanjaya seperti yang dicadangkan itu, saya mencadangkan supaya DAP berkongsi dengan PAS, tambahan pula duduk rapat-rapat, kedua-duanya boleh menubuhkan satu suruhanjaya (*Ketawa*). . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Bagaimana Yang Berhormat buat pelawaan supaya PAS berkongsi dengan DAP? Adakah ia tidak merasa teruk kalau PAS berkongsi dengan DAP?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir rakyat negara ini mengalu-alukan kalau DAP boleh bekerjasama dengan parti PAS, kuranglah semangat perkauman di tanahair kita ini. (*Tepuk*) Bolehlah lantik salah seorang jadi pengerusi suruhanjaya yang dinamakan Suruhanjaya DAP dan PAS dan kita beri tempoh satu tahun supaya tuan-tuan dapat mengeluarkan kertas putih, bentangkan dalam Dewan ini mengenai soal Bahasa Kebangsaan, soal keistimewaan orang Melayu, soal kerakyatan. Apa lagi? Soal agama, soal ekonomi, sila buat. Kita tidak melarang. Mengapa tunggu Barisan juga hendak campur dalam suruhanjaya? Ini menunjukkan

mereka percaya lagi pada Barisan. Barisan dikehendaki masuk juga. (*Tepuk*) Kalau Barisan tidak masuk dia tak jadi . . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, kita bukan tunggu Barisan buat, kita tunggu Barisan tumbang. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Jalan hendak tumbangkan Barisan senang. Parti PAS mesti masuk dalam pertandingan pilihanraya semua kawasan. Baru ada chance dapat memerintah dan dengan sendirinya Barisan tumbang. Bagaimana, di Tanjong Puteri PAS tak berani masuk, di Kuala Lumpur Bandar PAS tak berani masuk, di Gopeng pun tak berani masuk, di Georgetown dia tak berani masuk, Pekan Melaka dia tak berani masuk, Seremban tak berani masuk, Johor Bahru tak berani masuk, balik-balik Ulu Terengganu, Ulu Kelantan yang dijaga. (*Ketawa*) Kalau menang pun di Ulu Terengganu, Ulu Kelantan, Barisan tak tumbang. Ini sifirnya. Ingatlah. (*Ketawa*) Begitu juga DAP kalau hendak tumbangkan Barisan mesti masuk bertanding dalam kawasan Melayu—Ulu Terengganu, Ulu Kelantan baru dapat majoriti. Ini tuan-tuan cuma cakap sahaja di sini hendak tumbangkan Barisan tetapi usaha menumbangkan tak dijalankan. Kalau begitu biarlah Barisan memerintah sampai kiamat. (*Ketawa*)

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengikuti ucapan tadi yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tetapi saya terpaksa menyatakan di sini bahawa saya tidak dapat memahami logik kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat. Oleh kerana tentang pencapaian perkara perpaduan negara ini, memang ini ialah tanggungjawab Kerajaan dan bukanlah tanggungjawab parti Pembangkang. Tadi saya ada mengatakan sungguhpun

parti Pembangkang sanggup untuk memberikan syor-syor akan tetapi sekiranya Kerajaan tidak dapat mencapai perpaduan negara sungguhpun telah memerintah negara kita selama 31 tahun, saya rasa amat hairan tentang kenyataan yang telah dibuat tadi.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, beliau berkata usaha menghapuskan perkauman adalah tanggungjawab Kerajaan. Inilah kesalahan besar DAP. Semua rakyat negeri ini bertanggungjawab termasuk Ahli dari Bukit Bintang, Ahli dari Seremban, Ahli dari Jelutong, Bukit Bendera, semua mesti bertanggungjawab.

**Tuan Lee Lam Thye:** Itu saya faham, Tuan Yang di-Pertua, dan oleh sebab tadi saya ada menyatakan bahawa parti DAP sanggup memainkan peranannya untuk memberikan syor-syor menyampaikan pandangan yang bernas. Saya bukan katakan bahawa parti DAP tidak sanggup, saya ataupun rakan-rakan saya.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, kita mengalu-alukan pandangan DAP tetapi kita percaya apa yang kita buat ini perkara yang betul. Yang sebenarnya parti DAP dengan parti PAS inilah jadi penghalang dan kalau tidak ada halangan ini perjalanan kita lebih laju lagi. Dan sekarang kita terpaksa mengeneipikan semua halangan yang berada di jalanraya juga motokar kita lalu. Halangan-halangan ini ialah DAP dengan parti PASlah. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya berasa amat berat untuk melayan ucapan (*Ketawa*) sebab saya tak sampai hati hendak menyakiti hati Yang Berhormat ini, sebab saya boleh kata terang-terang hari ini kalaulah Yang Berhormat mengasaskan

perpaduan kepada Parlimen, mengapakah Kerajaan menyekat Pembangkang untuk bercakap secara bebas dan kalau Kerajaan, kalau Yang Amat Berhormat hendak membuktikan sokongan rakyat kepada Barisan Nasional hari ini isytihar bubar Parlimen hari ini, adakan pilihanraya dan beri kebebasan sepenuhnya, jangan guna kuasa, jangan guna apa, beri hak kebebasan kepada rakyat. Kurung ISA itu. (*Ketawa*) Boleh kita tengok.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Ayat yang penghabisan saya tidak faham—buka ISA!

**Tuan Yang di-Pertua:** Kurung.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Kurung ISA.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Ini Bahasa Malaysiakah? (*Ketawa*) Bahasa bakukah, Bahasa Malaysia.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya rasa Bahasa Malaysia tetapi Bahasa Malaysia bakukah, saya tidak tahulah. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini saya rasa semua orang bebas bercakap dan yang menjadi Pengerusi kita ialah Yang di-Pertua, orang bebas dan mempunyai keadilan. Kadang-kadang orang di sebelah Kerajaan pun disuruh duduk, ditegur dan sebagainya dan di pihak Pembangkang diberi seluas-luasnya memberi ucapan dan kalau tak dapat memberi ucapan bukan salah saya kerana saya pun kadang-kadang tak boleh bercakap kalau tak ada kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kebebasan apa lagi yang tuan kehendaki?

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini ambil bukti di mana mengatakan dalam. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, nanti sekejap. Minta jalan dahulu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Minta jalan. *(Ketawa)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Bolehlah!

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Yang Berhormat kata dalam Dewan ini bebas untuk bercakap siapa pun. Yang Berhormat membawa hujah ini ambil dari mana sebab saya selalu diganggu dalam Dewan ini. Baru-baru ini percakapan saya tak habis kerana *(Disampuk)* diganggu oleh pemuda-pemuda UMNO haram ini. *(Ketawa)*

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya baca Penyata Rasmi ini, ucapan beliau diganggu tiga, empat kali sahaja tetapi semenjak saya bercakap setengah jam yang lepas, beliau mengganggu saya hampir 10 kali *(Ketawa)* dan saya sanggup beri peluang berapa kali lagi pun. *(Ketawa)* Inilah demokrasi namanya.

Tuan-tuan sekalian saya suka mengingatkan balik sejarah lama supaya menjadi panduan kita pada masa yang akan datang. Dalam pilihanraya tahun 1959 Terengganu dan Kelantan telah jatuh ke tangan parti PAS. Syabaslah. Parti PAS telah menggunakan satu dakyah yang paling tajam sekali dengan mengatakan bahawa perbuatan UMNO bekerjasama dengan MCA dan MIC itu salah dari segi Islam. Bahkan UMNO terus dikafirkan kerana bercampur dengan orang kafir. Maka hujah-hujah parti PAS ini diterima oleh orang Terengganu dan Kelantan. Pada tahun 1959 jatuhlah UMNO, menanglah PAS dengan dakyahnya itu.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Saya tak suka Yang Berhormat ini hendak bercakap panjang, sebab saya bimbang takut terganggu kesihatannya sahaja, bukan apa-apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sudah bangun.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Dahulu dia kata, saya buat fitnah, sekarang dia buat fitnah mengatakan PAS menghukum orang UMNO kafir. Saya meminta bukti. . . . .*(Disampuk)* Jangan bising.

**Tuan Yang di-Pertua:** Nanti dahulu. . . . .*(Disampuk)*

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Diam dahulu, biar saya cerita dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, jangan ganggu dia.

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Bila Yang Berhormat boleh buktikan yang mengatakan UMNO kafir. Kita tak pernah kata dan saya tak pernah beri peluang kepada orang PAS mengata tetapi kita mengaku kita kata siapa tidak mengikut Quran, siapa menentang Quran, orang itu tetap kafir; walau siapa sekalipun. Yang Berhormat kalau menentang Quran, kafir. Itu yang kita kata. UMNO kita tak kata. Siapapun kita tak kata *(Disampuk)* tetapi dia pusing, dia buat fitnah.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Inilah yang menjadi masalahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, seluruh. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Inilah budak-budak UMNO ini. (*Ketawa*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Kami semua budak-budak UMNO, dia budak-budak PAS (*Ketawa*). Kita sudah tua, berjanggut, bermisai, janganlah panggil budak-budak lagi. (*Ketawa*)

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tak usahlah hendak beralih lagi soal PAS mengkafirkan UMNO ini sudah lumrah sangat, sampai orang sudah jijik tak hendak dengar lagi. Oleh kerana modal itu sudah tak laku lagi, maka sekarang terpaksa cari modal baru. Pilihanraya akan datang apa pula modal baru itu, wallahu-alam. UMNO telah beritahu parti PAS bahawa kerjasama orang Melayu dengan Cina dan India perlu di tanahair kita ini untuk keamanan dan dengan demikian dapat kita membuat pembangunan, tetapi PAS terus menentang. Tetapi pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, 30 tahun kemudian, bermakna 30 tahun lamanya UMNO mengajak PAS, mengasuh PAS, menyedarkan PAS kerjasama itu penting, akhirnya PAS sedar akan kesilapannya. Maka dengan sebab itu sejurus sebelum pilihanraya yang lepas ini parti PAS telah berkongsi dengan CCC.

Kami semua bersukahati, kerana PAS berkongsi dengan orang Cina. Kerana dengan perkongsian itu mudah-mudahan selari dengan tujuan perjuangan Barisan Nasional dapat kita hapuskan segera semangat perkauman. Tetapi sekarang mana dia CCC itu. Wahai Wakil dari Pengkalan Chepa (*Ketawa*), ke mana perginya rakan baru tuan-tuan itu. Mana dia? Mengapa bercerai sebelum kahwin? (*Ketawa*) Ini menunjukkan PAS sudah terlambat, 30 tahun lamanya PAS berfikir. Lembab sangat parti ini

untuk memahaminya. Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Sudah terlambat. Orang pun tak peduli lagi. Itu sebab saya cadangkan PAS kahwin dengan DAP. Tambahan pula sebab mereka duduk pun dekat-dekat (*Ketawa*). Apa salahnya DAP berkawan dengan PAS, cari formula macam mana hendak selesaikan soal perkauman. Tak ada pula yang hendak bangun, hendak jawab, hendak soal saya, hendak tanya saya. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** (*Bangun*)

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya beri lagi. (*Ketawa*)

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, saya tak sukalah. Yang Berhormat ini tak faham dengan apa yang dia sendiri bercakap, apa lagi dia hendak faham hak orang lain. Sebab dia bangkit PAS terlewat kerana 30 tahun baru berkawan berkongsi dengan orang Cina, tetapi kalau dia sedar pilihan PAS dalam perjuangan politik menentukan Islam sebagai dasar politik, maka bukan orang Cina sahaja, dengan semua manusia Islam menerima dan semua manusia boleh menerima Islam itu, bukan setakat MCA, MIC tetapi dia tidak faham dan dialah memutarbelit. Sebab itulah Barisan Nasional 30 tahun memerintah, sahabat yang rapat masih tak faham Islam, MCA yang rapat tak faham Islam fasal dia tak pernah beritahu apa dia Islam dan dia memfitnah pula kepada Islam sedangkan Islam ini dapat menguasai seluruh dan dapat memberi segala keperluan manusia walau apa bangsa sekalipun. Ini dia tak faham apa dia bercakap. cukuplah.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, UMNO berkawan dengan MCA, dengan MIC bukan tujuan hendak ajak dia masuk Islam. Soal dia hendak masuk Islam atau tak

masuk Islam itu soal dia dengan Allah ta'ala. . . . .

**Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad:** Betul, Tuan Yang di-Pertua, . . . . .

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya tak mahu beri jalan lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Beliau tidak beri jalan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Saya tidak mahu beri jalan lagi kerana buang masa Dewan ini sahaja. Kita bukan mengajak orang bangsa asing masuk Islam—bukan, itu terpulang kepada mereka. Itu hak mereka masing-masing, cuma kita berbincang soal manusia sesama manusia yang dalam sebuah negara dan jangan cakap soal luar negeri, kita cakap soal dalam negeri, yang ada dalam negeri ini bukan Islam sahaja. Ada orang Cina, India. UMNO sanggup bekerjasama dengan mereka itu, apa salahnya. Jangan bawa terlampau luas kepada seluruh alam sejagat.

Di sini saya suka bertanya kepada Parti PAS berapa ramai orang yang bukan Islam yang telah diIslamkan oleh PAS? Saya belum dengar lagi. Jadi, ini menunjukkan kegagalan PAS selama 30 tahun yang lalu untuk menyatukan orang Melayu di tanahair kita ini dan berapa tahun lagi PAS hendak buat ragam-ragam macam ini? Ini cuma buang masa sahaja hidup dalam dunia. Menyusahkan kita sekalian. (*Ketawa*)

Panjang ceritanya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beri peluang orang lain pula hendak bercakap.

Wakil dari Gopeng berucap berkenaan new village. Tuan Yang di-Pertua, new village sekarang ini telah dipindahkan daripada Kementerian Perumahan masuk ke Kementerian Pembangunan Negara dan Luar

Bandar. Saya telah berkali-kali membuat pengakuan bahawa pembangunan negara kita adalah menyeluruh, baik dalam bandar atau di luar bandar dan yang di luar bandar itu tidak kira ianya kampung Melayu, kampung India atau kampung orang Cina. Ini jaminan Kerajaan.

Wakil dari Gopeng itu membangkitkan perkiraan wang yang diuntukkan bagi new villages itu dibahagikan sama rata dengan jumlah penduduk. Jika formula yang seperti ini digunakan, nyatalah seolah-olahnya Kerajaan menganaktirikan kampung-kampung baru itu. Yang sebenarnya bukan begitu. Kemudahan-kemudahan asas adalah diberikan kepada semua kampung-kampung dalam tanahair kita. Apa dia yang dikatakan “kemudahan asas”, seperti sekolah. Sekolah ada di kampung Melayu, sekolah juga ada di new villages. Jalanraya-jalanraya ada di kampung Melayu, jalanraya juga ada di new villages. Bekalan api, bekalan air, balairaya, bilik bacaan dan sebagainya ada di kampung Melayu, dan ada juga di new villages, bahkan kalau saya hendak sebutkan bahawa Ahli dari Gopeng datang daripada Perak. Sila siasat daripada 200 buah lebih new villages dalam negeri Perak berapa jumlah new villages yang belum dapat api elektrik.

Kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh jawab sekarang, saya beri jalan dia menjawabnya. Semua mendapat bekalan api elektrik, tetapi adakah kampung Melayu semua dapat bekalan api itu? Yang Berhormat datang daripada Perak, patut Yang Berhormat mengetahui hal ini. Bila saya cakap semuanya mungkin boleh jadi orang Melayu marah kepada saya, mengapa beri bekalan api di kawasan Cina, tidak di kawasan Melayu. Kawasan Cina itu dekat dengan jalanraya, mudah dimasukkan api dan murah, tetapi orang Melayu duduk di hulu-hulu sungai, di kaki-kaki gunung

mengambil masa yang lama untuk dibangunkan. Kalau Ahli Yang Berhormat ini sanggup berjalan pergi ke hulu Perak, ke Gerik, ke Keroh, ke hulu Terengganu, hulu Kelantan, maka Yang Berhormat akan dapati kemiskinan di situ. Ada rakyat negeri ini yang saya dapat tahu belum pernah melihat motokar lagi seumur hidup kerana jalan tidak ada masuk ke kampung mereka itu. Ini semua kemiskinan yang patut kita atasi, yang patut kita selesaikan.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita memberikan kemudahan ini kepada semua. Kita berharap semua kampung-kampung baru mendapat kemudahan yang sama, semua kampung-kampung Melayu serupa dengan new villages mendapat kemudahan yang sama. Apa yang kurang di new villages ini ialah longkang-longkang yang pecah disebabkan boleh jadi telah lama ataupun kontraktor yang tidak menjalankan kerja dengan betul dan peruntukan ada dibuat bagi membina longkang-longkang yang buruk itu. Sebab itu allocationnya tidak begitu besar.

Wakil dari Gopeng membahagikan jumlah peruntukan itu dengan jumlah hitung panjang 1½ juta orang yang duduk di new village dan menggambarkan seolah-olah Kerajaan menganaktirikan mereka itu. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau kami menganaktirikan mereka. . . . .

**Dr Ting Chew Peh: (Bangun)**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Gopeng bangun.

**Dr Ting Chew Peh:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Sebenarnya apa yang dimaksudkan dalam ucapan saya itu, saya merayu kepada pihak Kerajaan supaya memberikan perhatian kepada semua penduduk di luar bandar dan saya cuma berikan

kampung-kampung baru itu sebagai satu contoh untuk menunjukkan bahawa penduduk-penduduk luar bandar itu memerlukan banyak bantuan sahaja.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, Dewan ini telah meluluskan  $\frac{2}{3}$  daripada perbelanjaan Kerajaan digunakan untuk pembangunan luar bandar, termasuk kampung Melayu dan juga new villages. Semua new villages ada sekolah. Semua new villages ada api dan air. Kalau adapun, sedikit sahaja lagi. Mereka mempunyai kemudahan asas yang sama. Jika itu dimaksudkan oleh Ahli dari Gopeng, saya berterima kasih kepadanya kerana beliau menyedari bahawa pembangunan menyeluruh dengan tidak mengira apakah bangsa penduduk itu. Inilah penerangan dari saya. Saya dan rakan-rakan saya orang Cina dan India dalam Dewan ini, dalam Kabinet, dalam Dewan Tertinggi Barisan Nasional sentiasa juga memperhitungkan soalan ini. Apabila ekonomi kita pulih dan perolehan Kerajaan bertambah, nescaya kita akan tambah lagi peruntukan di kampung-kampung sama ada kampung Melayu ataupun kampung bukan Melayu. Saya berharap hal ini tidak menjadi isu politik lagi kerana Kerajaan sebenar-benarnya ingin berlaku adil, tambahan pula Islam sendiri mengajar supaya kita berlaku adil. Ini betulkah atau tidak, Wakil dari Pengkalan Chepa sebagai pemimpin Islam yang kononnya pemimpin Islam di negeri ini boleh mengakuinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu bercakap panjang lagi. Itulah jawapan saya kepada tiga Ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian saya. Terima kasih. (Tepuk)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

4.30 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran serta juga cadangan mengenai perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Saya mengambil kesempatan ini untuk memberi beberapa penjelasan ke atas perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Di dalam Titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong telah mengingatkan kita betapa pentingnya perpaduan demi untuk mengukuhkan keamanan dan memelihara kestabilan serta kemakmuran yang telah pun dicapai oleh negara. Ingatan ini amatlah tepat sekali pada masa ini, terutama dalam keadaan ekonomi negara yang menunjukkan tanda-tanda sedang pulih.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang berpeluang membahaskan titah Diraja Kebawah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong ini telah memberikan keutamaan kepada soal perpaduan ini. Insya-Allah jika perpaduan terpelihara, usaha-usaha Kerajaan untuk mempertingkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara dan memperbaiki lagi taraf hidup rakyat akan menjadi lebih mudah.

Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang telah menekankan supaya diadakan garis panduan-garis panduan pelaburan yang jelas dalam usaha Kerajaan untuk menarik pelaburan. Beliau juga menekankan bahawa kakitangan awam tidak seharusnya diberi kuasa budi-bicara bagi mentafsirkan sesuatu garis panduan. Ingin saya tegaskan di sini bahawa garis panduan-garis panduan pelaburan yang sedia ada di negara ini adalah amat jelas sekali dan ianya dilaksanakan dengan teliti oleh kakitangan awam. Malah

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri pernah mengumumkan garis panduan-garis panduan mengenai ekuiti di satu seminar di Amerika Syarikat pada akhir tahun 1986 untuk menghilangkan keraguan asing yang ingin melabur di Malaysia.

Selain daripada itu Kerajaan telah pun juga memberi beberapa galakan cukai di bawah Akta Galakan Pelaburan 1986, seperti taraf perintis, elaun cukai pelaburan, pengurangan pendapatan larasan, elaun eksport dan sebagainya untuk menarik lebih ramai pelabur melabur di negara ini. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah pentadbiran seperti melantik Jawatankuasa Kabinet mengenai pelaburan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk tujuan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelabur-pelabur (one-stop agency) untuk mempermudah proses permohonan pelaburan dan melonggarkan syarat-syarat dalam Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Semua usaha-usaha ini adalah diambil semata-mata untuk menarik lebih banyak pelabur ke Malaysia.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu telah mencadangkan supaya dikaji dengan mendalam sistem ekonomi Islam untuk dilaksanakan di negara ini. Pandangan ini akan diberi perhatian yang bersungguh-sungguh oleh Kerajaan di dalam usaha Kerajaan memulihkan pertumbuhan ekonomi negara dan seterusnya memperbaiki kedudukan kewangan. Kerajaan adalah sentiasa memberi peluang kepada apa jua cadangan dan buah fikiran yang berfaedah dan praktikal untuk dilaksanakan bagi negara majmuk seperti Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap telah mencadangkan supaya Kementerian

kewangan memberi pemberian terus ataupun "grant" dan bukannya pinjaman yang dikenakan faedah 4% kepada agensi Kerajaan yang ditugaskan untuk mendirikan industri kecil ataupun industri desa.

Saya ingin menjelaskan iaitu perbelanjaan mengurus agensi Kerajaan yang ditugaskan untuk membangunkan industri desa adalah sepenuhnya dibiayai oleh Kerajaan dan menyalurkan melalui Kementerian berkenaan. Pinjaman yang diberikan adalah bagi projek komersial yang diterokai oleh agensi berkenaan. Kadar faedah 4% terhadap pinjaman bagi agensi untuk membangunkan industri kecil ataupun industri desa itu, adalah satu kadar yang rendah dan berpendapat bagi projek-projek komersial. Kita perlulah sedar bahawa pinjaman berkenaan adalah daripada wang yang dipinjamkan oleh Kerajaan pada kadar faedah yang lebih tinggi daripada itu. Dari itu adalah wajar bagi agensi Kerajaan menanggung sebahagian daripada kos kepada pinjaman untuk projek komersial yang diterokai oleh mereka. Lagipun sesuatu yang diberi secara percuma mungkin akan disalahgunakan dan akan disia-siakan begitu sahaja.

**Dato' Dr Affudin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, boleh minta penjelasan?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila. Hendak beri jalan?

**Dato' Dr Affuddin bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan statement yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan tadi, tetapi untuk satu-satu agensi Kerajaan meneroka satu-satu bidang komersial, dia mengharapkan semua modalnya atau sebahagian daripada modalnya datang dari Perbendaharaan. Apa yang berlaku sekarang ialah 100% modal itu diberi mengikut pinjaman. Jadi, sebagai sebuah agensi Kerajaan, dia

tidak boleh mendapat modalnya sendiri selain dari Perbendaharaan. Apa yang saya cadangkan, ialah kalau boleh sebahagian dari modal untuk meneroka sesuatu bidang komersial itu diberi secara "grant" dan sebahagian yang lain diberi secara pinjaman. Itu yang saya maksudkan, sebab tidak ada sumber lain untuk agensi-agensi ini mendapatkan modalnya yang tidak perlu dibayar dengan interest, walaupun 4% sekalipun.

**Tuan Mohamed Farid bin Ariffin:** Tuan Yang di-Pertua, segala apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, sebenarnya telah pun diambil kira oleh pihak Kerajaan, tetapi sayugia diingatkan bahawa sebahagian besar daripada perbelanjaan untuk penerokaan ke dalam industri desa itu seperti yang telah saya katakan adalah dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan, tetapi jika sekiranya ia berunsur komersial maka pihak Kerajaan telah pun mengenakan satu faedah yang agak kecil iaitu 4% lebih rendah dari faedah yang dikenakan oleh pembiayaan ke atas pinjaman oleh Kerajaan daripada pihak-pihak yang tertentu di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlu ingat bahawa pinjaman berkenaan adalah dari wang yang dipinjamkan oleh Kerajaan pada kadar faedah yang lebih tinggi, seperti yang saya terangkan, dari itu adalah wajar bagi agensi Kerajaan menanggung sebahagian sahaja daripada kos bagi pinjaman untuk projek komersial yang diteroka oleh mereka itu. Lagi pun sesuatu yang diberi secara percuma mungkin akan disalahgunakan dan disia-siakan begitu sahaja. Kita tidak mahu pihak-pihak berkenaan hanya akan bergantung 100% kepada Kerajaan. Kita mahu supaya pihak-pihak yang berkenaan itu mempunyai semangat persaingan supaya mereka dapat terus membangun mungkin satu masa nanti tanpa bantuan daripada mana-mana pihak. Agensi Kerajaan terutamanya

patutlah berusaha bersungguh-sungguh untuk meningkatkan produktiviti dan daya persaingan mereka dan berusaha secara komersial untuk memperluaskan pasaran terhadap keluaran mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Gopeng, Kota Belud dan juga Rantau Panjang telah membangkitkan soal penyediaan kemudahan asas kepada bekalan tenaga elektrik, bekalan air, telefon, jalanraya dan kemudahan kesihatan yang masih belum dapat dinikmati oleh banyak kampung-kampung di luar bandar. Sebahagian besar daripada penjelasannya telah pun diberi oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi. Walau bagaimanapun, Kerajaan memanglah sentiasa memberi keutamaan kepada pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas di luar bandar. Dalam kedudukan kewangan yang kurang selesa pada masa ini, Kerajaan telah pun juga memperuntukkan  $\frac{2}{3}$  atau \$4.2 ribu juta daripada perbelanjaan pembangunan bagi tahun 1988 untuk projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar di mana kemiskinan adalah ketara. Bergantung kepada kedudukan kewangan negara, Kerajaan sedaya upaya akan terus memberi keutamaan kepada sektor luar bandar di masa-masa akan datang selaras dengan objektif membasmi kemiskinan di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Ahli Yang Berhormat dari Bandau telah pun membangkitkan soal kedudukan pencen kakitangan Kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah pun memutuskan iaitu bagi kakitangan Kerajaan yang diambil bekerja secara tetap, mereka adalah diberi taraf berpencen setelah berkhidmat secara berterusan selama 10 tahun. Perkara ini adalah dijelaskan dan diketahui oleh kakitangan Kerajaan semasa mereka diambil bekerja semula. Bagi

kakitangan Kerjaan yang diambil bekerja secara sambilan iaitu bagi memenuhi sesuatu keperluan kakitangan untuk jangka masa yang singkat, mereka ini tidaklah diberi taraf berpencen. Kedudukan ini memanglah dijelaskan sewaktu tawaran bekerja diberikan kepada mereka yang memohon kerja sambilan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun memberi cadangan dan buah fikiran mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Kewangan. Cadangan dan pandangan sama ada yang sempat saya sebutkan ataupun yang tidak dapat saya sebutkan secara satu persatu akan diberi perhatian dan akan dikaji dengan mendalam oleh Kementerian Kewangan. Cadangan dan pandangan yang praktik dan berfaedah bagi negara majmuk seperti Malaysia, akan dilaksanakan dengan tujuan untuk meningkatkan lagi kemakmuran negara. Marilah kita bersama-sama berdiri teguh di belakang usaha Kerajaan untuk memelihara perpaduan, meningkatkan kemakmuran negara serta menegakkan pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

*4.41 ptg.*

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Ng Cheng Kiat):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap dan menyentuh berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor telah menyentuh mengenai galakan kepada penganggur-penganggur menceburi bidang perniagaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang sentiasa memberikan galakan kepada penganggur-penganggur supaya menjalankan kerja-kerja yang sesuai dengan berdikari dan tidak hanya bergantung kepada Kerajaan atau pihak majikan swasta untuk mendapat pekerjaan.

Sebagai langkah untuk menggalakkan lebih ramai anak-anak muda kita menceburkan diri dalam bidang perniagaan, Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan telah menambahkan pengeluaran lesen-lesen penjaja kepada mereka. Walau bagaimanapun, pihak penjaja atau peniaga-peniaga kecil pula haruslah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak-pihak berkuasa berkenaan. Misalnya, sekiranya pekerjaan atau perniagaan yang mereka lakukan dalam kawasan Penguasa-penguasa Tempatan memerlukan kelulusan pihak berkenaan, ianya haruslah diperolehi terlebih dahulu.

Dalam hal perniagaan, lesen-lesen hanya boleh diberikan oleh Penguasa-penguasa Tempatan berdasarkan Undang-undang Kecil Pelesenan tertentu yang dikuatkuasakan oleh Penguasa-penguasa Tempatan yang berkenaan. Kawalan yang dibuat melalui pelesenan ini bukanlah untuk menyusahkan orang ramai tetapi sebaliknya untuk memastikan bahawa setiap aktiviti yang dijalankan itu tidak akan menimbulkan kesan-kesan yang tidak baik bukan sahaja terhadap orang yang menjalankannya, tetapi juga terhadap masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Simunjan telah membuat teguran mengenai

penggunaan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda di kedai-kedai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kebanyakan Penguasa Tempatan kini telah mempunyai peraturan-peraturan mengenai penggunaan Bahasa Malaysia di papan-papan tanda dan papan-papan iklan. Namun demikian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang berusaha sedaya upaya bagi memastikan supaya penggunaan Bahasa Malaysia di semua papan-papan tanda dan iklan-iklan dilaksanakan dengan seragam.

Undang-undang Kecil Iklan sedang digubal untuk diterima pakai di semua Penguasa Tempatan. Dengan adanya Undang-undang Kecil ini, penguatkuasaan penggunaan Bahasa Malaysia bersama-sama dengan bahasa lain di papan-papan tanda dan iklan-iklan akan dapat diseragamkan. Undang-undang Kecil Iklan ini antara lain akan menggariskan kepentingan penggunaan Bahasa Malaysia yang betul dan juga keutamaan yang harus diberi kepadanya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Simunjan juga membuat teguran tentang cadangan mengadakan 2 orang Datuk Bandar di Kuching, Sarawak apabila Kuching diberi taraf Bandaraya. Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, penganugerahan taraf Bandaraya adalah bertujuan, antara lain, untuk melicinkan lagi pentadbiran kawasan tersebut. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan difahamkan bahawa cadangan untuk mewujudkan 2 jawatan Datuk Bandar bagi Bandaraya Kuching adalah untuk melicinkan pentadbiran Bandaraya tersebut. Memandangkan bahawa Bandaraya Kuching mengandungi dua kawasan yang mempunyai ciri-ciri yang berlainan dan kedua-dua kawasan tersebut mempunyai sempadan yang sama iaitu Sungai Rejang, Kerajaan Negeri Sarawak

lebih memahami akan kedudukan Bandaraya Kuching. Oleh itu, cadangan Kerajaan Negeri Sarawak harus diterima dan dihormati.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas teguran mereka. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sentiasa mengalu-alukan cadangan dan teguran yang membina. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kebudayaan dan Pelancongan.

4.46 ptg.

**Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perbahasan di atas Titah Ucapan Kebawah Duli pada pembukaan Penggal Kedua, Parlimen Yang Ketujuh ini. Dan terima kasih di atas cadangan-cadangan serta pendapat dan juga teguran yang membina terhadap isu-isu berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian telah menyediakan strategi-strategi di dalam mempertingkatkan imej negara sebagai satu destinasi pelancongan. Strategi pemasaran dan penggalakan yang dijalankan oleh Kementerian ialah untuk memperkenalkan negara sebagai destinasi pelancongan yang mempunyai tarikan-tarikan tersendiri dan yang setanding, kalau tidak lebih dari apa yang terdapat di negara-negara lain. Pusat-pusat tarikan pelancongan ini yang terdapat di seluruh negara dan di antaranya telah disebut oleh Yang Berhormat dari

Kota Setar mendapat tempat istimewa di dalam program-program pemasaran dan penggalakan yang dijalankan oleh pihak Kementerian.

Di sini saya ingin mengulangi dan mengucapkan terima kasih atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar itu bahawa pihak rakyat negara ini harus bersikap positif dalam menyambut pelancong dari luar negeri dan supaya setiap rakyat negara ini memainkan peranan terhadap memajukan industri pelancongan di dalam negara kita. Budi bahasa yang tinggi dalam melayan tetamu-tetamu adalah penting bagi menimbulkan suasana selesa di kalangan pelancong-pelancong semasa mereka berada di dalam negara kita. Sikap positif ini meliputi menjaga kebersihan di kalangan sekeliling kita. Bukan setakat menjaga kawasan rumah kita sahaja, tetapi juga supaya semua rakyat negara ini mempunyai tanggungjawab menjaga kebersihan tempat-tempat awam, malah terutamanya tandas awam. Perkara ini mesti dilaksanakan dengan sertamerta. Kita mesti mempunyai sikap dan nilai-nilai murni supaya pelancong-pelancong tidak berasa asing dan tersisih semasa mereka berada di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, atas pandangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Larut, pihak Kementerian memang menggalakkan industri kraftangan, menyediakan hasil mereka untuk dibeli oleh pelancong-pelancong. Kita akan bekerjasama dengan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan agensi-agensi di bawahnya seperti KARYANEKA dan juga INFOKRAF untuk membanyakkan jenis dan juga jumlah barang-barang cenderamata seperti ini. Pihak Kementerian sedar bahawa cenderamata-cenderamata ini boleh memperkenalkan negara kita kepada pelancong-pelancong dan boleh juga

menjadi satu tarikan kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita ini.

Sehubungan dengan usul daripada Ahli Yang Berhormat dari Semporna, pihak Kementerian sedar bahawa setiap negeri di dalam Malaysia ini mempunyai banyak lokasi untuk dijadikan tempat-tempat tarikan pelancongan. Tempat-tempat yang menarik di Sabah banyak yang telah dikenalpasti seperti Taman Negara Kinabalu, Pusat Pemulihan Orang Hutan, Pusat Penyu dan lain-lain. Semua tempat-tempat ini sebagaimana yang pernah saya katakan terlebih awal dahulu mendapat tempat di dalam program-program pemasaran dan juga program-program penggalakan yang dijalankan oleh Kementerian melalui Perbadanan Kementerian Pelancongan Malaysia.

Menyentuh akan cadangan Orient Express oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas, sebenarnya Kementerian memang mengalu-alukan cadangan ini. Cadangan untuk mengadakan Orient Express ini iaitu keretapi khas dari Chengmai-Thailand hingga ke Singapura.

Pihak Kementerian difahamkan, sebenarnya cadangan ini masih di peringkat rundingan dan di dalam hal ini, pihak Kementerian akan mencadangkan bahawa Orient Express ini bukan setakat membuat technical stop di Kuala Lumpur tetapi dikehendaki berhenti setidak-tidaknya 24 jam supaya penumpang-penumpang akan dapat melawat dan juga berbelanja di Kuala Lumpur. Pihak Kementerian akan meneliti cadangan Orient Express ini, Tuan Yang di-Pertua.

Berkenaan dengan cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas iaitu berkaitan dengan Kebudayaan Kapitalis. Apa juga istilah yang digunakan seperti Kebudayaan Kuning, Kebudayaan

Barat, Kebudayaan liar, atau apa juga perkataan yang digunakan, pada prinsipnya kita hanya harus menerima unsur-unsur lain yang sesuai dan wajar baik dari manapun kebudayaan itu dalam memupukkan Kebudayaan Kebangsaan kita.

Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah meletakkan bahawa kebudayaan rakyat asal rantau ini, unsur kebudayaan lain yang sesuai boleh juga diterima, asalkan tidak bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam.

Tuan Yang di-Pertua, ini bermakna bahawa kita memang membuka diri kita kepada unsur-unsur positif dan juga nilai-nilai progresif yang boleh memajukan bangsa dan negara kita.

Saya bersetuju dengan Ahli Yang Berhormat itu sekiranya yang dimaksudkan dengan Kebudayaan Kapitalis itu adalah nilai-nilai negatif yang harus kita kawal dan tolak sekiranya bercanggah dengan apa yang saya sebutkan sebentar tadi.

Tanggungjawab mengawal, tanggungjawab menyekat ataupun tanggungjawab menolak mana-mana unsur kebudayaan yang boleh merosakkan masyarakat tidak harus dibebankan kepada Kementerian sahaja ataupun mana-mana agensi Kerajaan. Persoalan Kebudayaan adalah persoalan semua pihak kerana bidang kebudayaan amat luas meliputi tanggungjawab terhadap bahasa dan sastera, terhadap pemupukan nilai dan norma ataupun resam, pemupukan kesenian, kemasukan pengaruh-pengaruh media-massa yang negatif dan sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab kebudayaan terletak kepada bidang kuasa dan kuatkuasa semua pihak, bukan hanya kepada pihak Kementerian ataupun pihak-pihak tertentu sahaja. Tanggungjawab ini hanya boleh dilaksanakan oleh kita semua dengan

satu kesedaran kemasyarakatan dan keinsafan budaya yang **tinggi**, kefahaman yang mendalam, **tentang** kehidupan kebudayaan terletak di bahu kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang peranan Kementerian, saya suka sebutkan bahawa kita dari masa ke semasa mengatur program dan aktiviti dan mengambil langkah-langkah yang sesuai sama ada melalui penyelarasan antara agensi-agensi atau mengisi aktiviti-aktiviti kebudayaan yang boleh memupuk kesedaran, kefahaman dan nilai-nilai perpaduan di kalangan kumpulan sasaran. Nilai-nilai budaya sebagai nilai-nilai yang baik, yang mana sentiasa kita amalkan. Nilai-nilai ini meliputi seperti kesetiaan, seperti Budaya Kerja, Budaya Ilmu ataupun Budaya Membaca termasuk juga daya tahan, daya asing, hormat-menghormati antara satu sama lain, sikap "Bersih-Cekap", sikap ingin berdikari dan juga sikap ingin memupuk semangat kebangsaan ataupun semangat cintakan tanahair yang tinggi. Ini merupakan . . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** (*Bangun*)

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Petaling Jaya bangun, ya!

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, sila ambil perhatian bahawa tidak cukup koram.

**Dato' Haji Sabbaruddin Cik:** Ini merupakan unsur-unsur yang kita. . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat minta atas point of order. Ya!

**Dr Eng Seng Chai:** Tidak cukup koram, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak cukup koram, diminta bilang. 18 orang, tidak cukup koram. Sila bunyikan loceng.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 29 Ahli hadir*)

**Tuan Yang di-Pertua:** 29 Ahli, sudah cukup koram. Sila teruskan.

**Dato' Haji Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, nilai-nilai seperti cintakan tanahair yang tinggi, terutama di kalangan jenerasi muda. Agenda-agenda ini perlu untuk mengarahkan kefahaman yang mendalam terhadap cita-cita budaya dan juga kefahaman di antara satu kaum dengan kaum yang lain dan bukan tertumpu hanya kepada satu-satu kaum sahaja.

Aktiviti-aktiviti Kementerian ini meliputi siri seminar, konvensyen, penyebaran bahan-bahan makluman, bahan-bahan penyelidikan, khidmat nasihat dan lain-lain demi kepentingan kita bersama.

Demikian juga, Tuan Yang di-Pertua, apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Terengganu dan juga dari Padang Serai yang berkaitan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas. Apabila Dasar Kebudayaan Kebangsaan digubal dalam tahun 1971, ciri utama yang diletakkan adalah bagi mencapai matlamat perpaduan. Kebudayaan Kebangsaan juga adalah ke arah mengekal dan mengukuhkan keperibadian kebangsaan di samping meningkatkan kehidupan kemanusiaan dan kerohanian. Falsafah ini jarang difahami secara mendalam dan secara menyeluruh. Kebudayaan di negara-negara yang maju telah diterima sebagai bahagian utama pembangunan bangsa ataupun pembinaan negara kerana kebudayaan melahirkan simbol-simbol keperibadian yang memancarkan identiti negara pada satu-satu masa dan mungkin juga menjadi warisan kebudayaan pada masa yang akan datang. Oleh itu usaha-usaha meletakkan seperti Bahasa

Kebangsaan sebagai bahasa rasmi negara, identiti seni bina di dalam perancangan tanaman, perumahan dan bandar atau lain-lain bidang kesenian akan menunjukkan wajah atau peribadi negara kita sendiri.

Kalau semua Ahli-ahli Yang Berhormat perhatikan bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan itu sudah memberi ruang yang cukup luas dan membuka ke arah mengukuh dan mengembangkan kebudayaan rakyat asal rantau ini yang mana dalam kes Malaysia, kekuatannya bergantung kepada kebudayaan Melayu dalam erti kata yang luas. Melayu di sini tidak saya ertikan sebagai orang-orang Melayu, tetapi sebagai sebuah kebudayaan yang dianuti oleh rakyat asal di rantau kita berasaskan pengaruh-pengaruh bahasa yang sama, latarbelakang sejarah, ilmu alam dan cara-cara kehidupan yang lain. Kekuatan prinsip ini juga meletakkan peranan sumbangan kebudayaan masyarakat Melayu, suku bangsa bumiputera seperti Kadazan, Iban, Murut, Melanau, Bajau, Bidayuh dan berbagai-bagai lagi yang lain. Itu sebagai imej-imej yang boleh diperkembangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga boleh menerima mana-mana unsur kebudayaan lain sama ada dari Barat ataupun dari Timur, dari Jerman, dari Jepun ataupun dari Korea, bahkan yang utama ialah unsur-unsur kebudayaan masyarakat kita di Malaysia, terutama dari kaum Cina dan juga kaum India atau lain-lain kaum yang boleh diperkembangkan dan dimajukan bersama mengatasi nilai-nilai perkauman. Pemupukan nilai-nilai kebudayaan juga bergantung kepada Islam sebagai unsur penting sebagai agama negara dan pengaruhnya yang begitu meluas dan dianuti oleh melebihi sebahagian besar rakyat rantau ini dan juga rakyat negara kita.

Kalau kita memahami rationale prinsip-prinsip yang ditegaskan ini dan pelaksanaannya dapat dihayati oleh kita semua, kita mempunyai masa depan kebudayaan yang lebih cerah dan lebih cemerlang. Dasar ini telah memberikan satu konsep dan rangka pemikiran masa depan bagi bangsa dan negara kita. Memanglah pembinaan sesebuah kebudayaan itu memakan masa yang lama. Bagaimanapun, dalam kes negara kita, sekiranya kefahaman, kesedaran dan keinsafan dapat dipupuk, maka usaha-usaha ini akan dapat dicapai dengan lebih segera lagi. Malahan sebenarnya semangat dan cita-cita kebudayaan sudah terkandung di dalam Perlembagaan negara yang mana sekiranya nilai-nilai imperatifnya difahami dan diutamakan, maka ciri-ciri persamaan di dalam masyarakat dapat dipupuk dengan lebih mudah dan perbezaan-perbezaan yang boleh membawa perpecahan dapat kita ketepikan, Tuan Yang di-Pertua.

Apabila Kementerian menggalakkan usaha-usaha pelancongan, tidak bermakna bahawa Kementerian akan menjejaskan usaha membina maruah ataupun bangsa kita sendiri. Kebudayaan dan pelancongan amat berkait rapat dan kaedah yang sama telah digunakan di negara-negara maju yang lain. Kedua-duanya boleh dianggap sebagai complementary dan supplementary. Kebudayaan bukan sahaja menyediakan aspek-aspek kesenian tetapi warisan sejarah kebudayaan seni bina, seni ukir, kraftangan, seni lukis, bangunan-bangunan bersejarah, istana-istana dan juga alam semula jadi. Kehidupan masyarakat kita yang unik dan istimewa di rantau ini juga menjadi daya tarik yang boleh dipaparkan kepada pelancong-pelancong. Bila kita menggalakkan pelancongan, pada masa yang sama kita juga memperkenalkan kebudayaan kita dan keperibadian negara kita kepada mata dunia luar. Jika rakyat bersatu

dan nilai-nilai ataupun resam kehidupan kita seperti nilai-nilai ramah mesra dan tahu melayan orang asing boleh dijadikan satu tradisi yang menarik kepada para pelancong, maka dengan itu Kementerian dalam usaha-usaha galakan kebudayaan dan pelancongan dalam beberapa hal akan meningkatkan program dan beberapa perubahan atau pembaharuan strategi diatur supaya sekaligus memberi faedah kepada pelancong tanpa menjejaskan pembangunan kebudayaan kita.

Suka juga saya tegaskan, Tuan Yang di-Pertua, penggalakan pelancongan tidak juga bermakna membawa masuk kebudayaan asing yang negatif kerana pemerhatian akan selalu dibuat oleh Kementerian, oleh Kerajaan kepada sifat-sifat yang bertentangan dengan nilai-nilai budaya bangsa di negara kita. Pelancongan mempunyai peranan asas pelaksanaan yang kuat membantu perkembangan kebudayaan. Beberapa faktor berkaitan dengan industri budaya seperti kraftangan, pertunjukan kesenian, pakaian dan juga perhiasan, makanan dan juga minuman tempatan, warisan khazanah sejarah ataupun kebudayaan boleh berkembang dan dimajukan sekaligus. Pendek kata, kalau semua sedar dan insaf cita-cita membina Kebudayaan Kebangsaan adalah tanggungjawab semua dan kebudayaan juga sebagaimana boleh menjadi daya tarikan kepada usaha-usaha pelancongan. Di sini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah perlu saya memberi huraian yang panjang terhadap konsep Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula cadangan dari Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas mengenai ataupun cadangan untuk mengadakan satu tempat khas bagi memperingati tokoh-tokoh negara yang mewakili berbagai bidang, adalah dimaklumkan

bahawa sebenarnya Arkib Negara memang telah lama merancang perkara ini, malah sebenarnya kini dalam proses mendapatkan satu bangunan yang sesuai untuk dijadikan sebagai pustaka wira negara. Tujuan penubuhan pustaka ini ialah untuk memperingati jasa-jasa dan juga sumbangan tokoh-tokoh wira terhadap bangsa dan negara memandangkan ramai lagi tokoh yang boleh diiktirafkan sebagai wira di dalam berbagai bidang seperti pendidikan, kebudayaan, keagamaan, kesusasteraan, pentadbiran termasuk juga sukan, kehakiman dan juga politik. Adalah difikirkan perlu sebuah bangunan agak besar untuk dijadikan pustaka wira negara ini dan diwujudkan sebagai menyimpan bahan-bahan yang berkaitan dengan tokoh-tokoh yang saya sebutkan tadi. Sebenarnya kita mempunyai tiga cadangan sekarang ini untuk dipertimbangkan oleh pihak yang berkenaan. Saya fikir tidak perlu saya nyatakan cadangan-cadangan kita itu di peringkat ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini, sebenarnya Kementerian memang bersetuju dengan cadangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas itu dan kita harap bangunan yang kita pohon ini akan mendapat persetujuan dari pihak yang berkenaan supaya dapat kita wujudkan pustaka wira negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang dapat saya beri sebagai ulasan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat yang berkaitan dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan. Kepada mereka sekali lagi saya berterima kasih dan sekiranya ada hujah-hujah yang telah dikemukakan tetapi tidak disentuh oleh saya, percayalah bahawa segala perkara-perkara itu akan diambil kira belaka dalam menjalankan rancangan kita bagi tahun-tahun akan datang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri Kebajikan Masyarakat.

5.10 ptg.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Tuan Mustaffa bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan beberapa pandangan dan ulasan berkaitan dengan program dan aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat.

Mengenai masalah kelewatan pembayaran bantuan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Kedah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Padang Serai, sukalah saya menyatakan di sini bahawa perkara tersebut akan diambil perhatian oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat dan tindakan sewajarnya akan diambil untuk mengelakkan kelewatan pembayaran di masa-masa akan datang.

Mengenai cadangan Yang Berhormat berkenaan dengan bantuan dari peruntukan Kerajaan Negeri dinaikkan daripada \$30 kepada \$50 sebulan, sukalah saya menyatakan di sini bahawa peruntukan bantuan dari Kerajaan Negeri adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat telah mengemukakan cadangan kepada Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara supaya bayaran bantuan kepada golongan sasar dapat diseragamkan di seluruh negara mengikut kadar Persekutuan.

Sukalah saya memaklumkan juga bahawa Majlis Perkhidmatan Kebajikan Negara pada tahun yang lalu telah bersetuju pada dasarnya dengan cadangan tersebut tetapi perlaksanaannya pula bergantunglah

kepada keupayaan Kerajaan Negeri masing-masing.

Mengenai dengan penjagaan orang-orang tua di rumah-rumah kebajikan, sukalah saya mengumumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa terdapat berbagai jenis rumah orang tua yang beroperasi di negara kita pada masa ini. Bagi rumah-rumah orang tua yang diselenggarakan oleh pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat, pihak pegawai dan kakitangan sentiasa menentukan bahawa layanan dan penjagaan kepada orang-orang tua diuruskan dengan baik dan memuaskan. Begitu juga bagi rumah-rumah orang tua yang dikendalikan oleh badan-badan sukarela, lawatan-lawatan sentiasa dibuat dari masa ke semasa oleh pegawai-pegawai kebajikan masyarakat bagi menentukan layanan dan penjagaan yang sempurna.

Walaupun bagaimanapun ada juga rumah-rumah orang tua yang dikendalikan oleh badan-badan swasta yang menerima bayaran-bayaran bulanan daripada penghuni-penghuninya. Rumah-rumah ini adalah diuruskan sebagai satu perniagaan oleh badan-badan berkenaan dan tidak tertakluk kepada penyeliaan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Di waktu akhir-akhir ini terdapat aduan-aduan yang diterima oleh Kementerian Kebajikan Masyarakat mengenai adanya amalan-amalan yang kurang menyenangkan yang dilakukan terhadap orang-orang tua oleh pengusaha-pengusaha tersebut. Justeru itu, pihak Kementerian telah pun membuat siasatan dan kini sedang mengambil langkah untuk menggubal satu undang-undang khas untuk mendaftarkan rumah-rumah kebajikan swasta seperti ini supaya perkhidmatan yang diberikan oleh pengusaha-pengusaha yang berkenaan terjamin dan aktiviti-aktiviti mereka dapat dikawal.

Sehubungan dengan beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Arau, sukalah saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini sebagaimana yang telah saya jelaskan tadi, bahawa rumah-rumah orang tua ditadbirkan sama ada oleh pihak Kerajaan, pihak swasta atau badan-badan sukarela, pada keseluruhannya, kemudahan-kemudahan yang terdapat di rumah-rumah orang tua di bawah pentadbiran Kerajaan dan swasta adalah didapati memuaskan. Akan tetapi, kemudahan yang terdapat di beberapa rumah orang tua yang dikendalikan oleh badan-badan sukarela masih tidak begitu memuaskan. Kementerian Kebajikan Masyarakat menyedari atas perkara ini, akan tetapi ingin saya memaklumkan bahawa masalah yang besar yang dihadapi oleh badan-badan sukarela ini adalah di segi kewangan.

Kementerian Kebajikan Masyarakat berpendapat adalah tidak wajar bagi Kerajaan mengambil alih keseluruhannya di segi pentadbiran rumah-rumah orang tua di bawah badan-badan sukarela ini oleh kerana penglihatan masyarakat melalui badan-badan sukarela adalah sangat diperlukan di dalam usaha memberikan perkhidmatan kebajikan masyarakat di negara ini.

Pada masa ini Kementerian Kebajikan Masyarakat memberi bantuan kewangan berupa geran tahunan untuk mengurus dan mentadbirkan semula aktiviti-aktiviti di bawah kelolaan mereka. Dari masa ke semasa juga mereka diberi bantuan untuk membolehkan badan-badan sukarela ini menjalankan kerja-kerja memperbaiki rumah-rumah orang tua yang dalam keadaan kurang memuaskan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kebajikan Masyarakat akan terus berusaha dan mengambil berat untuk membantu badan-badan

sukarela ini bagi memperbaiki keadaan rumah-rumah orang tua yang berkenaan dari masa ke semasa.

Berkenaan dengan cadangan supaya Kerajaan mengenakan undang-undang ke atas anak-anak yang mengabaikan tanggungjawab terhadap ibubapa mereka, Kementerian Kebajikan Masyarakat berpendapat bahawa adalah lebih baik jika masalah ini dapat diatasi melalui pendidikan supaya tiap-tiap individu dapat memupuk nilai dari segi penjagaan dan tanggungjawab ke atas ibubapa mereka sesuai dengan kebudayaan kita. Oleh yang demikian, salah satu daripada usaha Kementerian ini ialah ke arah menimbulkan kesedaran, khususnya di kalangan orang-orang muda dari segi tanggungjawab ke atas ibubapa dan saudara-mara mereka yang tua.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Buat akhirnya, sukalah saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Kebajikan Masyarakat sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab terhadap kebajikan dan kesejahteraan rakyat yang kurang bernasib baik akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan lagi prestasi perkhidmatannya. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul atas nama Yang Berhormat Dr Abdul Hadi bin Derani disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Ketujuh”.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG (PEMBAHAGIAN) PESAKA KECIL (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.20 ptg.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama “Akta Pembahagian Pesaka Kecil, 1955 (Pindaan)” dibaca bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pembahagian Pesaka Kecil 1955 telah diwujudkan dalam tahun 1955 khusus untuk membahagikan pesaka yang bernilai rendah, terutamanya tanah-tanah milik supaya dapat diselesaikan dengan mudah, murah dan segera. Dengan yang demikian, semua pemilikan Hakmilik-hakmilik (titles) dan lain pegangan yang berdaftar di Pejabat-pejabat Tanah dapat dikemaskinikan dengan nama pemilik-pemilik yang hidup.

Boleh dikatakan semenjak Akta Pembahagian Pesaka, 1955 ini diluluskan oleh “Legislative Council” Malaya pada 2hb Jun, 1955 tiada pindaan besar dibuat kecuali meningkatkan had bidangkuasa pesaka kecil sahaja dari \$10,000 ke \$25,000 pada tahun 1974, daripada \$25,000 ke \$50,000 pada tahun 1977 dan daripada \$50,000 kepada \$300,000 pada tahun 1979.

Masanya telah pun sampai agar Akta ini diperkemaskan terutama peruntukan-peruntukan yang menjadi penghalang dan menghalang kelicinan pelaksanaan Akta ini yang tidak dapat memenuhi perkembangan sosio-ekonomi pada masa sekarang.

Oleh itu, beberapa pindaan perlu dibuat. Pindaan had bidang kuasa pesaka kecil dari \$300,000 ke \$600,000 adalah difikirkan wajar dibuat pada masa ini supaya faedah maksima dapat dirasakan oleh segolongan besar rakyat keseluruhannya terutama bumiputera, baik di desa mahupun di bandar yang mempunyai harta-harta berjumlah tidak lebih \$600,000. Dengan demikian mereka tidak payah menunggu proses penyelesaian di Mahkamah Tinggi dan melalui dua peringkat penyelesaian mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir dan kemudian memperolehi Perintah Pembahagian yang perlu diuruskan dengan menggunakan khidmat Peguam yang mana mengakibatkan belanja yang banyak.

Tuan Yang di-Pertua, objektif utama pindaan-pindaan ini dibuat adalah untuk menyegerakan lagi penyelesaian pesaka kecil, mengurangkan dan seterusnya menghapuskan tunggakan-tunggakan kerja yang sedia ada. Pindaan ini juga akan memberi kesan yang positif kepada waris-waris simati oleh kerana pesaka-pesaka kecil simati dapat diselesaikan dengan perbelanjaan yang paling rendah.

Sejumlah 13 seksyen telah diperakukan untuk dipinda di samping menambah peruntukan baru kerana mengikut perkembangan semasa seperti menyelaraskan dengan kehendak-kehendak pindaan yang telah dibuat terhadap Kanun Tanah Negara dan juga menghapuskan amalan yang difikirkan tidak sesuai lagi.

Diantara perkara-perkara yang mustahak yang terlibat dalam pindaan ini adalah seperti berikut:

- (i) Pemakaian Akta ini ke Labuan yang telah diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan.
- (ii) Menyelaraskan penggunaan perkataan "Land Administrator" atau Pentadbir Tanah bagi negeri-negeri di Semenanjung Malaysia berikutan pindaan kepada Kanun Tanah Negara di samping mengekalkan perkataan "Collector" bagi Negeri-negeri Sabah dan Sarawak.
- (iii) Memansuhkan tarikh 1 Oktober 1949 yang dimasukkan dalam takrif "Pembeli" dan dengan itu diperluas maksud "Pembeli" supaya sejajar dengan takrif Pembeli dalam Akta-akta yang lain.
- (iv) Memperluas kuasa Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan supaya membenarkan pembicaraan diadakan di tempat tinggal waris-waris simati jika hanya harta alih sahaja, yang ada di tempat tinggal mereka di samping harta tak alih simati berada di tempat atau negeri yang lain.
- (v) Memperluaskan kuasa melapor dan menyasiat

kepada Pegawai-pegawai Petempatan selain daripada Penghulu yang sedia ada dalam peruntukan sekarang.

- (vi) Mengadakan satu peruntukan baru memberi kuasa Majistret kepada Pemungut Hasil Tanah bagi memanggil seksi, mengemukakan dokumen dan menghendaki supaya waris-waris hadir dalam pembicaraan penyelesaian pesaka kecil. Peruntukan ini diperlukan kerana dari pengalaman yang lampau adalah amat sukar untuk mendapatkan kerjasama pihak-pihak yang terlibat kerana sifat "tidak apa" mereka dan juga kadang kala menjadi penghalang kepada penyelesaian terutamanya bagi kes-kes di mana waris-waris telah menjualkan tanah-tanah yang melibatkan hak waris yang berhak, yang lain.
- (vii) Mengadakan peruntukan baru bagi menyambung atau membicarakan semula kes-kes yang lama-lama yang ditangguhkan oleh sebab-sebab kematian, pertukaran pegawai supaya selaras dengan Seksyen 35 Kanun Tanah Negara.
- (viii) Menghapus peruntukan "Collateral Dispute" yang mengarahkan supaya waris-waris membuat dakwaan ke Mahkamah Tinggi dalam tempoh 2 bulan, dan sebaliknya memadai dibicarakan "dispute" itu oleh Pegawai Pembahagian Pesaka atau Pemungut Hasil Tanah. Jika sekiranya mana-mana pihak tidak berpuas hati bolehlah membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi. Ini akan

mempercepatkan dan memudahkan lagi penyelesaian bagi kes-kes berkenaan.

- (ix) Di samping itu, tujuannya juga ialah mengurangkan pemilikan beramai (multiple and complex ownership) ke atas tanah-tanah pesaka terutamanya tanah-tanah pertanian yang kecil. Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah memberi fatwa bahawa pihak berkuasa (Kerajaan) boleh memutuskan pembahagian harta pesaka kepada waris dalam bentuk wang dan lain-lain dan ini akan mengelakkan amalan sekarang mendaftarkan setiap waris sebagai pemilik pembahagian yang tidak dipecahkan (undivided shares).
- (x) Mengadakan peruntukan baru agar wang gantian yang enggan diterima atau dimana waris-waris itu berada di luar negeri atau tidak dapat diserahkan boleh disimpan oleh Pemegang Amanah Raya.
- (xi) Menyelaraskan prosedur rayuan dan tempoh membuat rayuan dengan rayuan daripada Mahkamah Sesyen selaras dengan pemakaian Subordinate Courts Act 1948 kepada Sabah dan Sarawak.

Penerangan lanjut mengenai Rang Undang-undang ini adalah seperti dalam huraian di muka surat 7 hingga 11.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dengan pindaan-pindaan yang dicadangkan ini apabila diluluskan kelak akan melicinkan lagi pentadbiran Pembahagian Pesaka Kecil. Di atas pertimbangan-pertimbangan ini, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

**Menteri Kesihatan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta (Pembahagian) Pesaka Kecil 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.26 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian sedikit dalam perbahasan berhubung dengan Suatu Akta untuk meninda Akta Pembahagian Pusaka Kecil 1955 yang mana Akta ini boleh dinamakan Akta (Pembahagian) Pusaka Kecil 1988 yang mana huraian telah pun dibaca oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Di sini saya mengucapkan terima kasih kerana dalam masalah ini memang berlaku khasnya orang-orang kampung yang dahulu waris-warisnya telah meninggal dunia dan seterusnya dan hanya pusaka yang ditinggalkan itu tidaklah begitu banyak tetapi dengan keadaan cucu-cicit begitu banyak susah memberikan pembahagian kepada harta-harta yang berkenaan. Dengan adanya pindaan-pindaan ini rasa saya pihak Kerajaan dan pihak yang berkenaan ataupun rakyat akan mendapat kemudahan ini untuk membahagi-bahagikan harta-harta yang ada dan sebagainya.

Di sini saya ingin menyentuh hanya satu soal—saya rasa tidak ada di dalam Akta ini tetapi saya rasa boleh pihak Menteri memberi pandangan ataupun jawapan iaitu berhubung dengan Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur sendiri iaitu di kawasan saya, di kawasan Lembah Pantai iaitu di kampung-kampung seperti Kampung

Kerinci, Kampung Bukit Lanjan, Kampung Sungai Pencala, Kampung Pelambayan, Segambut Dalam dan Segambut Luar. Banyak tanah-tanah di situ yang sekarang ini tidak tahu siapa yang punya kerana orang-orang yang ada itu telah pun balik ke negeri. Kawasan-kawasan yang tersebut itu adalah orang-orang yang datang daripada Indonesia yang telah pun balik ke negeri mereka dan masalah yang timbul sekarang, Tuan Yang di-Pertua, adalah pihak yang ada mempunyai tanah, yang ada nama di sini tetapi untuk memajukan tanah-tanah mereka itu tidak dapat dimajukan di antara tanah-tanah itu tidak tahu siapa tuannya. Sungguhpun tahu, kita tidak tahu di mana di Indonesia dia duduk. Umpamanya hendak buat jalan, hendak buat pembangunan rumah tidak dapat kerana pihak Dewan Bandaraya dan pihak Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan pun tidak dapat.

Umpamanya baru-baru ini iaitu satu kawasan di tengah-tengah dalam kawasan yang saya sebutkan ini untuk mendirikan rumah tetapi hendak masuk jalan tidak boleh kerana pihak Kerajaan, pihak Dewan Bandaraya pun tak berani hendak memberi kerana pengesahan daripada hakmilik ataupun harta pusaka yang orangnya tidak ada. Oleh itu terbengkalai begitu sahaja.

Baru-baru di Sungai Pencala pihak Kerajaan pun telah menyediakan wang lebih kurang \$25,000 untuk membuat jalan tetapi oleh kerana dalam banyak-banyak lot itu ada tiga lot yang tidak tahu siapa punya, namanya ada, hendak cari pun tak ada sehingga pada hari ini telah dua tahun pihak Kerajaan tak dapat hendak buat apa-apa, orang kampung bertanyanya bagaimana jalan ini, sungguhpun peruntukan telah dibuat. Oleh itu, dalam masalah ini saya hendak bertanya bagaimana keadaan ini boleh supaya projek-projek

seumpama ini hendak dijalankan oleh kerana tergendala oleh perkara-perkara yang saya sebutkan tadi supaya dapat dijalankan ataupun bagaimana akan diadakan satu Undang-undang Pembahagian Harta Kecil ataupun menyelesaikan masalah-masalah ini bukan sahaja di Kuala Lumpur saya sebutkan ini tetapi kemungkinan di kawasan-kawasan yang lain di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak rasa saya pun ada perkara ini berlaku.

Dengan ini, saya sekali lagi menyokong di atas undang-undang ini dan semoga apa yang saya sebutkan tadi tidak jauh menyeleweng daripada asal dalam Akta ini. Sekian, terima kasih.

*5.30 ptg.*

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, pertama, saya sukalah mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai yang telah memberi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kerajaan yang berusaha hendak memindahkan Rang Undang-undang ini.

Mengenai perkara yang disebut oleh Yang Berhormat, saya rasa tidak menjadi masalah kerana kita mempunyai satu undang-undang iaitu Land Acquisition Act, dengan izin, di mana dalam Rang Undang-undang biasanya kita memberi notis apabila pihak Kerajaan hendak mengambil sekeping tanah terutama sekali untuk kepentingan orang ramai dan notis itu diberi mengikut statutory requirement dan cukup masanya apabila tak ada orang claim, tanah itu diambil untuk diusahakan untuk satu-satu projek. Jadi, saya rasa tidaklah ini menjadi satu penghalang kepada satu-satu projek Kerajaan kalau tuannya tanah itu tidak dapat dipastikan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 13* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

### **RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA TEMBAKAU NEGARA (PERBADANAN) (PINDAAN)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.35 ptg.*

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama saya ingin mengemukakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu Rang Undang-undang bernama Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan) 1988 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga Tembakau Negara telah ditubuhkan pada tahun 1973 iaitu melalui Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973. Penubuhan Lembaga ini bertujuan untuk menjaga kepentingan dan kemajuan industri tembakau di negara ini. Kewajipan Lembaga seperti yang termaktub di dalam Akta tersebut ialah:

- (1) mengadakan peraturan mengenai mengawal dan menyelaraskan segala aktiviti berkenaan dengan penanaman, pengawitan, penjualan, pembelian, penyimpanan dan pemindahan tembakau;
- (2) menimbang dan mengadakan langkah-langkah untuk memperbaiki aktiviti itu;
- (3) menimbang, menggalak dan mengambil langkah-langkah untuk mencegah berlaku dan merebaknya penyakit yang menyentuh tembakau; dan
- (4) pada amnya telah melakukan apa-apa juga perkara untuk memperbaiki dan menjalankan dengan sepatutnya industri pengeluaran tembakau.

Selaras dengan peredaran masa dan perkembangan industri tembakau itu sendiri, maka terdapat keperluan untuk membuat pindaan-pindaan terhadap Akta sekarang supaya Lembaga dapat menjalankan . . . . .

**Tuan Chian Heng Kai: (Bangun)**

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat . . . . .

**Tuan Chian Heng Kai:** Mungkin tak cukup kuorum.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Setiausaha, sila bilang.

*(Ahli-ahli dikira, kurang dari 26 Ahli hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak cukup. Sila bunyikan loceng.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Cukup kuorum. Sila teruskan.

**Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyambung ucapan.

Selaras dengan peredaran masa dan perkembangan industri tembakau itu sendiri maka terdapat keperluan untuk membuat pindaan-pindaan terhadap Akta sekarang supaya Lembaga dapat menjalankan fungsinya secara lebih luas, licin dan berkesan. Saya tidak bercadang menghuraikan satu persatu mengenai pindaan-pindaan yang dicadangkan di Dewan yang mulia ini. Saya sekadar ingin menyentuh aspek-aspek pindaan yang penting sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ini bolehlah dikategorikan kepada tiga bahagian iaitu pindaan-pindaan yang berkaitan dengan pembangunan, penguatkuasaan dan pentadbiran. Pindaan yang berkaitan dengan pembangunan bertujuan untuk meluaskan lagi skop kawalan Akta sekarang yang hanya terhad kepada tembakau yang diawit secara pemanas sahaja. Dengan adanya pindaan ini lain-lain jenis tembakau seperti tembakau awitan udara dan matahari yang juga terdapat di negara ini boleh turut dimajukan dan diselenggarakan dengan sewajarnya oleh Lembaga Tembakau Negara.

Akta yang ada sekarang juga hanya membenarkan tembakau dibeli oleh pengilang-pengilang berlesen sahaja

sedangkan mungkin ada pihak-pihak lain yang juga ingin membeli tembakau dengan tujuan tersendiri termasuk untuk dieksport. Melalui pindaan yang dicadangkan tembakau boleh dibeli oleh sesiapa juga setelah diberi lesen oleh Lembaga.

Pindaan ini juga mencadangkan untuk menambah fungsi Lembaga bagi meliputi pengawasan aktiviti meng-eksport tembakau walaupun pada masa ini negara ini belum lagi meng-eksport tembakau kerana masalah persaingan dengan tembakau luar negeri, namun dalam jangka masa panjang adalah tidak mustahil ia boleh menjadi kenyataan. Selaras dengan penambahan fungsi ini dan demi menjaga kepentingan pihak-pihak yang sedia ada dalam industri ini adalah dicadangkan supaya peruntukan-peruntukan bagi membolehkan Lembaga mengadakan kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan agar aktiviti eksport dapat dijalankan secara terkawal dan teratur.

Memandangkan bahawa industri tembakau di negara ini seringkali terganggu kestabilannya akibat kelemahan-kelemahan di dalam kawalan sistem pemasaran, maka pindaan juga dicadangkan untuk membolehkan Lembaga menetapkan garis panduan di dalam urusan jualbeli tembakau. Dengan pindaan ini pemasaran tembakau boleh berjalan secara teratur dan terkawal.

Pindaan juga dicadangkan bagi membolehkan urusan pembelian daun tembakau hijau atau daun tembakau kering dilakukan oleh kakitangan bagi pihak pelesen melalui instrument perakuan kebenaran, dengan izin, certificate of authorisation yang akan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah. Cadangan ini dapat memperbaiki sistem urusan pembelian tembakau yang sedia ada supaya ia dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih licin dan teratur.

Peruntukan mengenai kuasa-kuasa Lembaga dari segi pelesenan di dalam Akta sekarang juga dirasakan perlu dipinda. Di dalam Akta sedia ada, Lembaga hanya diberi kuasa sama ada untuk membatalkan atau tidak membatalkan sesuatu lesen bagi kes-kes pelanggaran Akta, peraturan-peraturan, syarat-syarat atau terma-terma pelesenan sedangkan di antara kesalahan-kesalahan tersebut ada yang dianggap tidak berat dan tidak wajar dihukum dengan cara demikian. Dalam hubungan inilah maka dirasakan perlu ditambah kuasa Lembaga untuk menggantung lesen sebagai satu tempoh tidak melebihi 6 bulan selain daripada kuasa membatalkan atau tidak membatalkan lesen.

Pindaan juga dicadangkan untuk memperkemas lagi peruntukan mengenai kutipan ses. Akta sekarang hanya membolehkan ses dikenakan ke atas penjualan tembakau kering oleh pengawit tembakau kepada pengilang rokok. Dengan pindaan yang dicadangkan ses boleh dikutip di semua peringkat pembelian tembakau jika difikirkan sesuai dan perlu untuk tujuan memajukan industri.

Sementara itu, pada masa kebelakangan ini kegiatan penyeludupan tembakau merupakan satu masalah yang seringkali mengancam kestabilan industri tembakau tempatan. Sungguhpun langkah-langkah bagi mengawal dan membanteras kegiatan ini telah diambil oleh Lembaga, termasuk Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja serta Unit Pencegah Penyeludupan, namun disebabkan oleh kekurangan di dalam peruntukan mengenai penguatkuasaan di dalam Akta sekarang, langkah-langkah kawalan ini tidak mencapai hasil yang memuaskan. Oleh itu, beberapa peruntukan tambahan dicadangkan untuk dimasukkan dalam Akta sekarang dan peruntukan-peruntukan

yang ada diperkemas lagi. Antara lain pindaan-pindaan yang dimaksudkan meliputi perkara-perkara seperti berikut:

- (1) membolehkan pegawai penguatkuasa mengarah sesebuah kenderaan yang membawa tembakau yang disyaki terlibat di dalam sesuatu kesalahan di bawah Akta ini pergi ke tempat yang dikehendaki dan membolehkan kenderaan itu bersama-sama dengan tembakau berkenaan diambil, dengan izin, "diseized";
- (2) membolehkan pegawai penguatkuasa memulangkan buat sementara waktu tembakau dan kenderaan yang telah diambil;
- (3) membolehkan tindakan-tindakan diambil juga ke atas Pengarah atau kakitangan yang bertanggungjawab ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh sesebuah badan korporat;
- (4) menjadikan pemberian maklumat atau kenyataan yang palsu atau enggan memberi kerjasama kepada pegawai penguatkuasa sebagai satu kesalahan; dan
- (5) membolehkan kompaun dikenakan bagi kesalahan-kesalahan kecil.

Jenis kesalahan-kesalahan ini akan ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan-peraturan yang dibuat.

Bagi pindaan-pindaan yang berkaitan dengan pentadbiran, pindaan yang utama adalah untuk membolehkan Lembaga menurunkan kuasanya kepada sesebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan atau kepada seseorang pegawai, umpamanya Ketua Pengarah. Peruntukan ini perlu kerana tugas-tugas Lembaga kini semakin banyak dan rumit, di samping memerlukan

tindakan yang segera di dalam beberapa hal. Melalui pindaan ini Lembaga dapat berjalan dengan lebih licin dan ini akan memberi peluang kepada Lembaga untuk menumpukan perhatian kepada soal-soal dasar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Rang Undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) 1973 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

5.46 ptg.

**Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sepatah dua kata atas Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, saya hairan Kerajaan Barisan Nasional ini apa yang dibuat dengan tangan kiri dia tidak sedar apa yang dibuat dengan tangan kanan. Lembaga . . . . .dengarlah Yang Berhormat dari Larut—Lembaga Tembakau tujuannya untuk menggalakkan, mendorong tanam tembakau. Tanam tembakau untuk tujuan apa? Untuk buat rokok, buat cigar, tetapi. . . . .(Ketawa)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ada gaya sedikit. (Ketawa)

**Dr Eng Seng Chai:** . . . . .tetapi mana Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan? Dialah saya

hendak tanya, dialah sebagai Timbalan Menteri Kesihatan lancarkan kempen-kempen dengan banyak publisiti—jangan merokok, tak boleh merokok, merokok membahayakan kesihatan. Lagi di Ipoh lancar dengan besar-besaran kempen baru 3-4 bulan dahulu buat satu rokok besar, tendang, bakar dia, musnahkan rokok. Mana dia hari ini? Sepatutnya dia ada di sini tahankan pendirian dia. Dialah yang kata—merokok membahayakan kesihatan, membawa penyakit-penyakit jantung, membawa penyakit-penyakit paru-paru sebagai barah, meningkatkan tekanan darah tinggi dan juga untuk wanita-wanita yang merokok, kandungan anak mereka susut kecil, akan dapat penyakit dengan mudah. Dan juga kita diberi statistik-statistik yang membuktikan betul, benar, tabiat merokok membawa banyak bahaya, banyak kesulitan kepada kesihatan rakyat kita hari ini. Dan kita belanja beratus juta ringgit tiap-tiap tahun dalam perbelanjaan negara ini untuk meningkatkan mutu kesihatan rakyat kita. Di sini dengan tangan kanan Kerajaan kata baik kita kurangkan tabiat merokok, tetapi dengan tangan kiri apa kita akan buat hari ini? Inilah, Yang Berhormat dari Larut, apa yang dibuat dengan tangan kanan, tangan kiri tidak tahu. Siapakah kita akan memperdaya. . . . .

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya. . . . .

**Tuan Mohd. Zihin bin Mohd. Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, Order 36 (10)—sakit-sakit hati. (Ketawa) Tidakkah Ahli dari Petaling Jaya itu juga boleh mengubati orang hisap rokok?

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dia sakit-sakit

hati, saya ingat dia merokok banyak itu fasal sakit-sakit hati. Tanyalah Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan mengapa dia hari ini sakit-sakit hati, jangan merokok, tetapi Kerajaan Barisan Nasional mengapa dia hendak galak tanam tembakau?

Barangkali pada satu masa kemelesetan ekonomi, hari ini kita tidak ada lain-lain kerja, pengangguran meningkat tiap-tiap hari, barangkali hendak beri kerja kepada "graduate-graduate", lepasan universiti-universiti kita. Barangkali hendak beri kerja kepada petani-petani, barangkali juga Perbendaharaan kita hari ini, barangkali keadaan kewangan di Kementerian Kewangan hari ini atau di Bank Negara hari ini, barangkali kekurangan kemampuan kewangan, barangkali kita hendak kutip lebih lagi cukai! Itulah galakkan orang tanamlah tembakau lebih lagi, buat lagi lebih rokok, hisap lagi lebih, mati lagi lebih cepat.

Bukan itu sahaja, bukan Lembaga Tembakau sahaja. Melainkan Kementerian Kesihatan, melainkan Kementerianya—(Menteri ketawa), dia sangat puas hati, melainkan dia dan Kementerianya, saya boleh kata lain-lain "machinery" Kerajaan memberi bantuan meningkatkan tabiat merokok. Sebagaimana Menteri Penerangan, Kementerian Penerangan dan Penyiaran, tengoklah ini "portable air-con", ini iklan: nampak? "Portable air-con", tetapi sebenarnya bukan air-con—rokok. Ini untuk memperdayakan orang, tipu sahaja. Kata merokok, badan jadi macam "air-con", senang hati.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Dr Eng Seng Chai:** Ini hari boleh!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** On point of order, 36 (1). "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu". Fasal yang kita bincangkan ialah masalah mengenai dengan Lembaga Tembakau, Yang Berhormat dari Petaling Jaya sibuk sangat dengan Menteri Kesihatan iklan rokok itu apa fasal. Itu tidak ada kaitan, Tuan Yang di-Pertua. Dia kalau hendak bahas Menteri Kesihatan, itu bab lain. Nampaknya dia tua, tua sahaja, tetapi tidak faham. Jadi kalau hendak kata bodoh, kasar, kena marah pula. Tetapi memang dia tidak faham dengan 36(1).

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua buat keputusan, janganlah ucap-ucap.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dia boleh. Teruskan.

**Dr Eng Seng Chai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya dia tidak faham, inilah "policy stage" dan apa yang ada berkaitan dengan tembakau termasuk rokok.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya sudah buat keputusan. Tidak payah keterangan.

**Dr Eng Seng Chai:** Tetapi dia tidak faham, Tuan Yang di-Pertua. Fasal Tuan Yang di-Pertua tidak jelaskan kepada dia, dia kata saya bodoh dan kasar, barangkali. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
Tuan Yang di-Pertua, 36(1).

**Dr Eng Seng Chai:** Duduklah!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ini point of order. 36(1). Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapan

kepada perkara yang dibincangkan sahaja. Tuan Yang di-Pertua, sudah beri kata, cakap pada akta yang **biru** sahaja. Jangan cakap yang **lain-lain**. Orang kata bodoh hendak marah.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak payah Yang Berhormat. Dia boleh katakan apa dia hendak di atas prinsip dan polisi.

**Dr Eng Seng Chai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila sambung.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya sambung. Iklan-iklan ini bukan kita dapat dalam suratkhbar sahaja, walaupun kita kata kita sudah haramkan semua iklan berkaitan dengan rokok-rokok, di mana gambaran rokok tidak boleh didapati dikaca TV, tetapi apa pula kita dapat di kaca TV dengan adanya jaguh-jaguh sukan, adanya orang-orang yang berpakaian bergaya, bermain "sport, motor car racing, motor cycle racing, boating, yachting", juga diberi banyak masa dan juga diberi peluang menaja program-program TV. Inikah. . . .

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh bangun.

**Dato Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Terima kasih. Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah memberikan hujah-hujah, pada anggapan saya sama ada betul atau tidak, adakah Yang Berhormat bermaksud supaya Kerajaan kita tidak menggalakkan dan seterusnya membasmikan penanaman tembakau di negara ini. Itukah maksud Yang Berhormat dari Petaling Jaya?

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, pada mula-mulanya saya sudah kata, apa yang dibuat oleh tangan kanan, tidak tahu apa yang dibuat oleh tangan kiri. Inilah maksud saya. Apakah kita akan buat? Buatlah satu keputusan membasmikan tanaman tembakau dan tabiat merokok, atau kita akan menggalakkannya. Mengapa buat begitu tidak tentu, tidak tahu apa hendak buat, "double standard", bukan "double standard" "blind to what you are doing with your left and your right hand", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Buatlah sebagai negara jiran kita. Tiap-tiap tahun dalam Belanjawan naikkan cukai, jangan beri peruntukan kepada tanaman tembakau. Bubarkan Lembaga Tembakau ini.

Saya menyeru Kerajaan Barisan Nasional sedarlah apa yang kita akan buat. Yang baik untuk semua rakyat patut galakkan! Jangan ingat-ingat, ada wang, ada cukai, ada peluang beri kerja, kita galak sahaja. Bukankah ini satu hari nanti akan membawa kesan-kesan yang lebih buruk; untuk mengubati penyakit seseorang memerlukan beribu-ribu ringgit? Kita hendak beri katil di dalam hospital, dan jika Menteri kena penyakit berkaitan dengan merokok, dia diberi rawatan di luar negeri dengan belanja beribu-ribu ringgit juga. Bukankah ini akan membawa kesan-kesan lebih buruk, kesan yang akan merugikan negara kita. Itulah saya menyuruh, suruhlah, ikutlah, ikut misalan, ikut teladan Dato' Samy Vellu, Yang Berhormat Menteri—tidak boleh sebut nama. Okay—saya tarik balik: Yang Berhormat Menteri Kerjaraya.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, berilah chance.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Hendak penjelasan-kah atau apa?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Marang minta penjelasan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Soal baik ataupun tidak baik, manusia boleh memikirkannya. Jadi mengapa wakil Yang Berhormat dari Petaling Jaya begitu sibuk-sibuk. Rakyat telah pandai pilih, dia ada otak dan dia boleh pilih mana yang baik, mana yang tidak baik. Macam mana Tuhan juga menjadikan ada yang baik, ada yang tidak baik. Kenapa Tuhan tidak jadikan semua binatang itu bagus sahaja? Kenapa Tuhan ada jadikan binatang ular, harimau, kenapa? Sedangkan binatang itu merbahaya. Ertinya dia meletakkan kepada rakyat untuk membuat pilihan. Kerajaan pun begitu juga, ada yang baik, ada yang tidak baik. Kalau kita hapuskan tanaman tembakau, mana rakyat hendak cari kerja. Ceritakan kepada saya 50,000 lebih penanam tembakau negara hendak pergi mana? Berikan alternatifnya, berikan pilihan. Jangan cakap sahaja. Itulah. Jelaskanlah. *(Ketawa)*

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, itulah maksudnya. Dia takut tidak dapat undi lagi lain kali kalau tanam tembakau. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** *(Bangun)*

**Dr Eng Seng Chai:** Ini kali tidak beri jalan, duduk! *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Teruskan, Yang Berhormat.

**Dr Eng Seng Chai:** Tadi dia kata rakyat memang pandai, boleh fikir untuk sendiri. Saya pun setuju rakyat

pandai, tetapi Barisan Nasional adalah Kerajaan yang tidak pandai, selok-belok, yang hendak berat sebelah. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan tidak pandai, takkan dia boleh mentadbir negara, DAP yang tidak pandai!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Saya tidak beri jalan, mana boleh dia berucap!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Nanti sekejap. Yang Berhormat dari Marang, lain kali minta kebenaran dahulu, tidak boleh, Yang Berhormat, kalau boleh.

**Dr Eng Seng Chai:** Itulah dia kata ada ular, ada binatang, macam mana ular dan binatang ini hendak kita beri sedar? Tetapi rakyat bukan ular, binatang, mereka semua pandai, fikir rokok tidak baik tetapi diberi dorongan melalui kaca TV, melalui publisiti dalam suratkhbar, akan tetapi sebahagian besar atau kecil pun ingat merokok adalah untuk gaya, untuk keunggulan, untuk "ummph", untuk "manliness"—"ummph"! *(Ketawa)*

Tuan Yang di-Pertua, bukankah itu memperdaya, bukankah ini hendak tipu? Sebenarnya hari ini kita sudah dapat satu wabak. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** *(Bangun)*

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang, minta penjasankah?

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Minta penjelasan.

**Dr Eng Seng Chai:** Tidak beri jalan. Wabak dadah. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila duduk, Yang Berhormat dari Marang.

**Dr Eng Seng Chai:** Penagihan dadah. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Dr Eng Seng Chai:** Tadi saya sudah kata saya tidak beri.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Takut, takut!

**Dr Eng Seng Chai:** Inilah orang pengecut, selalu kata "takut, takut". Apa kata "takut, takut", nanti "you" boleh ucap!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, di sana boleh diberi juga peluang, "you" boleh ucap. Hendak singkir saya. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36 (1).

**Dr Eng Seng Chai:** Berilah.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Duduklah dahulu, sibuk! Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c). Dia kata saya pengecut, sakit hati ini! (*Ketawa*)—"Perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum. . . . .". Tadi dia kata saya "ular dengan harimau", ini dia kata saya "pengecut". Macam mana ini, Tuan Yang di-Pertua, ini sudah melampau!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Ini tentang Akta Hasutan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya sakit hati!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu nombor yang lain.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Menyentuh ahli yang lain, tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua—Peraturan Mesyuarat 36 (10). Saya minta dia tarik balik perkataan itu!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 36 (6)!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** 36 (10) (c).

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** 36 (6).

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, 36 (6) pun boleh juga.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Itu juga yang boleh, Yang Berhormat, kalau boleh.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Bukan main-main dua itu. Dia kena tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak, tidak boleh berucap lagi, dia kata kita "pengecut".

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Sila tarik balik, Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

**Dr Eng Seng Chai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Orang yang kata "takut, takut" jangan jadi pengecut! Sudahlah, jangan kita bahas itu. Saya tadi kata. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, dia tidak mahu tarik balik.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Duduk, Yang Berhormat—Yang Berhormat!

**Tuan Shahidan bin Kassim (Arau):**  
(Bangun)

**Dr Eng Seng Chai:** Saya tidak beri jalan juga kepada Yang Berhormat dari Arau.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, sila duduk. Tarik balik perkataan "pengecut", itu tidak boleh digunakan.

**Dr Eng Seng Chai:** "Pengecut" kepada siapa—kepada Yang Berhormat dari Arau? Kepada Yang Berhormat dari Arau, saya tarik balik. Kepada Yang Berhormat dari Marang, tadi dia kata "takut, takut", dia mesti tarik balik, mengapa dia kata. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, dia yang kata saya dahulu, "pengecut".

**Dr Eng Seng Chai:** Siapa yang kata dahulu, tengok *Hansard!* Dia kata "takut, takut".

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Dr Eng Seng Chai:** Saya tidak beri jalan.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Perkataan "pengecut" lebih teruk daripada "takut"!

**Dr Eng Seng Chai:** Kalau dia tarik balik, saya pun tarik balik.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua tidak beri order. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Petaling Jaya, sila tarik balik perkataan "pengecut" terhadap Yang Berhormat dari Marang. Teruskan.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya akan tarik balik perkataan "pengecut" jika dia tarik balik perkataan "takut, takut". Saya teruskan.

Kita harap Kerajaan Barisan Nasional akan ikut misalan, teladan. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, tanpa syarat. Itu syarat Tuan Yang di-Pertua, bukan syarat Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Kalau Tuan Yang di-Pertua beri syarat, saya ikutlah!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Dia telah tarik balik, sudahlah!

**Dr Eng Seng Chai:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya harap Kerajaan terutamanya Menteri-menteri dan Timbalan Menteri-menteri dan Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional semua akan ikut teladan Yang Berhormat Menteri Kerjaraya di mana dia sudah beri satu arahan kepada Kementeriannya, jangan beri peluang kakitangan dan orang awam merokok dalam "office", pejabat-pejabat yang di bawah Kementeriannya. Inilah saya kata yang patut dibuat dan saya harap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan seru semua Kementeriaan, pejabat-pejabatnya ikut arahan yang sama di mana kakitangan pejabat-pejabat ini dan orang ramai yang diberi layanan di pejabat-pejabat ini akan diberi amaran "Jangan Merokok". Janganlah kita jadi sebagai seorang dengan "split personality" sebagai yang terkenal seperti "Dr. Jekyll dan Mr. Hyde". Apa yang Mr. Hyde hendak buat, Dr. Jekyll musnahkan. Apa yang Dr. Jekyll buat, Mr. Hyde musnahkan. Kalau kita hendak orang sihat, jangan beri mereka merokok. Jika kita hendak mereka merokok, janganlah beri banyak peruntukan untuk mengubati penyakit-penyakit. . . . .

**Tuan Ismail bin Said (Kemaman):**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Kemaman.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya belum habis "sentence" ini.

**Tuan Ismail bin Said:** Minta penjelasan.

**Dr Eng Seng Chai:** Nantilah. Janganlah beri banyak peruntukan untuk mengubati penyakit-penyakit berkaitan dengan tabiat merokok. Ya, sekarang saya beri.

**Tuan Ismail bin Said:** Saya hendak tanya Yang Berhormat dari Petaling Jaya sama ada beliau telah pun menasihati rakan beliau dari Sepang supaya jangan merokok? Itu sahaja. (*Ketawa*)

**Beberapa Ahli:** Dari Rasah! (*Ketawa*)

**Dr Eng Seng Chai:** Dia tidak kenal Rasah dan Sepang. Namanya Hu Sepang, kawasan Rasah! (*Ketawa*) Saya sebagai kawan baik pun selalu nasihat dia supaya jangan merokok. "Jangan merokok, Hu Sepang, nanti mana hendak pergi, barangkali tanah Rasah pergi!" Saya sudah selalu beri nasihat kepada dia dan saya ingat dia ada ikut nasihat itu, tetapi saya beri nasihat kepada "you", ikut tak?

**Tuan Shahidan bin Kassim:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Jangan kata "you".

**Dr Eng Seng Chai:** Oh, sorry, Yang Berhormat.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau dahulu.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mohon penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak boleh mohon, minta penjelasan.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Okay, saya minta penjelasan. (*Ketawa*) Yang Berhormat, kalau ketam tidak boleh menyuruh anaknya berjalan dengan betul—maaf, Yang Berhormat ini umpama ketam cuba menyuruh anaknya berjalan dengan betul tetapi dia sendiri tidak betul. Jadi, Yang Berhormat cadangkan kami supaya jangan merokok, tetapi orang dalam keluarga Yang Berhormat sendiri termasuk Ahli dari Rasah juga merokok. Itu nombor satu.

Nombor dua, saya ingin penjelasan, tadi Yang Berhormat sebut jangan beri peruntukan untuk mengubati orang-orang yang sakit kerana merokok. Jadi, dengan secara tidak langsung Yang Berhormat mencadangkan supaya orang yang sakit kerana merokok di hospital sekarang supaya mati. Adakah itu maksud Yang Berhormat? (*Ketawa*)

**Tuan Hu Sepang (Rasah):** Point of order, Tuan Speaker. Saya tidak sukalah dijadikan bahan perbahasan. (*Ketawa*) Ini adalah berkaitan dengan Lembaga Tembakau, bukan saya punya hal!

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya bersetuju penuh dengan Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Jadi saya minta Tuan Speaker buat satu ruling.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya bersetuju dengan Yang Berhormat.

**Tuan Hu Sepang:** Jangan menyentuh sayalah! Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya bersetuju. Jangan menyentuh tentang tabiat-tabiat Yang Berhormat dari Rasah.

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ketam dan anaknya tidak berapa berkaitan di sini, barangkali anak ketam itu terpengaruh dengan dorongan yang diberi oleh Kerajaan Barisan Nasional meningkatkan tabiat merokok dengan peruntukan kepada Lembaga Tembakau Negara. Tuan Yang di-Pertua. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Dr Eng Seng Chai:** Sudah banyak gangguan, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Hendak beri atau tidak?

**Dr Eng Seng Chai:** Okaylah, saya beri.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Saya cukup baik, kalau nanti saya bersikap kasar, itu tidak sedap, saya bercakap dengan elok. Adakah mahu kita maklumkan kepada akhbar bahawa Wakil DAP berkehendakkan orang yang sakit di dalam hospital kerana menghisap rokok supaya mati? Sebab dia minta kurangkan peruntukan, saya minta akhbar-akhbar tolong laporkan. (Ketawa)

**Dr Eng Seng Chai:** Boleh, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat dari Arau tidak berapa faham apa yang saya kata. Saya kata, buatlah keputusan Barisan Nasional, buatlah keputusan! Apakah kita hendak meningkatkan mutu kesihatan rakyat kita, atau kita hendak buruk-burukkan kesihatan mereka? Itulah, kalau kita hendak buruk-burukkan kesihatan mereka, dengan dorongan yang diberi kepada Lembaga Tembakau, maka kita janganlah beri lagi lebih peruntukan kepada Kementerian Kesihatan untuk mengubati penyakit-penyakit berkaitan dengan merokok. Itulah maksud saya.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang minta penjelasan!

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, minta penjelasan. Saya tidak mahu sentuh Yang Berhormat dari Rasah kerana itu di luar, tetapi masih juga saya mahu sentuh. Yang Berhormat dari Bayan Baru hisap rokok juga, macammana ini? Jadi ini macam ketam juga. . . . .

**Tuan Hu Sepang:** Tuan Speaker, point of order. Bila saya merokok, apa berkaitan dengan Rang Undang-undang ini? (Ketawa)

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Saya tidak sebut Yang Berhormat dari Rasah, saya sebut Yang Berhormat dari Bayan Baru, wakil DAP pun hisap rokok juga. Jadi macammana ini? Dia sudah melaung macam hendak pecah speaker, marah Kerajaan sebab tanam tembakau, tetapi anak-anak dia hisap rokok, itu baru 2 orang, ada lagi 3-4 orang saya malas sebut, hisap rokok juga. Betulkan anak-anak dahulu. Macammana? Pucat!

**Dr Eng Seng Chai:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah kata. Jadi dia kata "ketam dan anaknya", tetapi saya kata "anak ketam" barangkali terpengaruh dengan iklan-iklan yang diluluskan oleh Kerajaan Barisan Nasional di mana tabiat merokok memberi peluang orang yang merokok, itu dia kata "Oh! gaya, keunggulan", dan ada "oomphlah", kata rakan saya. Inilah barangkali sebab. . . . .

**Tuan Shahidan bin Kassim:**  
(Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Arau!

**Dr Eng Seng Chai:** Semasa mereka. . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat minta penjelasan!

**Dr Eng Seng Chai:** Banyak ini.

**Tuan Shahidan bin Kassim:** Penghabisan sekali saya hendak tanya bolehkah Yang Berhormat buktikan Kerajaan Barisan Nasional membuat iklan rokok, buktilah dalam TV pun kita tidak sebut rokok, kita sebut baju jenis "Marlboro" tidak sebut rokok.

**Dr Eng Seng Chai:** Inilah saya kata sikap-sikap memperdaya, tipu, walaupun sebenarnya dia tahu itu iklan, ditaja oleh. . . . .

**Tuan Ismail bin Said:** On a point of order.

**Dr Eng Seng Chai:** Okay.

**Tuan Ismail bin Said:** 36 (4), Yang Berhormat tadi kata ada sebut perkataan "tipu", ini adalah merupakan unparliamentary. Saya minta beliau tarik balik perkataan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Pada Barisan Nasional seluruhnya.

**Dr Eng Seng Chai:** Saya kata "sikap", Tuan Yang di-Pertua, saya bukan kata dia orang "penipu", saya kata "sikap". Pada dasarnya, kita tidak berapa terus terang kata kepada rakyat. Inilah makna saya, terus terang kata kepada rakyat.

Saya harap Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya sentuh hari ini bukanlah saya tidak suka orang bekerja sebagai "petani" tanam tembakau, bukanlah saya hendak beri kesulitan kepada petani-petani, pengawit dan pengilang berkaitan dengan perindustrian rokok, tetapi saya seru Kerajaan ambil perhatian. . . . .

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** (Bangun)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat dari Marang bangun.

**Dr Eng Seng Chai:** Apa yang lebih berat diberi perhatian. Saya tidak beri jalan.

Saya golong sekarang, nanti Tuan Yang di-Pertua boleh beri Yang Berhormat peluang berucap, saya harap Kerajaan kita berilah satu penjelasan, satu keputusan yang jelas apa yang kita lebih mementingkan. Dan jika kita lebih mementingkan kesihatan rakyat, maka saya seru Kerajaan supaya mula kurangkan semua perindustrian, semua tanaman dan semua pengilangan berkaitan dengan rokok. Pada satu masa yang akan datang barangkali kita boleh buang, hilangkan, memusnahkan tabiat merokok dan barangkali pada masa itu peruntukan kepada Kementerian Kesihatan kita dapat jimat sedikit wang sebab peruntukan yang diberi kepada Kementerian Kesihatan untuk mengubati penyakit-penyakit sebagai barah, penyakit-penyakit paru-paru, penyakit-penyakit jantung, penyakit-penyakit wanita yang mengandung, inilah semua peruntukan boleh dikurangkan, dan jika keadaan kemelesetan ekonomi berlarutan lagi, satu sen, satu ringgit kita jimat pun sepatutnya kita akan jimat juga. Dan saya harap dengan sepatah dua kata, Menteri yang berkenaan akan memberi sedikit perhatian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

6.17 ptg.

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya yang telah membangkitkan beberapa

persoalan hasil daripada pembentangan Rang Undang-undang iaitu suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Tembakau Negara 1973.

Saya sungguh terperanjat dengan cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat itu iaitu beliau meminta supaya Lembaga Tembakau Negara yang ada sekarang ini dibubarkan.

Saya terperanjat oleh kerana sebagai seorang Wakil Rakyat beliau telah membuat sesuatu cadangan tanpa memikirkan implikasi daripada cadangannya itu.

Saya ingin menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya iaitu sekiranya Lembaga Tembakau Negara dibubarkan, maka bukan sahaja kekacauan akan berlaku di dalam bidang industri tembakau di negara kita, tetapi mungkin kekacauan fizikal akan berlaku iaitu tidak ada kawalan di dalam penanaman tembakau. Ini bererti bahawa siapa juga bebas menanam tembakau sebanyak mungkin, dan ini juga bererti sesiapa juga boleh memasarkan, boleh menyeludup, boleh bawa masuk tembakau daripada luar negeri dan sebagainya dan ini sudah pasti akan menimbulkan ketegangan di kalangan pengusaha-pengusaha dan orang-orang yang terlibat di dalam penanaman tembakau.

**Tuan Ismail bin Said:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada beliau sedar ataupun tidak bahawa kawasan Petaling Jaya tidak ada penanam tembakau, cuma ada kilang-kilang rokok tembakau sahaja.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar, barangkali itulah sebabnya beliau membuat

cadangan seperti itu. Beliau tentunya tidak memahami masalah yang dihadapi oleh penanam-penanam tembakau dan pengawit, oleh sebab itu beliau membuat cadangan supaya Lembaga ini yang mengawal, mengawasi industri tembakau ini dibubarkan.

Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat itu walaupun dengan adanya Lembaga Tembakau Negara berfungsi, sekarang inipun kekacauan dan perbalahan sering berlaku antara penanam sesama penanam, antara penanam dengan pengawit, antara pengawit dengan pengilang dan sebagainya. Barangkali satu aspek yang penting yang dilupai oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya apabila beliau membuat cadangan supaya dibubarkan Lembaga Tembakau Negara ini ialah bahawa dengan membubarkan Lembaga ini bererti kemasukan tembakau daripada luar negeri akan berleluasa dan juga kemasukan rokok daripada luar negeri akan berleluasa dan kita bukan sahaja akan kehilangan banyak pekerjaan, tetapi juga kita akan kehilangan pertukaran wang asing yang besar, oleh kerana kita sudah pasti tidak dapat mengharamkan.

**Dr Eng Seng Chai:** Minta penjelasan, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya katakan bukan saya tidak sedar. Saya sedar ada keadaan sebegini di mana sebelah sini kita ada orang-orang yang ada kaitan dengan perindustrian rokok dan tembakau. Dan juga saya sedar jika mereka semua dibuang kerja, kita akan dapat satu singkiran daripada pihak mereka. Tetapi yang saya sentuh bukan itu sahaja, saya sentuh atas dasar di mana apa yang dibuat kita dengan tangan kanan, kita memang sedar apa yang kita buat dengan tangan kiri. Saya kata, saya gulung. Buatlah satu keputusan, apa yang kita lebih mementingkan, itulah atas dasar ucapan saya. Bukan saya

kata hari ini semua buang kerja, berhentikan semua tanaman, sehari kita tidak boleh buat, tetapi buatlah satu keputusan atas dasar apa yang Kerajaan Barisan Nasional lebih mementingkan, kesihatan atau perindustrian rokok. Itulah atas dasar ucapan saya.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya tidak sabar. Kalau dia sabar, saya akan sampai kepada point yang ditimbulkan itu. Sekarang saya hendak menyentuh ucapan beliau, cadangan beliau supaya Kerajaan membubarkan Lembaga Tembakau Negara dan saya cuba menjelaskan kepada beliau, implikasi daripada cadangan beliau itu kalau dilaksanakan. Oleh kerana kita datang ke Dewan yang mulia ini membuat cadangan-cadangan dan rumusan-rumusan, sekiranya kita tidak perhitungkan implikasinya, maka kita dianggap sebagai orang yang tidak bertanggungjawab membuat cadangan-cadangan tanpa memikirkan kesan buruk akibat jangka panjangnya kepada sesuatu usul yang kita kemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, tembakau merupakan satu perusahaan yang tidak digalakkan di mana-mana juga di dalam dunia ini. Tetapi tembakau juga merupakan satu perusahaan yang tidak diharamkan di mana-mana juga negara dalam dunia ini. Di Amerika Syarikat, di Britain, di negara-negara Indo China, Russia dan sebagainya, perusahaan tembakau wujud. Ini tidak bererti Kerajaan-kerajaan negara yang berkenaan menggalakkan rakyatnya merokok. Sikap kita terhadap perusahaan tembakau di negara ini adalah jelas iaitu kita tidak menggalakkan rakyat kita merokok, tetapi kalau orang mahu merokok juga maka hisaplah rokok tempatan, itu dasar kita. Oleh yang demikian, kita tidak berhasrat untuk

menghapuskan tanaman tembakau, jauh sekali daripada membubarkan Lembaga Tembakau Negara seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya. Sebaliknya kita ingin menegakkan suatu industri tembakau yang teratur, yang berkesan dan kalau boleh setiap batang rokok yang dihisap oleh rakyat negara ini, mestilah ditanam berhasil dari tanaman di negara kita sendiri.

Walau bagaimanapun, saya sampai kepada point yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya iaitu apa yang didakwa oleh beliau tangan kiri membuat, tangan kanan tidak tahu. Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar kempen yang sedang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan. Dan Kementerian Kesihatan juga sedar bahawa Kementerian saya sedang berusaha untuk mengawal tanaman tembakau dan perusahaan merokok. Begitu juga Kementerian-kementerian lain yang terlibat di dalam iklan media dan sebagainya. Dalam hal ini tidak ada conflict of interest dan tidak ada apa yang dipanggil tangan kanan buat, tangan kiri tidak tahu. Keadaan ini tidak timbul sama sekali. Yang sebenarnya berlaku ini menunjukkan bahawa terdapat amalan demokrasi yang tulen di dalam negara kita ini. Satu Kementerian tidak menggalak, satu Kementerian pula menolong, terpulanglah kepada rakyat untuk membuat keputusan oleh kerana merekalah yang lebih tahu sama ada dengan merokok mereka boleh mendapat penyakit atau tidak.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mendapati merokok adalah suatu yang tidak baik untuk kesihatan, tetapi Ahli Yang Berhormat yang duduk di sebelahnya mendapati merokok adalah baik untuk dirinya dan . . . . .

**Tuan Hu Sepang:** (*Bangun*)

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat, kita telah buat satu keputusan. . . . .

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Saya tidak bermaksud personal dalam hal ini. Saya menyebut sebagai suatu. . . . .

**Tuan Hu Sepang:** Bila saya sebut merokok ada baik? Saya ingin hendak tahu, bila? (*Tepuk*) Itu sahaja, bila saya ada sebut? Saya langsung tidak sebut apa-apa, saya duduk di sini diam-diam sahaja. (*Ketawa*)

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Baiklah saya tidak melibatkan Ahli Yang Berhormat dari Rasah.

Sebagai seorang doktor, Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya mendapati merokok membahayakan kesihatan, tetapi mungkin sahabatnya yang lain tidak berpendapat demikian dan mendapati merokok merupakan suatu keenakan baginya. Ini adalah suatu perkara yang menyentuh hak asasi manusia. Kalau sekiranya Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu mengakui bahawa kita mestilah mengiktiraf hak asasi manusia, maka kita mestilah juga menghormati orang yang merokok walaupun kita tidak suka merokok. Pendek kata, kalau kita suka makan daging, janganlah pula kita menganggap orang yang tidak suka makan daging sebagai orang yang sak.. atau orang yang tidak sihat atau orang yang tidak baik. Itulah amalan demokrasi yang wujud dalam negara kita ini. Kita sedar bahawa ada dakwaan-dakwaan daripada pihak perubatan mengatakan bahawa merokok itu membahayakan kesihatan dan pihak Kerajaan sendiri sudahpun mengambil langkah dengan memberi amaran yang ditulis di dalam setiap kotak rokok yang dikeluarkan oleh kilang-kilang di negara kita. Saya bacakan, ada di sini, Tuan Yang di-Pertua, "Amaran oleh Kerajaan Malaysia merokok membahayakan kesihatan". Apakah yang. . . . .

**Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)**

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Minta penjelasan?

**Dr Eng Seng Chai:** Ya, penjelasan, Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri beri satu penjelasan adakah cadangan catatan atas kotak-kotak rokok itu akan dibesar-besarkan, sebab ada yang macam buta tidak nampak amaran itu. Berilah lebih perhatian, besarkan catatan atas kotak rokok itu, barangkali orang akan lebih ambil perhatian.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Ini satu cadangan yang ganjil. Esok kalau tulis satu tulisan yang satu inci besarnya, dia akan katakan tidak nampak lagi, dia mahu sekaki, akhirnya tulisan lebih besar daripada kotak rokok.

Tuan Yang di-Pertua, kecil atau besar tidak menjadi soal. Apa yang menjadi soal ialah bahawa Kerajaan Barisan Nasional sudah mengambil maklum.

**Tuan Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya ada menyebut untuk mengharamkan Lembaga Tembakau Negara yang bererti sekaligus menghapuskan penanam-penanam tembakau yang mana kita dapati boleh dikatakan sebahagian besar penanam tembakau ini adalah dari Pantai Timur yang kebanyakannya tidak sokong DAP. Adakah kerana dendam DAP itu kerana penanam-penanam tidak sokong dia, maka dia hendak menghapuskan, adakah itu, minta penjelasan Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Tidak ada masa.

**Dr Eng Seng Chai:** Itu sangkaan jahat, Tuan Yang di-Pertua. Tarik balik. Saya tak ada sangkaan itu—dia tuduh sangkaan jahat.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, kalau minta penjelasan, biasanya penjelasan datang daripada saya—jawapan dari saya.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat. . . . .

**Dr Eng Seng Chai:** Point of order.

**Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran):** Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*